



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**SHAH ALAM, 03 JULAI 2013 [ RABU ]**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datok)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak  
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Haji Idrus  
K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)  
**(Cuti sakit)**

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)  
**(menunaikan Umrah)**

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, A.M.S., P.P.T.  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian binti Manan  
**Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah binti Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Ismail bin Habib  
**Bentara**

Encik Shazrin bin Dzahari  
Encik izal Izlan bin Misnon  
**Penolong Bentara**

Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan Mesyuarat Hari Keempat bagi Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas dimulakan dengan bacaan doa.

**I. BACAAN DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua. Sebelum saya memulakan sesi pertanyaan, saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian serta para hadirin semua untuk mematikan telefon bimbit ataupun meletakkannya dalam *silent mode* semasa Dewan sedang bersidang. Yang keduanya, pihak kerajaan mempunyai hanya 3 minit untuk menjawab dan untuk ADUN yang ingin mengemukakan soalan tambahan, anda hanya mempunyai 30 saat sahaja. Jadi saya mulakan hari ini pertanyaan dari Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Puan Speaker. Soalan No.36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: GAJI MINIMUM RM1,500**

36. Kerajaan Negeri dilihat komited untuk melaksana skim gaji minimum RM1,500 khasnya di syarikat milik negeri melalui Geran Selangorku

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah skim ini dapat diteruskan tanpa geran tersebut?
- b) Bagaimana skim ini dapat diperluaskan di kalangan penjawat awam negeri pula?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Speaker dan Yang Berhormat Sungai Burong. Sungai Burong bertanya, kerajaan negeri dilihat

komited untuk melaksana skim gaji minimum RM1,500 khasnya di syarikat milik negeri melalui Geran Selangorku. Soalan Sungai Burong apakah skim ini dapat diteruskan tanpa geran tersebut?

Jawapannya, di dalam program Geran Selangorku 2012 terdapat peruntukan bagi pengenalan gaji minima dan skim pengenalan gaji minima ini boleh diteruskan walaupun tiada saluran Geran Selangorku dibuat kerana syarikat-syarikat kerajaan negeri yang di bawah MBI ini sudah pun tidak mempunyai kakitangan yang digaji di bawah polisi gaji minima.

Kedua, bagaimana skim ini dapat diperluaskan di kalangan penjawat awam negeri pula? Untuk memperluaskan skim gaji minima ini kepada penjawat awam, pihak negeri sedang mengkaji kembali sistem penggajian penjawat awam negeri yang ada buat masa ini dengan mengambil kira semua aspek yang akan terlibat. Mungkin sedikit perkongsian dengan Sungai Burong dan Ahli-ahli Yang Berhormat, di mana kita melihat ini daripada rekod, daripada kerajaan negeri Selangor, agensi kerajaan dan badan berkanun mendapat gaji di bawah RM1,500. Kita mempunyai, kalau melihat keadaan bagaimana mereka ini telah digaji pengambilan mereka melalui satu skim dulu yang dipanggilkan Gred 1 – 40 anggota kumpulan pelaksana. Mereka ini sekarang ini berjumlah 1,500 orang daripada 23,000 orang anggota perkhidmatan awam yang berkhidmat di jabatan dan agensi negeri Selangor. Ini adalah kerana di antara mereka ini telah diambil dalam perkhidmatan Negeri Selangor dengan kelayakan minimum tamat Darjah 6, PMR atau SRP. Sebab itu mereka bermula, mereka ini telah lama berkhidmat di sini dan tetapi sekarang ini kita melihatkan pekeliling di mana mereka akan, anggota pelantikan anggota perkhidmatan awam akan dinaikkan sekurang-kurangnya minimum Penilaian Menengah Rendah, PMR bukan UPSR lagi. Yang keduanya, kerajaan negeri Selangor juga melihat bagaimana mahu memastikan setiap penjawat awam ini yang belum lagi sampai RM1,500 ini memberikan pelbagai skil atau latihan kemahiran untuk mengupayakan mereka supaya mereka ini multi skil ini untuk melayakkan mereka mendapat imbuhan yang secukupnya.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ia, Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Selain daripada memberikan skil dengan izin untuk meningkatkan kemahiran supaya melayakkan mereka ini menjadi, mendapat imbuhan tersebut dalam keadaan pendapatan mereka yang di bawah garis kemiskinan RM1,500 sekarang ini. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memberikan *hardship* seumpamanya, *hardship allowance* dengan izin ataupun yang seumpamanya bagi membolehkan mereka meringankan beban hidup mereka. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Sungai Burong. Selaku kerajaan yang prihatin dan negeri Selangor yang berkebajikan, sebenarnya kita ada memberikan ruang-ruang supaya mereka ini layak mendapatkan bantuan-bantuan

untuk meringankan bebanan mereka seperti mereka ini layak, anak mereka yang masuk universiti layak, hadiah masuk universiti RM1,000, anak mereka yang pergi tadika dapat Skim Tunas, begitu juga Si Kembar kalau anak mereka pergi ke nurseri dan apa yang disarankan oleh Sungai Burong ini bolehlah kita ambil perhatian. Terima kasih.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ia Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih. Tentang soalan tadi saya ingin menambah pertanyaannya. Ingin bertanya sama ada Guru-guru KAFA yang sekarang ini bergaji RM1,300 bercadang untuk dinaikkan sebab saya sebagai YDP ingin tahulah. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Insyallah, itu di antara manifesto negeri Selangor, Pakatan Rakyat Negeri Selangor sekarang in RM1,300 sekurang-kurangnya mereka akan dapat RM1,500. Terima kasih banyak.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Selamat pagi. Soalan saya yang ke 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: DASAR MEMBANTU WANITA BEKERJAYA DI SELANGOR**

37. Kaum wanita memerlukan bantuan daripada kerajaan dari segi dasar untuk membantu mereka menempuh di dalam pekerjaan tanpa terlalu bimbang dengan anak-anak kecil.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah dan adakah kerajaan akan menetapkan dasar yang lebih ketat terhadap pasar raya-pasar raya besar dan kawasan komersial untuk menyediakan tempat penyusuan ibu dan kemudahan taska, taski, tadika dan sebagainya?
- b) Nyatakan bilangan taska, taski dan tadika serta bilangan ibu yang telah menerima manfaat daripada program Tunas sejak permulaannya sehingga sekarang.



**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Bagi menjawab soalan daripada Kampung Tunku yang berkaitan dengan dasar membantu wanita berkerjaya di Selangor. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita pada Disember 2012, satu ketetapan untuk menetapkan dasar membantu wanita berkerjaya di Selangor yang nantinya akan diangkat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ianya telah pun merencanakan khususnya untuk membantu wanita yang mempunyai anak-anak yang memerlukan penjagaan tanpa mempunyai pembantu rumah telah dirangka. Antara pelan tindakannya :

1. Perbincangan dengan FMM ataupun Persatuan Pekilangan-Pekilangan Malaysia untuk menyediakan taman-taman asuhan yang sesuai dan selamat untuk kakitangan wanita yang bekerja di sektor perkilangan.
2. Mencadangkan kepada pihak Berkuasa Tempatan untuk menjadikan ketetapan di bawah Undang-undang Kecil PBT untuk menetapkan setiap pasar raya atau kawasan komersial menyediakan tempat penyusuan ibu atau kemudahan taska ataupun *child care* dengan izin dan seumpamanya bagi memudahkan wanita boleh berurusan di kawasan-kawasan tersebut.
3. Kerajaan Selangor juga telah melaksanakan satu galakan wanita yang telah mengoperasi pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di rumah yang mana mengambil pengambilan anak-anak yang tidak melebihi seramai 9 orang untuk mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sepatutnya, seterusnya membantu mereka untuk memiliki sijil yang diiktiraf yang mana di Selangor kita menamakan sijil itu adalah Sijil Pensijilan Asuhan Kanak-kanak Selangor.

Jadi pada dasarnya, pelaksanaan ini dijangka akan dilaksanakan bermula pada tahun 2014 tetapi Alhamdulillah, surat-surat yang telah kami sampaikan secara langsung kepada pasar raya, kita dapati banyak juga pasar-pasar raya yang besar-besar telah memulakan konsep untuk menyediakan pusat-pusat penjagaan atau penyusuan di pasar raya tersebut.

Bagi soalan yang kedua, sila nyatakan bilangan taski, taski dan tadika serta bilangan ibu yang telah menerima manfaat daripada program Tunas? Pada setakat Jun 2013, jumlah pelajar yang telah menerima bantuan Skim Tunas ialah sebanyak 2,961 pelajar. Berdasarkan jumlah tersebut bilangan ibu yang telah menerima bantuan tersebut dianggarkan sebanyak 2,900 orang. Ini kerana ada di kalangan ibu yang menghantar 2, sekurang-kurangnya tidak melebihi 2 orang kerana kerajaan negeri membenarkan 1 keluarga hanya menghantar tidak melebihi 2 orang. Jadi jumlah taska 1, taski 114, jumlah tadika 39, lain-lain 21 dan jumlah keseluruhan yang menerima manfaat daripada institusi yang mendapat manfaat ini adalah seramai 174 taska.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih EXCO. Saya meneliti jawapan yang diberi kepada Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat EXCO dan saya mendapati angkanya, angka bilangan taska, taski dan tadika serta ibu yang menerima manfaat di bawah program Tunas ini masih kurang dan sedikit kerana ia masih dilancarkan pada tahun ini sahaja. Saya bertanya, bilakah EXCO atau pun kerajaan negeri akan menjalankan satu lagi taklimat secara menyeluruh kepada semua ADUN yang ada di sini kerana kebanyakan daripada kita ialah antara mereka yang baru dipilih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Kampung Tunku. Untuk makluman semua, program Seri Tunas ini adalah program yang telah dimulakan pada penggal lepas, itu pun dalam tempoh setahun yang terakhir tetapi ianya akan diteruskan. Kalau dulunya mekanisme ini adalah dengan pergi kepada semua taska-taska, tadika-tadika, taski-taski yang berdaftar dan memaklumkan tentang program ini tapi kali ini kita pun telah dinasihatkan ataupun diminta supaya semua ADUN-ADUN juga terlibat secara langsung yang mana mekanisme memberi baucar Si Tunas sebanyak RM50. Itu pun telah ditukar. Kalau dulu ia terus dihantar kepada taska, tadika dan taski tetapi sekarang ini kita akan serahkan baucar itu kepada ADUN-ADUN untuk ADN-ADN sampaikan kepada pelajar untuk disampaikan kepada tadika. Jadi, jawapan saya semua ADN-ADN yang baru dilantik boleh terlibat secara langsung dengan menamakan tadika-tadika yang sedia ada tetapi perlu diingatkan bahawa tadika, taska dan taski yang ada mestilah taska, tadika, taski yang mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun yang telah pun di bawah Majlis Permuafakatan Tadika-tadika Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 38 telah dijawab bersekali dengan soalan No. 7. Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Puan Speaker, soalan No.39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: STATUS HAK MILIK TANAH KAMPUNG TRADISI**

39. Pemberian hak milik tanah bagi kampung tradisi telah banyak diselesaikan oleh Kerajaan Negeri Selangor :

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah tanah bagi kampung tradisi yang telah diberikan status hak milik sepanjang tempoh Mac 2008 sehingga April 2013 mengikut pecahan DUN?

- b) Berapakah jumlah pemilik tanah yang telah ditawarkan status hak milik tetapi masih belum melunaskan bayaran premium sepanjang tempoh Mac 2008 sehingga April 2013 mengikut pecahan DUN?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** *Bismillahir rahmanir rahim.* Puan Speaker, Taman Templer ingin tahu tentang status hak milik tanah kampung tradisi. Sejak 2008 sebanyak 609 kawasan-kawasan tanah milik kerajaan negeri telah diberi status hak milik kepada individu iaitu Borang 5A yang merangkumi melebihi 423.916 ekar. Antara daerahnya ialah di Hulu Bernam, Kuala Kubu Baharu, di Kampung Pasir Kerling, Bukit Rasa, di Batang Kali, Kampung Sentosa, Kampung Batu Tiga. Di Kuala Selangor, di Melawati, Ijuk dan Jeram. Di Hulu Selangor, sepanjang Mac hingga April 2013 jumlah pemilik tanah yang telah ditawarkan status hak milik dan masih belum melunaskan bayaran premium adalah seperti berikut iaitu di Jeram 181, di Ijuk 48, di Kuala Langat 381.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI:** Puan Speaker, soalan saya No.40.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: PENCERAMAH BERTAULIAH**

40. Pentauliahan kepada ceramah penting untuk mengekang ajaran Islam yang menyimpang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah penceramah yang diberi tauliah untuk tahun 2013 mengikut daerah?
- b) Apakah proses dan kriteria pemilihan penceramah tersebut?
- c) Apakah langkah untuk mengekang penceramah tanpa tauliah?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Tuan Speaker, terima kasih kepada Sungai Panjang. Sungai Panjang bertanya berkaitan dengan jumlah penceramah yang diberi tauliah pada tahun 2013 mengikut daerah. Sebagai jawapannya, bagi Daerah Gombak seramai 29 orang, bagi Daerah Hulu Langat seramai 14 orang, Hulu Selangor 5 orang, Klang 10 orang, Kuala Langat 10 orang, Kuala Selangor 4 orang, Petaling 34 orang, Sabak Bernam 6 orang, Sepang 5 orang, luar Selangor 9 orang. Untuk soalan yang kedua berkaitan dengan apakah proses dan kriteria pemilihan penceramah tersebut? Kelayakan pemohon tauliah itu berdasarkan pertama ialah dia beragama Islam dari

kalangan Ahli Sunah Wal Jemaah. Kedua berumur 18 tahun ke atas, ketiga sihat tubuh badan dan sempurna akal. Yang Keempat berakhlak dengan akhlak Islam. Seterusnya tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Seterusnya mempunyai pengetahuan agama Islam sekurang-kurangnya di peringkat 4 Tsanawi atau yang setaraf dengannya. Seterusnya mereka hendaklah lulus ujian bertulis atau temu duga yang dijalankan oleh jawatankuasa jika dikehendaki oleh jawatankuasa. Seterusnya mereka mesti mendapatkan kebenaran bertulis daripada majikan dan mereka adalah bermastautin dalam negeri Selangor. Bagi kaedah permohonan tauliah, pertama melalui Jawatankuasa Tauliah. 4 kategori telah dikeluarkan untuk mengenal pasti penceramah atau tenaga pengajar yang berkelayakan sesuai dengan ilmu dan pengetahuan yang mereka dimiliki. Kategori tersebut yang pertama, kategori D1 berceramah, kategori D2 mengajar Fardu Ain dan pengajian kitab, Kategori D3 mengajar Al-Quran dan kategori D4 adalah untuk kategori khas.

Yang kedua, individu yang berminat untuk mendapatkan tauliah perlu mengisi borang permohonan dan mengemukakan kepada pihak urus setia melalui Pejabat Agama Islam Daerah yang berhampiran. Setelah permohonan diterima dan disemak pemohon akan dipanggil temu duga dan mengenal pasti kesesuaian permohonan dengan kelayakan yang dimiliki. Pihak urus setia akan menghantar senarai nama pemohon yang telah ditemu duga kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Selangor untuk tujuan tapisan keselamatan. Setelah mendapat keputusan daripada pihak IPK, satu mesyuarat Jawatankuasa Tauliah akan dilaksanakan bagi memutuskan individu yang layak dan menetapkan kategori tauliah yang bersesuaian dengan pemohon.

Bagi soalan yang ketiga, apakah langkah untuk mengekang penceramah tanpa tauliah? JAIS sentiasa memantau penceramah-penceramah di masjid dan surau-surau di Negeri Selangor. Bagi penceramah yang tidak mempunyai tauliah mengajar dan ceramah, maka pihak penganjur perlu membuat permohonan kebenaran khas kepada Setiausaha Jawatankuasa Tauliah di Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor. Pekeliling dan arahan Pengarah JAIS telah dikeluarkan melalui Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah bagi memastikan semua Nazir dan Pengerusi Surau menjemput penceramah yang mempunyai tauliah sahaja dalam aktiviti ceramah dan pengajian agama di masjid dan di surau yang dianjurkan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI:** Berapa ramai sebenarnya yang telah dikenakan tindakan akibat berceramah tanpa tauliah ini?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Ada beberapa penceramah yang telah pun ditarik balik tauliah mereka serta alasan. Pertama ialah, ada 2 penceramah yang telah ditarik balik sepanjang ini. Pertama ialah Encik Junizal bin Jumiran kerana gagal mengemukakan maklum balas setelah 2 surat dikeluarkan kepada beliau berhubung

aduan orang ramai terhadapnya berkaitan unsur-unsur penipuan yang melibatkan kewangan. Yang kedua, Che Haludin bin Che Mizah. Tauliah beliau ditarik balik kerana beliau terlibat dalam kesalahan pemegang tauliah Perkara 17 (f) Peraturan-peraturan Tauliah Negeri Selangor 2008 iaitu pemegang tauliah berkelakuan dengan cara yang mencemarkan Islam.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Soalan 41 telah dijawab bersekali dengan soalan 8. jadi saya silakan Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Puan Speaker, soalan 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: PROJEK DATUM JELATEK**

42 Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status terkini pembinaan projek Datum Jelatek di Taman Keramat Kuala Lumpur
- b) Apakah status terkini berkaitan aduan penduduk di kawasan terlibat, apakah telah diselesaikan?
- c) Benarkan dakwaan yang mengatakan projek ini membuka ruang yang terlalu besar kepada pembeli rakyat asing?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, Sri Muda membangkitkan soalan status Projek Datum Jelatik. Status Projek Datum Jelatek bergerak lancar walaupun kehebohannya sangat besar tetapi tender telah dikeluarkan dan juga pemilihan penender telah dilakukan. Pembayaran kepada pemilik-pemilik rumah yang pembangunan asal telah juga dilakukan dan walaupun terdapat 14 pemilik yang asalnya tidak bersetuju tapi diluluskan oleh mahkamah untuk diambil alih. Tapi saya rasa mereka sudah tentu akan membuat permohonan supaya harga yang ditawarkan sama dengan harga mereka yang dapat yang tidak pergi ke mahkamah. Tapi kita tunggu sehingga projek itu dalam proses. Adakah aduan penduduk di kawasan tersebut diselesaikan? Saya telah meminta PKNS dari masa ke semasa untuk membuat penjelasan kepada penduduk-penduduk di sana dan dengan secara bertemu muka dengan mereka dan juga pamflet-pamflet yang diedarkan. Sebagai contoh, ini pamflet-pamflet yang diedarkan kepada masyarakat di sana. Benarkah dakwaan mengatakan projek ini membuka ruang yang terlalu besar kepada pembeli rakyat asing? Yang sebenarnya tidak benar kerana kita telah menentukan PKNS tidak boleh menjual kurang daripada 50% daripada hartanah-hartanah tersebut kepada masyarakat Bumiputera. Ini berbeza dengan kelulusan yang diberi sebelah kawasan di Bandar Raya Kuala Lumpur di mana hanya 30% hadnya. Jadi Datum Jelatek itu ialah

bersebelahan dengan Kuala Lumpur dan projek sebelah Datum Jelatek itu dikenakan hanya oleh Bandar Raya Kuala Lumpur dan Kerajaan Persekutuan hanya 30%. Tapi kita telah meminta PKNS membuat dengan menentukan 50% daripada 337 unit yang ditawarkan, 1,029 permohonan daripada pembeli Bumiputera telah dalam senarai kita.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua, Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya soalan 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK: MODAL INSAN DI KALANGAN BELIA**

43. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan perancangan-perancangan yang telah diambil untuk meningkatkan bilangan modal insan yang berkemahiran dan berpendidikan di kalangan belia di Negeri Selangor.
- b) Sila nyatakan sejauh manakah keberkesanan dan tindakan susulan program pembangunan modal insan melalui aktiviti-aktiviti SPIES.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Speaker dan Yang Berhormat Dusun Tua. Perancangan-perancangan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan bilangan modal insan yang berkemahiran dan berpendidikan di kalangan belia di Negeri Selangor adalah :

1. Menyediakan institusi latihan kemahiran seperti Kolej Inpens
2. Menyediakan penajaan, pembiayaan untuk mengikuti kursus-kursus latihan kemahiran seperti yang ditawarkan oleh UPEN SUK, Yayasan Selangor dan juga pinjaman boleh ubah atau *convertible loan*, dengan izin tanpa riba oleh kerajaan negeri Selangor
3. Penajaan melalui anak-anak syarikat seperti Kumpulan Perangsang.
4. Melalui program keusahawanan di bawah Jawatankuasa Usahawan dan juga Jawatankuasa Belia. Dan kita juga ada menganjurkan program-program seminar dan kursus keusahawanan khususnya bagi memberi pendedahan awal mengenai bidang keusahawanan.
5. Program Jom Kerja berbentuk karnival yang mendedahkan kepada belia-belia, bakal-bakal majikan dengan kita memberikan satu suasana untuk

memberi pendedahan khidmat nasihat serta pengalaman cara bagaimana sesi temu duga. Dan juga Program Jom Kerja berbentuk kursus kerja berkualiti menjadikan suatu platform kepada para peserta untuk bertemu dengan bakal majikan untuk melihat secara dengan izin *first hand* bagaimana agaknya suasana bekerja.

Dan kita telah berjaya daripada 2012, 11 program telah berjaya kita laksanakan dengan penglibatan 800 orang belia untuk kursus kerja berkualiti ini. Selain itu pihak kerajaan dengan kerjasama Kumpulan Perangsang Selangor Berhad juga telah melaksanakan program merangsang kerjaya siswazah Selangor bertujuan membantu para siswazah yang masih belum mendapat pekerjaan dalam mempertingkatkan dengan mempertingkatkan pengetahuan dengan menyediakan kursus-kursus kemahiran umum dan khusus. Daripada program ini yang telah kita adakan September 2011 hingga Disember 2012 seramai 735 orang telah terlibat di dalam program ini.

Soalan yang kedua ialah sejauh manakah keberkesanan dan tindakan susulan program pembangunan modal insan melalui aktiviti-aktiviti SPIES? Saya hendak sebut di sini di antara kejayaan yang kita boleh lihat secara ketara ialah kejayaan Kerajaan Selangor menganjurkan program yang bersifat *edutainment* dengan izin ataupun ilmiah yang *entertaining* khususnya sasarannya belia 80% daripada sasaran adalah belia dan kita berjaya mengumpul antara 120 hingga 140 ribu orang dalam satu-satu program ini adalah merupakan kejayaan yang telah dijayakan oleh konsultan, alumni dan juga pendokong SPIES itu sendiri dan saya tidak sempat untuk menyatakan apakah lagi impak-impak atau kejayaan-kejayaan yang kita adakan di sini. Antara yang saya hendak sebutkan ialah budaya kerja yang cemerlang yang telah ditunjukkan oleh alumni SPIES, peserta SPIES ialah mereka yang telah menjayakan Perbadanan Perpustakaan Awam itu sendiri di mana semua mereka telah mengikut SPIES. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 44 telah dijawab sekali dengan soalan 22. Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan ke 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: PELANCONGAN**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah mewartakan kawasan sekitar Taman Tasik Pandan Perdana sebagai kawasan Rekreasi Awam tanpa unsur komersial?

- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia menjadikan Bukit Saga suatu lokasi pelancongan?
- c) Berapakah anggaran bajet 2013 diperuntukkan untuk pelancongan di DUN Teratai?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Teratai. Puan Speaker, Majlis Perbandaran Ampang Jaya tiada maklumat berkaitan tentang pewartaan kawasan rekreasi di Tasik Pandan Perdana. Walau bagaimanapun terdapat kawasan lapang di persekitaran Taman Tasik Pandan Perdana yang telah diwartakan iaitu seluas 11,724 meter persegi. Soalan kedua daripada Teratai adalah tentang Bukit Saga dan Kerajaan Negeri pada masa ini tidak ada rancangan untuk menjadikan Bukit Saga sebagai sebuah lokasi pelancongan. Sekarang memang ia adalah sebuah tapak rekreasi yang digemari dikunjungi oleh penduduk-penduduk khususnya daripada Lembah Klang. Anggaran bajet 2013 yang diperuntukkan untuk pelancongan di DUN Teratai untuk makluman Yang Berhormat Teratai, Kerajaan Negeri tidak mengedar ataupun membuat peruntukan mengikut DN-DN tetapi kita mendapat sebagai contohnya permohonan daripada PBT-PBT di mana mereka mengesyorkan tapak-tapak pelancongan yang boleh dibangunkan, perlu dinaiktarafkan ataupun perlu dibaiki.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa, tidak hadir. Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD. RIDZWAN:** Puan Speaker, soalan No. 47.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: BANJIR KILAT**

47. Kejadian banjir kilat kerap berlaku di Negeri Selangor yang mengakibatkan kemusnahan harta benda dan kerosakan infrastruktur.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah banjir kilat ini termasuk dalam kategori bencana yang akan menerima sumbangan daripada pihak Kerajaan Negeri ?
- b) Apakah langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah banjir kilat tersebut?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Gombak Setia. Soalan 47 Gombak Setia bertanya berkaitan dengan isu banjir kilat yang berlaku di Negeri Selangor yang mengakibatkan kemusnahan harta benda dan kerosakan infrastruktur. Soalan yang pertama adakah banjir kilat ini termasuk dalam kategori bencana yang menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri. Bagi bencana alam termasuklah



banjir, kebakaran dan sebagainya sebenarnya ada tabung yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui di bawah bidang kuasa pejabat-pejabat Daerah walau bagaimanapun dalam beberapa kes yang tertentu Kerajaan Negeri memberikan sumbangan-sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir. Secara umumnya banjir kilat ini tidak termasuk di dalam kategori yang menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri. Berkaitan dengan soalan nombor dua langkah penyelesaian kita melihat bahawa dua perkara utama iaitu langkah jangka pendek untuk kita mengatasi masalah ini adalah jangka pendek dan juga jangka panjang. Bagi langkah jangka pendek bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku di Selangor khususnya di kawasan-kawasan yang terdedah kepada banjir kilat ini adalah dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan tebasan parit secara berkala tiga kali setahun yang dilakukan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor ataupun JPS. Yang kedua adalah kerja-kerja penyelenggaraan seperti pengorekan kelodak bagi parit-parit dan sungai-sungai yang cetek turut dijalankan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan yang terdedah kepada banjir kilat ini. Bagi jangka panjang mengatasi masalah banjir ini adalah termasuk pembinaan kolam takungan banjir serta projek menaik taraf sistem saliran mengikut keperluan dan juga kapasiti yang bersesuaian di kawasan-kawasan yang terdedah kepada banjir kilat ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Sri Muda.....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Puan Speaker, soalan tambahan saya ialah tadi disebutkan oleh Y.B. Sijangkang yang ada kategori-kategori tertentu banjir ini diberikan bantuan. Persoalan kita ialah kalau kita memecahkan kategori-kategori ini ia menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan mangsa banjir. Sebagai contoh di Johan Setia, tujuh kali dalam tempoh tiga bulan banjir. Di Kampung Baru HICOM banjir. Jadi di kampung, ada sesetengah kampung Kerajaan Negeri bagi, di kawasan kampung yang dilanda banjir yang lain Kerajaan Negeri tak bagi. Ini menimbulkan satu persepsi yang tidak baik. Jadi ....ia ...saya nak bertanya Y.B. apakah polisi itu akan ditukar, diperbaiki di mana semua mangsa banjir yang termasuk dalam kategori yang mudaratkan yang betul-betul patut diberikan bantuan yang sama seperti walaupun di daerah mana ia berlaku.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Terima kasih Sri Muda. Bagi pihak Kerajaan Negeri kita melihat bahawa untuk sumbangan mangsa banjir kilat ini, banjir kilat boleh berlaku dalam masa setahun, mungkin lebih daripada 2 kali, 3 kali ataupun 4 kali. Dan kadang-kadang senarai yang kita terima untuk diberikan sumbangan bertindih di dalam episod banjir kilat itu. Kerajaan negeri lebih melihat pada bagaimana jalan penyelesaian. Kalau peruntukan yang ada di bawah kerajaan ini kita gunakan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat ini ia lebih manfaat daripada kita memberikan sumbangan, walaupun kita tidak menafikan bila kita memberikan sumbangan meringankan sedikit perasaan ataupun emosi bagi mereka yang terlibat di kawasan banjir kilat itu tetapi kita lebih menekankan kepada dasar bagaimana kita nak menyelesaikan banjir kilat itu dengan peruntukan yang ada. Kita menyelesaikan

masalah sistem saluran dengan mungkin memperbaiki sistem saluran, menggunakan pam untuk kita alihkan pengaliran air itu supaya lebih baik. Itu saya kita lebih manfaat. Dan setakat ini itulah yang difikirkan oleh kerajaan negeri. Dengan adanya peruntukan ini kita lebih kepada penyelesaian banjir bukan hanya sekadar memberikan sumbangan ataupun sedikit pemberian kepada mangsa banjir-banjir tersebut. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Puan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Dusun Tua....

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Ya. Terima kasih Puan Speaker. Berhubung dengan banjir ni saya ingin menarik perhatian bahawa kita dimaklumkan kerajaan berusaha untuk membuat takungan-takungan air di tepi-tepi sungai yang tertentu. Kerana saya ingin minta penjelasan ini. Salah satu daripada tempat yang kerap sangat ditimpa banjir ini semua orang tau iaitu di DUN saya di Dusun Tua dan akibatnya ialah banyak harta-harta benda yang rosak dan kesan daripada itu kita melihat bahawa usaha yang nak dibuat macam JPS nak mendalamkan sungai masih lagi dalam suasana yang kita tak tau sama ada dia nak buat ataupun tidak....

**TUAN SPEAKER :** Y.B. Dusun Tua teruskan tanya soalan.....

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Jadi saya minta penjelasan ini betul ke nak buat takungan air untuk menampung kalau banjir ia boleh masuk kat takungan air tu.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Dusun Tua. Kita masih lagi dalam peringkat kajian untuk melihat bagaimana secara menyeluruhnya penyelesaian masalah banjir terutamanya yang melibatkan takungan-takungan banjir ataupun kolam-kolam yang akan kita bina. Dan kita juga melihat bagaimana bekas-bekas lombong itu sendiri boleh menjadi sebahagian daripada penyelesaian masalah banjir. Dan kita mengkaji dan ada beberapa projek yang kita di dalam kajian kita memerlukan tindakan segera contohnya kolam takungan .....ataupun..kolam takungan banjir di Sungai Rasa yang kita sudah mulakan. Dan saya kira mungkin daripada kajian kita ini mana-mana yang sesuai dengan yang kita jangkakan untuk dapat menyelesaikan masalah banjir itu kita akan lakukan. Dan saya tidak boleh memberikan jawapan pada ketika ini sama ada di Hulu Kelang di mana tempatnya dan Insya-Allah mungkin saya akan lihat dan beri jawapan secara bertulis sekiranya ada. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Soalan seterusnya Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Terima kasih Puan Speaker, soalan no. 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

## **TAJUK: POTONGAN CUKAI PINTU & PREMIS KOMERSIAL**

48. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto PRU 12 yang memberi mengurangkan cukai pintu kediaman sebanyak 20% dan cukai premis komersil sebanyak 10%.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status semasa manifesto ini?
- b) Nyatakan jumlah pengurangan pendapatan PBT jika manifesto ini di laksana?
- c) Sepanjang tempoh lima tahun lalu, adakah berlaku kenaikan cukai di PBT-PBT?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Puan Speaker, selaras dengan manifesto pilihan raya umum yang kedua belas dasar pengurangan diskaun cukai pintu pada pemilik pangsapuri kos rendah telah pun dilaksanakan pada penggal ke dua Cukai Taksiran pada tahun 2012 Julai – Disember ....Julai hingga Disember 2012. Dengan pelaksanaan diskaun 25 peratus bagi kediaman pangsapuri kos rendah jumlah pengurangan hasil cukai di setiap PBT adalah seperti berikut:

1. MBSA jumlah unit pangsapuri kos rendah 18,402, jumlah nilai diskaun RM690,075.00
2. MBPJ jumlah unit pangsapuri kos rendah 19,322, jumlah nilai diskaun RM565,168.50
3. MPK jumlah unit 15,272 jumlah nilai diskaun RM572,000.00
4. MPSJ jumlah unit 28,816, jumlah nilai diskaun RM1,044,000
5. MPAJ jumlah unit 31,672, jumlah nilai diskaun RM1,599,000
6. MPS jumlah unit 21,695, jumlah nilai diskaun RM702, 000
7. MPKJ jumlah unit 38,387, jumlah nilai diskaun RM1,209,000
8. MPSP jumlah unit 2,725, jumlah nilai diskaun RM66,000
9. MDHS jumlah unit 12,362, jumlah nilai diskaun RM370,000,000
10. MDKS jumlah unit 708, jumlah nilai diskaun RM14,000

11. MDKL jumlah unit 1,882, jumlah nilai diskaun RM57,000

Di MDSB tiada pangsapuri kos rendah. Bererti sejumlah 191,243 unit pangsapuri kos rendah telah pun diberi diskaun dengan jumlah nilai diskaun 6,893,000. Tiada berlaku kenaikan cukai di pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor sepanjang tempoh lima tahun dari tahun 2008 malahan bagi PBT yang berkemampuan seperti MPPJ telah menurunkan kadar cukai taksiran bagi kediaman strata yang terdiri daripada apartmen dan kondominium sebanyak 2%. Penurunan kadar yang dilaksanakan oleh MPPJ ini berikutan kemampuan kewangan MPPJ yang kukuh.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan tambahan.....

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.....

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Di sini saya ingin bertanya saya mendapat maklumat bahawa ada penduduk yang membayar cukai pada tahun 2011 sebanyak RM1,470 tetapi pada tahun 2013 dia kena membayar RM23,040. Apakah ini benar? Dan apakah tindakan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Puan Speaker, sekiranya YB. Batang Kali ada maklumat seperti itu, seharusnya diajukan kepada PBT berkenaan. Bawakan aduan itu kepada YDP ataupun Datuk Bandar. Bukan bawa ke sini, sini bukan Mesyuarat Bulanan Majlis PBT.

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya, soalan 49 telah dijawab bersekali dengan soalan 36. Kajang....

**Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH :** Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE CHIN CHEH  
(KAJANG)**

**TAJUK: REZAB PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR**

50. Rizab perbendaharaan Negeri Selangor telah mencecah rekod yang baru.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pertambahan rizab Perbendaharaan Negeri Selangor dalam tahun 2012?
- b) Apakah punca utama pertambahan rizab Perbendaharaan Negeri Selangor dalam tahun 2012?

- c) Adakah pertambahan rizab tersebut telah dijangka dan dirancang semasa belanjawan negeri Selangor 2012 disediakan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Soalan YB. Dari Kajang juga sudah ada terjawab tapi saya ingin menyatakan status kedudukan kewangan Negeri Selangor pada 30hb. Jun, 2013. Sebab saya sekarang dan pun Perbendaharaan membuat pemantauan setiap bulan. Jadi oleh sebab itu rekod kita sekarang kita ada sampai 30hb Jun yang mana *reserve* kita meningkat kepada yang saya nyatakan dulu RM20.8 meningkat RM2.9 ribu juta tapi ini saya akan pantau sebab nampaknya penggunaan tidak.....saya tengok ada penggunaan yang lembap tapi juga ada pendapatan bukan hasil yang meningkat. Jadi itu sebagai contoh kita mesti sentiasa membuat maklumat setiap bulan. Dengan cara itu kita tahu status kedudukan kewangan negeri.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.....

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih puan speaker. Soalan tambahan saya ialah apakah sasaran Kerajaan Negeri berkenaan *reserve*. Adakah satu angka ataupun *range of figure* dengan izin, telah ditetapkan. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker, Bukit Gasing bertanyakan tentang perancangan kewangan negeri. Kita telah meminta Bendahari Negeri untuk memantau sekurang-kurangnya kita menyimpan tidak lebih daripada 20% daripada pendapatan-pendapatan kita untuk kegunaan *reserve*. Walaupun kita boleh kurangkan. Seperti yang pernah saya nyatakan biasanya kalau kita ambil ukuran penggunaan dana sepatutnya Kerajaan Negeri mesti menggunakan dana yang didapati dan secara apa yang dipanggil bajet imbang bererti dia menggunakan semua pendapatan untuk pembangunan dan operasi tapi ada baiknya kalau kita simpan tidak lebih daripada 20% tapi untuk masa depan kita telah nyatakan supaya dalam masa tujuh tahun dia dapat menambah simpanan sebanyak satu ribu juta bererti kurang daripada simpanan yang *saving* kita kurang daripada 15%.

**TUAN SPEAKER** : Lembah Jaya

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Terima kasih Puan Speaker, soalan nombor 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: JOM SHOPPING S.M.U.E**

51. Skim Mesra Usia Emas.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Apakah kerajaan bercadang untuk meneruskan program jom *shopping* kepada semua ahli?
- b) Kenapakah kuota untuk jom *shopping* di beri sama rata mengikut DUN sedangkan pendaftaran amat jauh berbeza antara satu-satu DUN (mengikut kepadatan jumlah penduduk).

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Puan Speaker. Sebagai menjawab Lembah Jaya. Lembah Jaya menanyakan Program Pelaksanaan Jom *Shopping*. Apakah kerajaan bercadang untuk meneruskan program ini. Sebenarnya program ini telah pun dilancarkan pada 15 Julai 2011 dan ia datang daripada peruntukan hasil daripada bila mana hasil pasir telah dapat dikutip dengan baik jadi peruntukan sebanyak RM100 juta telah pun diperuntukkan untuk program ini. Tapi apa pun kita lihat rata-rata masyarakat menerima Program Jom *Shopping* ini sebagai program yang cukup baik dan menjadi saluran penyampaian dan juga selain daripada itu kepada rakyat bagaimana jalinan hubungan antara pemimpin dan juga Kerajaan Negeri dengan rakyat dan kemesraan itu dapat diwujudkan. Jadi untuk itu walaupun keputusan sama ada hendak meneruskan atau tidak program ini belum lagi dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tapi saya yakin untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat semua dalam keputusan kerajaan kepimpinan Pakatan bahawa tahun ini insya-Allah dalam penggal tahun ini kerajaan negeri Selangor bersetuju untuk setiap warga emas yang akan menyambut hari lahir pada tempoh yang ke-60 makna hari jadi yang ke-60 mereka akan diberi hadiah yang bernilai RM100. Jadi itu kemungkinan besar program ini boleh dilaksanakan dan diteruskan mungkin tidak dalam bentuk wang tunai tetapi dalam Jom *Shopping* ini adalah manifesto kita, insya-Allah saya ingat program ini boleh dilaksanakan tetapi bergantung pada faktor-faktor lain yang kita boleh olah supaya program ini dapat diteruskan. Yang keduanya kenapakah kuota untuk Jom *Shopping* ini diwujudkan jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat semua sebenarnya tidak pernah ya..Kerajaan Selangor menetapkan kuota untuk Jom *Shopping* tetapi kita mempunyai satu dasar iaitu siapa yang awal didaftarkan mereka perlu dipanggil terdahulu untuk mendapatkan program Jom *Shopping* tetapi apa yang kita lihat di sini apa yang berlaku pada bulan Mei yang lepas apabila berlaku pembubaran Dewan Negeri maka Dewan Negeri tidak lagi dibenarkan membuat Program Jom *Shopping* ini jadi uruskan Program Jom *Shopping* ini diberi secara langsung di bawah Rangkaian Mesra Sdn. Bhd., iaitu anak Syarikat MBI untuk melaksanakan tanggungjawab ini jadi bagi memudahkan pelaksanaan Rangkaian Mesra diminta supaya memantau supaya setiap DUN tidak lebih 300 penerima untuk melaksanakannya. Tetapi untuk makluman Dewan pada tempoh bulan puasa ini hari raya ini kerajaan Selangor meneruskan Jom *Shopping* Hari Raya sebanyak RM100 yang akan diberi kepada penerima-penerima yang tidak berkemampuan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Seri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih Exco saya hendak Jom *Shopping* RM100 ini untuk raya ini bila akan dikeluarkan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Y.B. Seri Andalas. Itu soalan yang baik insya-Allah sebenarnya kami kerajaan MMKN telah pun memutuskan supaya program ini dikeluarkan sebelum bulan Ramadan ini *voucher-voucher* itu insya-Allah paling lambat paling lewat ia perlu sampai kepada Yang Berhormat pada minggu pertama bulan puasa. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Adakah Jom *Shopping* RM100 ini sama yang penerima untuk bulan Ramadan RM500 seorang tersebut.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Ya. Sebenarnya untuk peruntukan itu sebenarnya RM500 *sorry* 500 penerima tetapi ia dibuat dalam bentuk *boucer* atau wang tunai yang mana ia digalakkan di bawa *shopping* Hari Raya untuk penerima-penerima. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kuang. Tidak hadir. Teluk Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG** : Terima kasih Tuan Speaker dengan soalan No. 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELUK DATUK)**

**TAJUK: PROGRAM ZON BERSIH**

53. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Sila menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan dalam Program Zon Bersih melalui PBT masing-masing sejak ia di perkenalkan,
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang memperluaskan Program Zon Bersih ke semua kampung di Negeri Selangor?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker untuk makluman Kerajaan Negeri mula memperkenalkan Program Jom Bersih sejak Tahun 2010 sehingga Tahun 2013 dan telah menyalurkan jumlah sejumlah RM480 juta kepada semua PBT untuk tujuan pelaksanaan program. Kerajaan Negeri buat pada masa ini sedang mengkaji semula keberkesanan Pelaksanaan Program Jom Bersih ini hasil kajian tersebut akan

membantu Kerajaan Negeri untuk memutuskan sama ada ia wajar diteruskan ditambah baik, diperluaskan atau diberhentikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batu Caves. Tidak hadir. Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: PEMBINAAN RUMAH DI BAWAH PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mohon Y.A.B. Dato' Menteri Besar nyatakan berapakah jumlah sasaran kerajaan bagi membantu membina rumah di bawah program kerajaan prihatin sepanjang 5 tahun lepas dan setakat ini berapakah jumlah yang telah dibina?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Tuan Speaker Y.B. Daripada Tanjung Sepat menanyakan soalan berkenaan berapakah jumlah sasaran Kerajaan bagi membantu membina rumah di bawah Program Kerajaan Prihatin sepanjang 5 tahun lepas dan setakat ini berapakah jumlah yang telah dibina?. Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya tidak meletakkan sasaran dalam menjayakan program Kerajaan Prihatin memandangkan jumlah kelulusan bagi tujuan bina rumah bina baru dan baik pulih rumah bergantung kepada permohonan yang diterima dan jumlah kelulusan yang dikeluarkan semasa mesyuarat pemilihan dibuat secara berkala. Jumlah permohonan kelulusan adalah berbeza bagi setiap tahun. Manakala peruntukan bagi Program Kerajaan Prihatin ini diterima daripada suntikan peruntukan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri ke dalam akaun Amanah MBI bagi menjayakan program ini. Statistik jumlah bantuan Program Kerajaan Prihatin dari tahun 2008 hingga 2012 sebenarnya saya telah menjawab dalam soalan No.12 yang lalu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Saya ingin bertanya program prihatin ini diberi kepada bina-bina rumah untuk golongan miskin di kawasan-kawasan kampung atau desa. Terdapat banyak rumah-rumah yang rosak perlu dibaiki tetapi kawasan bandar Pangsapuri-pangsapuri. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk bantuan orang miskin di kawasan bandar .

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Y.B. daripada Kota Anggerik. Puan Speaker setakat ini kriteria diguna pakai adalah tertumpu di kawasan tradisi dan Kampung Baru dan juga lebih luar dari bandar. Namun cadangan daripada



Y.B. daripada Kota Anggerik akan dibawa nanti dalam MMKN untuk berbincang bersama mungkin kita akan menambahbaikkan supaya Program Kerajaan Prihatin ini boleh diguna pakai nanti terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan saya YB. Kota Alam Shah mengenai pembinaan rumah daripada Program Kerajaan Prihatin di mana saya mendapati bahawa bantuan ini cukup baik saya berterima kasih kerajaan tetapi adakah kerajaan merancang untuk mengadakan satu mekanisme di mana setiap DUN di peruntukan setahun 5 atau 10 rumah ditetapkan supaya ADN-ADN dapat membuat permohonan secara sistematik sekarang ini tidak mengikut mekanisme sedemikian tiada. Jadi saya minta pandangan jawapan daripada Y.B.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Y.B. daripada Sekinchan. Setakat ini tiada sasaran sebegitu dan tidak ditetapkan kuota setiap ADN mungkin cadangan ini akan dibawa nanti dalam perbincangan akan dipertimbangkan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALEK** : Terima kasih Tuan Speaker soalan No. 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: PENDIDIKAN ISLAM RENDAH**

56. Pendidikan Islam penting untuk pemantapan sahsiah dan akhlak sejak kecil.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah enrolmen pelajar di Sekolah Rendah Agama JAIS, swasta dan KAFA dari 2008 hingga 2013?
- b) Nyatakan jumlah pelajar yang tidak mengikuti sistem pendidikan Islam?
- c) Bagaimanakah strategi JAIS untuk memastikan tiada keciciran pelajar?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Tuan Speaker terima kasih Sungai Air Tawar. Sungai Air Tawar ingin penjelasan berkaitan dengan jumlah enrolmen pelajar di Sekolah Rendah Agama JAIS. Swasta dan KAFA dari 2008 hingga 2013 sebagai jawapannya. Bagi Prasekolah JAIS:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah (RM)</u>
2008	1,215.00
2009	1,251.00
2010	1,333.00
2011	1,335.00
2012	1,275.00
2013	1,233.00

Manakala bagi Kelas Al-Quran dan Fardu Ain Integrasi (KAFA Integrasi):

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah (RM)</u>
2008	8,5190.00
2009	8,6529.00
2010	8,6060.00
2011	8,7353.00
2012	8,6509.00
2013	8,7921.00

Bagi Sekolah Rendah Agama (SRA):

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah (RM)</u>
2008	115,564.00
2009	113,003.00
2010	120,899.00
2011	122,960.00
2012	125,738.00
2013	129,436.00

Bagi Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI):

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah (RM)</u>
2008	7,632.00
2009	7,284.00
2010	7,400.00
2011	7,207.00
2012	6,463.00
2013	6,615.00

Bagi Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITST):

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah (RM)</u>
2008	58.00
2009	289.00
2010	403.00
2011	522.00
2012	637.00
2013	794.00

**TUAN SPEAKER** : Y.B. Sabak boleh simpulkan.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Untuk soalan yang kedua tentang perbandingan murid ini bertanya tentang berkaitan dengan pelajar yang tidak mengikuti Pendidikan Islam. Kita ada keseluruhan ada Selangor ada 342,451 maka hanya 69% sahaja yang bersekolah di Jabatan Agama Islam Selangor maka bakinya 31% atau seramai 106,876 orang yang tidak mengikut Sistem Pendidikan Islam di JAIS dan ketiga yang terakhir berkaitan dengan strategi JAIS untuk memastikan tiada keciciran:

- i. Menggalakkan penubuhan kelas Kafa di masjid-masjid, surau dan Taman-taman Perumahan.
- ii. Mempermudah pendaftaran sekolah-sekolah persendirian dan swasta
- iii. Memberi pinjaman buku teks untuk mata pelajaran Agama

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN** : Terima kasih Puan Speaker soalan ke 57.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: MIGRASI BELIA DARI LUAR BANDAR KE BANDAR**

57. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Migrasi belia dari luar bandar ke bandar semakin ketara, apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh Kerajaan Selangor?

**Y.B. TUAN DR. AHAMD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Puan Speaker. Sungai Pelek ingin menanyakan berkaitan dengan Migrasi atau Pemindahan Belia daripada luar bandar ke bandar semakin ketara dewasa ini. Proses urbanisasi yang pesat di negara kita di Malaysia atau di Selangor sendiri adalah akibat daripada kepesatan aktiviti migrasi belia daripada luar bandar ke bandar dan saya kira ia bukan satu yang mudah untuk mencegah migrasi ini dan tetapi tidaklah mustahil cuma kita melihat bahawa antara punca belia ini bertindak atau migrasi dari kawasan luar bandar ke bandar adalah disebabkan oleh kepesatan pembangunan yang disebutkan tadi daripada sudut ekonomi dan peluang pekerjaan yang semakin ketara atau lebih peluang di kawasan-kawasan bandar sendiri. Jadi saya kira Kerajaan Negeri telah melihat perkara ini dan fokus kepada Kerajaan Negeri mana yang diwar-warkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar sendiri bahawa kita fokus kepada pembangunan desa kali ini, insya-Allah saya kira dalam masa dekat kita akan keluarkan *Blue Print* bagi pembangunan desa. Dan saya lihat dalam beberapa perkara yang penting adalah dari segi pembangunan atau meningkatkan pembangunan daripada kemudahan

infrastruktur dan kemudahan awam pembangunan dari segi sudut pertanian di kawasan luar bandar sendiri dan juga pembangunan daripada sudut industri kecil yang mana ia sendiri dengan secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan dan peluang ekonomi sumber pendapatan kepada masyarakat atau pun belia-belia kita ada di luar bandar. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya menanya apakah dasar kerajaan negeri sama ada kita hendak membuat dasar pencegahan migrasi ke bandar kerana migrasi ini berkait dengan peluang-peluang dan *imperativenya*. Jadi itu soalan saya.

**Y.B. TUAN DR. AHAMD YUNUS BIN HAIRI** : Saya kira kita bukan hendak mencegah migrasi pemindahan belia ke luar bandar tetapi kita hendak membangunkan juga supaya pembangunan itu dilihat lebih setara dengan pembangunan luar bandar dan pembangunan bandar secara perbandingan ya dan peluang-peluang sumber ekonomi kepada belia-belia itu lebih terbuka di kawasan-kawasan luar bandar sendiri, sebab itu antara mungkin objektif yang kita hendak lihat dalam proses pembangunan desa itu sendiri. Jadi peluang-peluang inilah yang kita berikan kepada anak-anak muda atau belia dan bukan kita hendak cegah sudah tentu peluang itu baik di bandar anak muda kita yang mempunyai pendidikan yang tinggi dan tidak peluang di luar bandar mereka akan pindah ke bandar. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Puan Speaker. Antara satu cabaran yang dihadapi ialah pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar. Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik infrastruktur seperti *in rural site* (dengan izin) dan infrastruktur-infrastruktur yang lain supaya menarik pelaburan ataupun membolehkan perniagaan-perniagaan berkembang di kawasan luar bandar.

**Y.B. TUAN DR. AHAMD YUNUS BIN HAIRI** : Sudah tentu itu menjadi satu perkara yang sangat penting yang akan diambil kira terutama kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar atau pun kawasan-kawasan mungkin boleh menyediakan kawasan-kawasan industri boleh kita tarik alihkan pelabur-pelabur daripada luar dan dalam untuk kita bangunkan di kawasan-kawasan industri yang kita boleh kenal pasti tetapi asasnya infrastruktur itu sendiri sudah tentulah menjadi *priority* kepada Kerajaan kita bangunkan sebelum kita alirankan industri-industri yang ingin melabur di negara kita supaya ia memberi perimbangan di antara peluang pekerjaan pembangunan industri itu sendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA** : Terima kasih Puan Speaker soalan No. 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PENDAPATAN NEGERI SELANGOR UNTUK PEMBANGUNAN SELANGOR**

58. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jenis pendapatan yang diperolehi kerajaan negeri? Senaraikan dan nyatakan nilai pendapatan tersebut.
- b) Apakah pendapatan lain yang boleh dijana di masa akan datang?
- c) Apakah usaha Kerajaan Negeri, memastikan kutipan cukai pendapatan daripada Selangor oleh kerajaan persekutuan dikembalikan pada kadar yang lebih tinggi berbanding sekarang?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker, Taman Medan. Ingin mengetahui tentang bagaimana pendapatan Negeri dan pecahannya. Saya hanya membahagi contoh yang ringkas dan perinciannya saya akan sampaikan kepada Taman Medan. Pendapatan Kerajaan Negeri boleh dibahagi kepada 3 iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Sebagai contoh pada 2008 kita menerima Hasil Cukai RM495 juta, Hasil Bukan Cukai RM676 juta. Jumlah Terimaan Bukan Cukai RM343 juta dan jika kita bandingkan apa yang kita terima pada 2012 Hasil Cukai yang pada 2008 kita terima setahun RM495 juta. Sekarang kita telah dapat tingkatkan kepada RM553 juta. Hasil Bukan Cukai yang dulunya kita pada Tahun 2008 kita menerima RM678 juta, sekarang pada Tahun 2012 RM1,146 juta meningkat yang besar. Dan pada 2008 jumlah Terimaan Bukan Hasil pada tahun tersebut ialah RM343 juta dan pada Tahun 2012 kita hanya menerima RM225 juta. Apakah usaha kerajaan, apakah pendapatan lain yang boleh dijana di masa depan?. Jadi yang kita akan bangunkan supaya Hasil Bukan Cukai ialah merupakan potensi yang sangat besar bagi negeri iaitu premium-premium tanah dan juga menentukan supaya royalti-royalti dibayar oleh mereka menggunakan sumber-sumber negeri dan apakah usaha kerajaan memastikan kutipan cukai pendapatan dari Negeri Selangor oleh Kerajaan Persekutuan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri walaupun itu agak sukar dilakukan. Tetapi Kerajaan Negeri akan membangkitkan di Majlis Kewangan Negara 2 perkara iaitu:

- i) Kertas Cadangan Penarikan Pengecualian Cukai Hiburan Bagi Tahun Tema di Malaysia, dan
- ii) Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan Kerajaan Persekutuan Bagi Membiayai Bantuan Am Negeri.

Itu kita akan utarakan kepada... Dan ketiga ialah usaha untuk menentukan cukai Negeri itu sebahagiannya disalurkan balik kepada negeri.

**Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA** : Adakah Kerajaan Negeri mencadangkan untuk menaikkan bayaran royalti daripada Wilayah Persekutuan bagi tanah-tanah yang telah dilepaskan kepada Wilayah Persekutuan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker. Perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan sudah dilaksanakan jadi harapan kita untuk mendapat apa-apa lebih ialah hanya ihsan dari Kerajaan Persekutuan jadi saya tidak mengharapkan sangat ihsan tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Soalan No.59 telah dijawab sekali dengan 20. Soalan seterusnya Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH** : Terima kasih YB Tuan Speaker soalan No.60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PUSAT HIBURAN**

60. Didapati kewujudan banyak pusat-pusat hiburan; rumah urut, pusat siber dan lain-lain sama ada beroperasi secara sah atau haram di kawasan tadbiran PBT.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik jumlah pusat hiburan dan jenisnya mengikut PBT dari tahun 2008 hingga 2013?
- b) Apakah kaedah untuk membanteras pertambahan pusat hiburan sama ada yang sah atau haram?
- c) Apakah peranan agensi-agensi kerajaan berkaitan bagi membendung gejala sosial yang dikhuatiri berlaku hasil daripada pertambahan pusat hiburan ini?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Puan Speaker soalan daripada YB. Bukit Melawati yang pertama itu melibatkan perangkaan jumlah Pusat Hiburan dan jenisnya mengikut *prebiti* daripada Tahun 2008 hingga 2013 ia melibatkan perangkaan yang terperinci jadi saya akan menghantar jawapan kepada beliau yang akan terus menjawab jawapan

yang berikutnya. Kaedah untuk membanteras pusat hiburan sama ada yang sah dan haram adalah seperti berikut:

- i) PBT tidak membenarkan kelulusan lesen-lesen baru bagi rumah urut bagi mengatasi masalah.
- ii) Melaksanakan tindakan kompaun ke atas premis-premis di atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen termasuk pemilik premis.
- iii) Melaksanakan tindakan sitir yang meminta peralatan seperti komputer yang ada di premis.
- iv) Mengkaji semula kelulusan lesen.
- v) Melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi kerajaan.

Tuan Speaker PBT hanyalah merupakan salah satu pihak yang diberi tanggungjawab untuk membendung gejala sosial. Berikut adalah peranan agensi-agensi kerajaan yang lain yang berkaitan bagi membendung gejala sosial yang dikhuatiri berlaku hasil daripada pertambahan pusat hiburan ini.

- i. Polis – memastikan tiada sebarang aktiviti perjudian, pelacuran dan tidak berniaga lebih masa.
- ii. Pejabat Kesihatan Daerah – memastikan tiada jualan minuman beralkohol dibenarkan.
- iii. Imigresen – memeriksa premis tidak mengaji pekerja di bawah umur atau bukan warga negara yang bekerja tanpa pas dan permit Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen 1953/63 tidak mempunyai pasport. Peraturan 17(B) dan Peraturan 11(7)(A) Peraturan-peraturan Imigresen 1963 pekerja bukan warga tanpa pas dan permit kerja.
- iv. Pejabat Agama Islam – memastikan premis tidak membuat sebarang aktiviti bercanggah kepada ajaran agama.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu ada soalan tambahan.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH** : Soalan tambahan. Terima kasih Y.B. Speaker. Terima kasih di atas jawapan YB. Sg. Pinang merangkap Ahli Exco yang berkenaan. Saya membawa kawasan saya termasuk perkara-perkara yang ditimbulkan masa perbahasan-perbahasan oleh Ahli-ahli Negeri yang lain perkara yang sama. Kuala Selangor kecil

**TUAN SPEAKER** : Y.B. Bukit Melawati hanya 30 saat untuk mengemukakan soalan.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH :** Ya soalan saya kawasan kecil pusat-pusat hiburan banyak adakah berlesen atau tidak berlesen saya tidak dapat kesan lagi tapi adakah pejabat atau agensi kerajaan dalam kawasan diminta pandangan pertama di segi Jabatan Agama, pemimpin-pemimpin masyarakat supaya perkara ini terlalu banyak dalam sesuatu kawasan yang kecil kita bimbang kemudiannya gejala sosial tambah. Adakah pandangan daripada pemimpin masyarakat, Jabatan Agama, pihak Polis di atas pertumbuhan yang berlaku sekarang pusat-pusat hiburan dan rumah-rumah urut. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya Tuan Speaker, Yang Berhormat yang membawa isu-isu sebegini untuk mengemukakan maklumat yang lebih lengkap kepada pihak berkuasa termasuk Pihak Kuasa Tempatan kerana adalah mudah untuk membuat dakwaan banyak pusat hiburan, ada banyak rumah urut yang tanpa lesen tapi tanpa bekalkan maklumat. Jadi bagaimana pihak PBT dan agensi-agensi kerajaan lain yang dapat menjalankan tugas sekiranya tiada maklumat. Jadi kalau dibekalkan di mana tempatkan sudah tentu Jabatan ini dikehendaki untuk mengambil tindakan. Saya harap sekiranya ada aduan tersebut hantar juga salinan aduan tersebut kepada saya supaya saya dapat mengingatkan Pihak Kuasa Tempatan untuk mengambil tindakan aduan daripada Wakil Rakyat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Terima kasih Puan Speaker soalan No.61.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PELANCONGAN**

61. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor pelancongan di Hulu Selangor dan DUN Kuala Kubu Baharu.
- b) Nyatakan peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan untuk menaik taraf dan juga membaiki tapak-tapak pelancongan di Kerling dan Kuala Kubu Bharu pada tahun ini.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Kuala Kubu Baharu. Puan Speaker terdapat beberapa perancangan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri khususnya melalui UPEN dan Tourism Selangor untuk membangunkan sektor pelancongan di Kuala Kubu Baharu dan juga di Hulu Selangor. Melalui UPEN Selangor Kerajaan Negeri telah membuat perancangan bagi membangunkan Pelancongan Warisan dan juga *eco-tourism*. Perancangan tersebut adalah untuk menjadikan kawasan bandar Kuala Kubu Baharu sebagai warisan bandar



taman dan isi perancangan itu sebenarnya terdapat dalam RKK Kuala Kubu Baharu yang telah di gazet 2 tahun yang lalu. Antara program-program yang kita telah dan akan terus dilaksanakan berunsur warisan dan *eco-tourism* sebagai contohnya Wings of KKB iaitu satu aktiviti mencari burung *burn reds*. Selain daripada itu ada program yang berunsur reaksi seperti *red to KKB* dan ke Genting dan sebagainya. Dan fokus kita adalah untuk mempromosikan Kuala Kubu Baharu sebagai satu tapak utama untuk pelancongan warisan dan *eco-tourism* di daerah Hulu Selangor. Peruntukan Kerajaan Negeri setakat ini Kerajaan Negeri masih mempertimbangkan beberapa permohonan-permohonan yang dibawa oleh Majlis Daerah Hulu Selangor dan perbincangan ini akan teruskan. Tapi untuk kawasan daerah Hulu Selangor Kerajaan Negeri melalui UPEN telah menyalurkan untuk tahun ini peruntukan bagi kawasan reaksi Sungai Kedondong untuk membaik pulih gazebo dan tapak perkhemahan sana dan jumlah tersebut adalah RM50 ribu.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Terima kasih Tuan Speaker soalan saya soalan No. 62.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA RUMAH-RUMAH RAKYAT  
YANG TELAH USANG (URBAN RENEWAL)**

62. Terdapat rumah-rumah rakyat kos rendah yang telah terlalu usang; sebahagiannya merupakan rumah satu bilik atau dua bilik yang tidak lagi sesuai untuk didiami.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyakkah projek-projek rumah kos rendah yang telah melebihi 25 tahun yang terdapat di Negeri Selangor?
- b) Berapa jumlah unit rumah kos rendah satu bilik dan dua bilik yang melebihi 25 tahun?
- c) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk membina semula rumah-rumah kos rendah yang usang ini?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Anggerik, Yang Berhormat Tuan Speaker. Jumlah rumah kos rendah yang melebihi daripada 25 tahun di Negeri Selangor adalah dan juga Kuala Lumpur adalah yang dibina oleh PKNS adalah lebih 33,198 unit. Pecahan menurut bilik-bilik iaitu untuk rumah kos rendah atau pangsapuri yang mempunyai 2 bilik adalah sebanyak

30,499 unit manakala yang mempunyai 1 bilik adalah 2,699 unit. Memang benar kerajaan negeri sedang melihat akan program atau pun mengkaji akan program *Urban Development* dan telah dikenal pasti beberapa kawasan pangsapuri milik PKNS yang boleh dibangunkan semula. Di antaranya adalah rumah pangsapuri Seksyen 16, Shah Alam, rumah pangsapuri Seksyen 17, Petaling Jaya dan juga rumah pangsapuri Jalan Enggang AU2, Keramat. Bagi rumah pangsapuri Jalan Enggang AU2, Taman Keramat atau dikenali sebagai Rumah Pangsapuri Columbia tawaran telah dilakukan atau telah dibuat kepada penduduk dan rundingan sedang berjalan sebelum kerja-kerja selanjutnya akan dilakukan.

Walau bagaimanapun pihak PKNS juga telah menerima tawaran daripada pemaju-pemaju swasta untuk memajukan pangsapuri-pangsapuri kos rendah untuk dibangunkan sebagai dipanggil sebagai *urban re-development* atau dalam di Indonesia ia dipanggil sebagai perumahan. Jadi bermakna bahawa memang ada program dan memang rundingan dan tawaran telah diberikan kepada pangsapuri yang kita lihat *vairbal* dengan izin dibangunkan semula atau di remajakan.

**TUAN SPEAKER :** Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Terima kasih Tuan Speaker soalan No. 63.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK :** PREMIS HARAM MESIN JUDI

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyakkah premis haram mesin judi, mesin kuda yang terdapat di Negeri Selangor dan senaraikan mengikut lokaliti pihak berkuasa tempatan.
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak MPK untuk membanteras dan menutup terus premis-premis mesin kuda ini? Sejauh manakah keberkesananannya?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM :** Tuan Speaker, berikut adalah bilangan senarai premis haram mesin judi dan mesin kuda mengikut PBT masing-masing. MBSA 31, MPBJ 316, MPK 176, MPAJ 120, MBSJ Subang Jaya 582, MPS 98, MPKj 15, MPSP 59, MPKL Kuala Selangor tiada, Majlis Daerah Hulu Selangor 17, Majlis Daerah Kuala Selangor tiada, Majlis Daerah Sabak Bernam 21, jumlah 929. Tindakan yang telah diambil terhadap premis haram mesin judi dan mesin kuda adalah seperti berikut :-

1. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara berterusan;

2. Mengadakan operasi bersepadu bersama lain-lain agensi seperti pihak PDRM;
3. Membuat permohonan pemotongan bekalan elektrik di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 Akta 289.

Berikut adalah statistik tindakan yang telah diambil bagi tempoh Januari hingga 31 Mei 2013 seperti berikut :-

<b>BULAN</b>	<b>JUMLAH PEMERIKSAAN</b>	<b>SITA</b>	<b>KOMPAUN</b>
Januari	34	27	7
Februari	19	14	1
Mac	52	7	34
April	18	12	-
Mei	25	17	7
<b>JUMLAH</b>	<b>148</b>	<b>77</b>	<b>49</b>

Statistik permohonan pemotongan bekalan elektrik bagi tempoh Januari hingga 31 Mei 2013 adalah seperti berikut Januari 2013 26 permohonan; Februari 13 permohonan; Mac 6 permohonan; April 12 permohonan dan Mei 17 permohonan, jumlahnya 74 permohonan. Statistik tindakan bersama lain-lain agensi kerajaan bagi tempoh Januari hingga 31 Mei 2013 adalah seperti berikut PDRM 2 kali, Pejabat Agama Islam Klang 3 kali, Agensi Anti Dadah Kebangsaan 1 kali, jumlahnya 6 kali.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker. Soalan tambahan saya ialah walau pun kita setuju banyak tindakan yang diambil ke atas pusat-pusat atau pun premis judi haram ini dan kita mengucapkan tahniah kepada semua agensi PBT khususnya yang mengambil tindakan persoalannya dan masalahnya ialah walau pun telah diambil tindakan berulang kali pusat yang sama tempat yang sama membuka semula selepas sitaan barang-barang dibuat. Jadi apakah kerajaan negeri mempunyai satu usaha untuk bekerjasama dengan pihak Tenaga Nasional umpamanya untuk memotong terus elektrik atau pun bekalan elektrik di premis yang terlibat, terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM** : Ya, sememangnya ada permohonan kepada pihak TNB untuk memotong elektrik bekalan elektrik dan termasuk juga permohonan boleh dibuat di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka yang dilakukan oleh pihak polis tapi itu sebenarnya tidak dapat menyelesaikan masalah secara holistik kerana kalau kita melihat perangkaan daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya terdapat 582. Kalau kita melakukan penguatkuasaan pemeriksaan setiap hari pun satu tahun tak boleh habis. Tapi kita buat malam ini tutup satu buka dua lagi esok. Jadi kita kena memikirkan satu cara yang lebih holistik untuk memastikan keberkesanan

penguatkuasaan ini. Dan kami dalam Jawatankuasa *STANDCO* juga sedang mengkaji cara-cara lain untuk mengatasi perkara ini secara menyeluruh.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Apakah pihak EXCO setuju untuk memberi ganjaran kepada mana-mana penduduk yang boleh memberi maklumat di mana pusat-pusat judi haram ini atau memberi ganjaran kepada Ahli-ahli Majlis yang dapat menutup premis haram di kawasan mereka.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM** : Yang Berhormat Kota Anggerik masalah sekarang bukan soal ganjaran. Kalau kita lihat MPSJ 582, MBPJ 316 angkanya cukuplah besar bererti memang ada dalam maklumat pihak Majlis Perbandaran terdapat bilangan kedai-kedai haram ini. Tetapi masalahnya ialah penguatkuasaan kelihatan belum begitu berkesan. Itu adalah penumpuan buat masa ini.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Puan Speaker, masalah *outlet-outlet* macam ini adalah 2 faktor. 1 operator dia di mana kita selalu membuat tindakan penguatkuasaan tetapi di sebaliknya ada masalah mengapa rakyat Negeri Selangor selalu mengunjungi tempat-tempat ini. Apakah tindakan kerajaan negeri atau pun cadangan kerajaan negeri untuk menangani aspek tersebut untuk mengurangkan keperluan rakyat untuk pergi kepada tempat-tempat sebegini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM** : Begitu kita memerlukan *STANDCO* Sumber Manusia untuk mengkaji bagaimana SPIES itu dapat lebih berkesan lagi termasuk juga *STANCO* Agama memastikan ajaran agama kita juga mencukupi untuk membuat pencegahan daripada awal daripada kita mengambil tindakan penguatkuasaan ini.

**TUAN SPEAKER** : Jeram.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Terima kasih Tuan Speaker soalan No. 64.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK : MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SAINS**

64. Manifesto PRU-13 kerajaan negeri mahu menambah jumlah Maahad Integrasi Tahfiz Sains di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah konsep pembelajaran di maahad ini?
- b) Bagaimanakah peruntukan kewangan untuk membina maahad ini?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Jeram kerana soalan. Jeram ingin bertanya berkaitan dengan Manifesto PRU-13 tentang menambah jumlah Maahad Integrasi Tahfiz Sains di Selangor. Jadi soalannya apakah konsep pembelajaran di maahad ini. Sebagai jawapannya konsep pembelajaran di Maahad Tahfiz Sains pertama ialah kurikulum menghafaz 30 juzuk Al-Quran, belajar sukatan Al-Azhar dan kurikulum baru Sekolah Menengah (Sains Tulin atau Teknikal). Yang kedua pelajar diambil di kalangan berumur 13 hingga 17 tahun, berminat dan berkemampuan menghafaz Al-Quran. Tinggal di asrama sepenuhnya untuk mendapat Tarbiah 24 jam. Yang ketiga mengimarahkan masjid sekolah sebagai jantung kehidupan. Dan yang ke4 guru yang berjati diri tinggi dan sangat komited dengan Islam serta dakwahnya.

Bagi soalan yang kedua ialah tentang peruntukan kewangan untuk membina Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan masjid di Alam Impian. Peruntukan untuk membina Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan masjid di Alam Impian adalah sebanyak RM29,000,000.00, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Yang Berhormat Sabak, soalannya adakah kerajaan Selangor mempunyai perancangan untuk memberi elaun khusus kepada para penghafaz Al-Quran sebagaimana yang dibuat oleh kerajaan Pulau Pinang.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Terima kasih kepada Paya Jaras. Sebenarnya kerajaan Selangor telah memutuskan dalam beberapa tahun yang lalu saya kira untuk mengeluarkan hadiah sebanyak RM1,000.00 tak silap saya kepada pelajar-pelajar yang telah menamatkan 30 juzuk Al-Quran dan telah mendapat sijil hafaz Al-Quran di Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Tuan Speaker soalan No. 65.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK : PERUNTUKAN GERAN SISTEM MAKLUMAT REKOD JALAN RAYA  
MALAYSIA (MARRIS)**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan negeri akan mengamalkan kaedah baru untuk memberi peruntukan MARRIS dengan mengikut kepanjangan jalan raya dan bukan peruntukan yang tetap untuk setiap DUN?
- b) Adakah peruntukan MARRIS yang disalurkan kepada setiap PBT akan ditambahkan dalam tahun 2013?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, Kinrara membangkitkan tentang perkara geran MARRIS yang mana kita telah mengadakan beberapa perubahan dari segi pemantauan geran MARRIS ini supaya ia dapat menentukan penggunaannya dapat kita pantau. Pertama untuk sehingga 31 Mei 2013 jumlah peruntukan yang kita bagi untuk Jabatan-jabatan ialah seperti berikut JKR kita peruntukkan RM91 juta, Jabatan Parit dan Saliran RM4 juta, PBT iaitu Pihak Berkuasa Tempatan RM125 juta, Pejabat Daerah Tempatan RM4 juta dan kita juga telah mengadakan satu program yang dipanggil Operasi Tampal Jalan sejumlah RM100 juta. Sehingga kini RM342 juta telah digunakan dan kita juga telah menetapkan supaya peruntukan untuk setiap DUN pada telah cuba dipertingkatkan daripada RM2 juta ke RM4.5 juta.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih pada Puan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Soalan tambahan saya ialah mengenai MARRIS ini seperti apa yang didakwa oleh pihak Ketua Pembangkang bahawa kita mempunyai peruntukan MARRIS yang banyak tetapi tidak digunakan. Apakah logiknya kenapa MARRIS ini tidak digunakan sedangkan ini untuk menambah baik jalan-jalan di Negeri Selangor. Apakah alasan sebenarnya, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saudara Sekinchan Yang Berhormat telah membangkitkan perkara itu sebenarnya tak ada kebenarannya tetapi saya nak hendak jelaskan. Ada dua (2) perkara yang kita lakukan sejak 2008 iaitu penggunaan geran tersebut, itu dipanggil geran. Pertama jumlah geran penggunaan itu mesti kita tingkatkan maknanya penggunaan geran daripada 2007 kedua-dua 2008 kita tingkatkan penggunaan geran. Tapi dalam peningkatan penggunaan geran itu perakaunannya dibuat dicampurkan seperti 2005, 2006 dimasukkan dalam penggunaan umum, jadi mulai pada tahun 2012 kita telah tumpukan penggunaan itu untuk kalau MARRIS semua penggunaan yang dikhaskan untuk MARRIS akan direkodkan supaya tidak ada, apa yang dipanggil kemusykilan tentang tidak penggunaan wang MARRIS dan itu dipersetujui oleh Audit Negara sebagainya. Tetapi kita tentukan dua (2) syarat:

- i) Penggunaan wang MARRIS itu mesti *value for money*;
- ii) Pemantauan tentang kualiti pelaksanaan.

Sebagai contoh pengiraan umpamanya pembinaan masjid di Selangor ini sebelum 2008 dengan dana yang sama, kita hanya boleh membuat 5 atau 6 masjid, tapi dengan cara perolehan yang baru iaitu melalui tender terbuka dan penelitian dengan duit yang sama kita boleh membina 10 atau 11 masjid, jadi bererti dengan dana yang sama kita menambahkan penggunaan, tidak mengurangkan.

Kedua, kualitinya kita pantau supaya *value for money* itu dalam bentuk yang lebih baik, jadi dewan dari masa ke semasa tiap-tiap dewan bersidang akan kita keluarkan tentang maklumat penggunaan dana-dana dan apa yang dihasilkan daripada penggunaan dana tersebut sebagai menunjukkan konsep ketelusan dan cara penggunaan yang tata .....

**TUAN SPEAKER :** Soalan tambahan Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Yang persoalannya sekarang bukan dari segi akaun ataupun sistem yang kita guna, persoalan kita ialah kenapa wang marrish yang lebih banyak tidak dapat *reflect* dengan izin dengan jalan-jalan yang jelas lebih baik daripada zaman-zaman Barisan Nasional.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat, itu saya tidak boleh nak buktikan sebab pandangan ye, jadi apa yang kita lakukan ialah kita ada meminta suatu pasukan yang *independence* bebas untuk membuat kajian tersebut, jadi bukan dibuat oleh JKR, bukan dibuat, tapi dia membuat kajian tersebut dan hasil daripada kajian itu boleh kita buka untuk pengetahuan ADUN jadi kita tidak boleh menyatakan dalam keadaan .... Walau bagaimanapun operasi tampal jalan menunjukkan begitu banyak jalan yang perlu kita tampal dan saya rasa itu menunjukkan ada beberapa pembaharuan pendekatan ini akan dilakukan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa pertanyaan telah pun tamat, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Memandangkan ada lagi ramai Yang Berhormat yang nak berbahas, saya akan hadkan masa 15 minit seorang. Semasa Yang Berhormat melihat lampu kuning menyala itu bermaksud Yang Berhormat hanya mempunyai dua (2) minit untuk menghabiskan ucapan perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya buka untuk sesi perbahasan, Kuang.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS :** Terima kasih Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Kuang untuk mengambil serta dalam membahaskan ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor tempoh hari. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pembangkang Sg. Burong kelmarin, saya juga ingin menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Mulia Tuanku kerana prihatin dan sangat mengambil berat tentang kebajikan rakyat dan kelicinan pentadbiran kerajaan negeri.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga didapati tidak jemu-jemu dan sentiasa memberi nasihat dan berani membuat teguran-teguran membina kepada kerajaan negeri dan semua pihak yang bertanggungjawab dalam pentadbiran kerajaan negeri. Keprihatinan Tuanku inilah yang menyebabkan semua lapisan masyarakat Selangor meletakkan Tuanku sebagai pelindung utama dan payung kepada kesejahteraan dan keselamatan rakyat negeri Selangor yang tercinta ini.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini mengenai titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya kerajaan negeri hendaklah menunaikan semua janji-janji pilihan raya kepada rakyat Selangor. Setelah diberi mandat baru oleh rakyat, tahniah jugalah saya nak berikan kepada kerajaan kerana mendapat dua pertiga. Kerajaan Selangor hendaklah menunaikan semua janji-janji dalam manifesto yang ke -12 dan juga PRU yang ketiga belas serta semua janji-janji parti dan kerajaan dalam tempoh pemerintahan pada penggal yang lalu. Bagi pihak kami pembangkang Barisan Nasional, kita menghormati keputusan rakyat dalam pilihan raya ketiga belas walaupun masih banyak janji-janji PRU-12 belum dapat ditunaikan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Mencilah, Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Sri Muda minta mencilah.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** cepat mencilah, ye.....

**TUAN SPEAKER :** Boleh ya.....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** ..... lalah ....beri fakta

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** .... 15 minit je ini....

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih Yang Berhormat Kuang. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan yang janji-janji manifesto 2012 yang belum ditunaikan. Jadi saya minta Yang Berhormat untuk senaraikan satu persatu jelaskan apa janji yang belum ditunaikan itu kerana kami pun nak tahu. Kalau betul ada, sebutkan, kita minta kerajaan negeri untuk laksanakan, jadi nyatakan faktanya.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS :** Terima kasih, prihatinnya Sri Muda, saya pun hantar EXCO juga jawapan saya, saya akan senaraikan dan hantar kepada Sri Muda. Dan dalam konteks manifesto PRU-12 dan pendirian Y.A.B. Menteri Besar serta kerajaan Selangor bahawa manifesto bukan janji dan tidak mengikat kerajaan untuk menunaikannya. Barisan Nasional menghormati keputusan mahkamah pada 13 Mei 2013 bahawa sebuah manifesto pilihan raya tidak boleh dikuatkuasakan secara sah bahawa manifesto itu bukan sebuah dokumen yang terikat di sisi undang-undang. Apabila kerajaan negeri menyatakan bahawa *remedy* mereka adalah bersifat politik. *Remedy* pengundi ialah di peti undi pada masa pilihan raya diadakan. Walaupun



begitu kes ini sedang dibuat rayuan di Mahkamah Persekutuan dan masih boleh dibangkitkan oleh rakyat.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Mencelah Puan Speaker.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** ..... tetapi yang penting ialah dari segi moral dan integriti .....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang, Sri Muda minta mencelah.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** ,, ,, ,, ,, ,, nantilah Sri Muda, .....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** .... yang tadi akta tadi.....

**TUAN SPEAKER:** ..... sebentar lagi Yang Berhormat Kuang bagi. Sri Muda minta duduk.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** ..,, dia tak berapa sihat, dia demam tu...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Puan Speaker, Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Kuang, Sekinchan minta mencelah.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Kalau saya tak bagi Sri Muda, kenapa nak bagi Sekinchan tapi sayang kenapa Sekinchan masih di sana, patut Sekinchan dah di sana.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Itu lain cerita. Tapi nak bagi ke tak nak bagi.... Itu lain ceritanya...

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Saya nak bagi, tapi sebentar lagi.

**TUAN SPEAKER:** Sebentar lagi.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Tahniah kepada Speaker yang lama kerana daripada atas ke sana, patut Sekinchan daripada sana ke sana. Dari segi undang-undang Y.A.B. Menteri Besar dan kerajaan negeri mungkin tidak terlepas buat sementara ini, tetapi kita tunggulah sehingga keputusan Mahkamah Persekutuan. Dari segi moral dan prinsip integriti Y.A.B. M.B. dan kerajaan negeri adalah terikat dan bertanggungjawab untuk menunaikan semua janji-janji semua pilihan raya.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Kuang, ..... minta laluan.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** .....hai, berminat juga, saya ingat saya bagi selepas ini, sikit lagi, saya bagi ...oh ye. .... sampai.... sampai... semua janji-janji pilihan raya melalui manifesto 12 dan 13, dan 10 aku janji yang telah dibuat semasa mengangkat sumpah jawatan menteri besar dan EXCO kerajaan negeri. Rakyat telah

beri mandat baru kepada Pakatan Pembangkang berdasarkan kepada janji-janji manifesto PRU -12 dan 13 yang telah memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada rakyat. Apakah makna kalau janji-janji tersebut hanya mainan di bibir sahaja dan kerajaan negeri mendakwa bahawa mereka tidak terikat untuk menunaikan kerana mahkamah tidak memutuskan demikian mungkin kerana itulah mereka tidak begitu serius melayan tuntutan rakyat. Tak tahulah kalau itu juga dikehendaki oleh rakyat.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang. Kota Anggerik minta mencelah.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Oh nak sangat ye, tak apalah saya bagilah Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Speaker, Kuang mengakui Pakatan Rakyat menang lebih 2/3 dalam pilihanraya. Ia menunjukkan bahawa rakyat Selangor secara majoriti percaya bahawa manifesto-manifesto ini telah dilaksanakan. Buktinya Pakatan Rakyat menang dan saya rasa ini tak perlu diungkit lagi sebab rakyat Selangor telah pun menerima bahawa Pakatan Rakyat telah menyempurnakan apa yang kita telah laksanakan.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS :** Terima kasih Kota Anggerik. Kota Anggerik kena turun pangkat pulak, saya pun hairan juga tapi tak apalah Kota Anggerik aktif tapi bila daripada sana ke mari dah hampir-hampir dengan kami pula, saya ingat dia kemari. Terima kasihlah, saya memang setuju juga memanglah telah dilaksanakan sebahagian, tetapi kalau sekiranya bahawa pilihanraya-pilihanraya yang ke 13 yang lalu, bukannya dapat seratus peratus sokongan, perlu diingat bahawa masih banyak lagi yang tidak menyokong Pakatan Rakyat, maka itu yang tak menyokong tu tak bersetujulah dengan tindak tanduk yang dibuat oleh Pakatan Rakyat sebagai kerajaan, maka itu belum dapat dipenuhi sepenuhnya.

Saya teruskan ye, dalam pilihan raya yang ke-13 yang baru ini, manifestonya pakatan pembangkang Pakatan Rakyat telah membuat strategi baru yang telah meyakinkan dua pertiga (2/3) majoriti saya yakin, dan kemudian diikuti pula .....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Mohon laluan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang, Sri Muda minta laluan.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** / belum habis , sikit lagilah, sikit lagilah .....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Sekejap je, dua perkara je..

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Bagilah can .... Sikit lagi, sikit lagi ..... lepas ini saya bagi .....dah sudah lari... ke mana-mana tadi..... dan saya berharaplah ye... dengan janji-janji yang dibuat ini harus dilaksanakan dan kita di pihak pembangkang akan sentiasa mengikuti perkembangan kerajaan dan akan terus

menjadi pembela kepada rakyat dalam apa juga janji yang dibuat oleh kerajaan sama ada dapat ditunaikan atau sebaliknya. Saya menempuh Puan Speaker, di dalam dewan yang mulia ini

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Peraturan Tetap Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sri Muda Peraturan Tetap yang mana.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih Puan Speaker. Peraturan Tetap 36 (2) sebentar tadi (3), minta maaf, Peraturan Tetap 36 (2) “Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekiranya pada pertimbangan pengerusi harus merosakkan kepentingan pihak yang berbicara itu”. Kuang ada sebutkan tadi soal kes yang melibatkan saman yang sedang ditimbang oleh peringkat persekutuan, Mahkamah Persekutuan, jadi perkara itu minta ditarik balik. Kedua, berkenaan dengan fakta yang menyatakan dalam janji manifesto, saya masih minta lagi diberikan fakta, kalau tak ada, tuduhan itu perlu ditarik balik.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** saya tak akan tarik balik ini janji manifesto kerana saya ada fakta, saya perlu jawapan macam EXCO juga, saya akan sediakan dan beri pada Sri Muda. Saya sama *standard EXCO* jugalah.

Puan Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin membangkitkan semua isu mengenai industri pasir. Sekinchan tolong dengar Sekinchan. Yang masih menjadi isu hangat hari ini yang seperti yang pernah saya bangkitkan beberapa kali dalam Dewan Persidangan ini pada penggal lalu termasuk kena gantung 3 hari. Berdasarkan kepada beberapa pendedahan rakyat mengenai masalah pengeluaran pasir baru-baru ini seperti yang berlaku di Daerah Hulu Langat. Ini membuktikan Kerajaan Negeri terutamanya Pejabat Tanah dan syarikat Kerajaan Negeri, i Kumpulan Semesta Sdn. Bhd gagal dalam industri pasir di negeri Selangor. Apa yang kita baca di Media Massa bahawa 1 hari hasil kecurian pasir di Hulu Langat menjangkau kepada 300,000 sehari kali dengan 30 hari 1 bulan bererti 9 juta.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang beri laluan kepada Sekinchan.

**Y.B TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Silalah. Pasal tak jadi Exco saya bagi lah. Silakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Kuang yang bijaksana ye. Nampak lagi dekat sini. Saya ucapkan tahniah. Cuma Kuang tak jadi ketua Pembangkang yang jadi masalah. Sepatutnya saya mengimpikan sungguh-sungguh. Tak apa- tak apa lah. Soalan tambahan saya soal pasir yang diungkitkan oleh Yang Berhormat Kuang tadi adakah Yang Berhormat Kuang bersetuju bahawa soal penguatkuasaan pasir di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat lebih proaktif lebih ketara, lebih bagus jika dibandingkan zaman Barisan Nasional di mana Ketua Cawangan, Ketua Bahagian ramai yang terlibat UMNO dan sebagainya MCA, MIC terlibat sebagai penyangak pasir. Setuju atau tidak.

**Y.B TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS :** Terima kasih kepada Sekinchan. Sekinchan ni garang lagi lah. Tapi Sekinchan, zaman Barisan Nasional dulu kita keluarkan pasir tapi keluar pasir untuk kegunaan pembangunan tetapi hari ini pasir di Selangor dikeluarkan dijadikan industri. Bila sebut industri bererti pasir dikeluarkan seluas-luas, sebanyak-banyaknya.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat ada 2 minit lagi.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Pasir ini juga dulu kita beri kuasa kepada Pejabat Tanah menguasai pasir ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Mencelah lagi.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Kita wujudkan sebuah syarikat dan syarikat menguasai pasir dan syarikat ini dikuasai oleh staf kerajaan. Kenapa tidak diberi kuasa kepada semula kepada Pejabat Tanah. Kalau pasir dicuri di Hulu Langat. Hulu Langat 3,000 satu hari. Tuan-tuan Pejabat Daerah Hulu Langat. Kalau didarabkan 30 hari, 9,000.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Kuang tinggal 2 minit.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Jawapan tidak ada.

**Y.B TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Jawapannya bertulis hantar kepada Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SWEE LIM :** Bukan Exco. Berlagak macam Exco. Tak payah lah.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Tulis dan hantar. Ini bab pasir.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang, Yang Berhormat Kerajaan Sg. Pinang nak mencelah.

**Y.B DATO' TENG CHENG KHIM:** Yang Berhormat saya nak betulkan fakta. Nak bagi penjelasan bukan nak cabar.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** No, no, no. Exco ada penggulungan. Sg. Pinang boleh duduk Pihak Kerajaan. Exco ada masa penggulungan. Yang Berhormat nanti masa menjawab penggulungan

**Y.B TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Yang Berhormat Sg. Pinang sila duduk.

**TUAN SPEAKER:** Kuang masa sudah habis.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRIS:** Satu saya hendak gulung. Saya gulung. Isu kedua isu balak. Balak ini benda-benda besar ni. Balak juga. Saya harap isu pasir dan balak. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHAIRI :** *Bismillahir rahmanir rahim* terima kasih. Speaker, Kerajaan dan rakan-rakan bijaksana Pembangkang. Seluruh Ahli Dewan yang mulia. Alhamdulillah saya ucapkan terima kasih atas kesempatan sekali lagi diberi untuk berbahas mewakili rakyat di Batu Caves menyokong usul yang dibawa oleh Bukit Antarabangsa untuk menjunjung kasih atas titah DYMM Sultan Selangor sempena Pembukaan Dewan Negeri Selangor baru-baru ini. Bagi Penggal Yang Ketiga Belas. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih saya bagi Pihak Pakatan Rakyat di Gombak di atas undi yang telah diberikan majoriti rakyat di Batu Caves yang telah memberikan lagi satu kerusi kepada Pakatan Rakyat justeru membentuk 44 buah kerusi yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat dan melampaui 2/3 dalam Dewan Negeri Selangor dan sekali gus menolak dakwaan-dakwaan sesetengah Pihak selama ini yang mengatakan bahawa Negeri Selangor akan jatuh kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas. Dan sekali gus rakyat Negeri Selangor secara umumnya menolak dakwaan, hujah serta tohmahan serta yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Antaranya lakonan krisis air di Negeri Selangor. Antaranya warga emas yang masih belum menuntut wang Takaful. Antaranya serangan-serangan yang dicipta untuk membentuk perspektif dilihat sebuah Kerajaan yang gagal. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya mengulas dengan lebih ..

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves, Yang Berhormat Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM:** Yang Berhormat saya cuma betulkan satu statistik yang saya dengar yang diulang-ulang dalam Dewan Bersidang ini saya fikir tak betul. Sebenar lebih daripada 3/4 sebab itu Pembangkang tinggal sekerat sahaja.

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI :** Terima kasih. Terima kasih Sg. Pinang atas pembentukan fakta. 3/4 lebih 2/3. tak apa Yang Berhormat kita teruskan.

**TUAN SPEAKER:** Yang terhormat Batu Caves, Permatang atau Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Batu Caves terima kasih kerana bagi hujah yang awal saya kita akui kemenangan itu. Apa pendapat Yang Berhormat Batu Caves bila dah menang lebih 2/3 Sg. Pinang kata menang lebih 3/4 itu menunjukkan pilihan raya bersih adil sebagai mana yang ada. Terima atau tidak kenyataan itu.

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI :** Terima kasih Permatang. Saya memang hendak masuk topik itu. Sebab semalam Sg. Panjang pun bangkit pertamanya bila berkenaan dengan sistem pilihan raya kita kena mengakui apabila dalam titah DYMM Sultan sebagai contoh mengungkapkan bahawa sistem demokrasi berparlimen adalah sistem di negara kita. Dan antara sistem demokrasi berparlimen agar suara rakyat

dengan istilahnya *one man one vote*. Satu undi satu rakyat. Yang akan membawa suara rakyat dan kita adalah perwakilan di peringkat dewan yang rendah atau dewan yang tinggi negeri ini untuk berbahasan dan mewakili mereka. Tetapi walaupun kita menang lebih daripada 3/4 tetapi beberapa fakta yang timbul di sebalik perjalanan kalau dalam istilah yang betul perjalanan. Kalau perjalanan itu *travel*. Perjalanan ini proses. Atau pun urusan. Itu ada masalah seperti dakwat kekal yang tidak kekal. Mula-mula sebab tidak goncang. Lepas tu kena goncang setiap 2 jam. Letih. Lepas tu tak kekal juga. Itu proses. Tak apa lagi kita boleh nilai. Belum masuk lagi undi pos. Belum masuk proses undi awal. Belum masuk undi orang yang berada di luar Negara. Saya ambil contoh yang logik dan mudah. Ada lebih hampir 40,000 warga Negara Malaysia. Yang layak mengundi adalah sekitar 3,000 – 4,000 orang. Maknanya lebih daripada 20,000 lebih. Yang tidak boleh mengundi tapi kalau kehadiran turun mengundi undi Permatang 89.9% *almost* 90% saya jangka dan saya ada niat yang buruk mengatakan bahawa kemungkinan besar mereka Negara ini yang ada dalam daftar pemilih yang tak layak menjadi pengundi pos telah turun mengundi dan siapakah yang turun mengundi ini. Sebab itulah Yang Berhormat sekalian.

Apabila semua proses ini ada keraguan termasuk dalam apa yang Bukit Antarabangsa ketika itu jika beliau berhujah kita sebut 51% berbanding 47% orang tak nampak tapi bagaimana penemuan seorang peguam yang Andrew Koh dalam satu forum menyebutkan Barisan Nasional di peringkat pusat hanya menang 112 kerusi. Bergantung di atas 20% daripada undi keseluruhan di dalam Negara kita. Maknanya apa?. Kalau Pakatan Rakyat itu melakukan melampaui kemampuan yang ada mendapat 80% undi majoriti sekali pun di Peringkat Nasional kita belum mampu untuk membentuk Kerajaan Persekutuan. Maknanya sistem ini sendiri sudah ada keraguan dan ada masalah yang disebabkan kecurangan, penipuan, kesalahan yang telah dilakukan dengan tersusun berlapis atas undang-undang. Penyusunan landskap dan susun Suruhanjaya Pilihan raya kawasan-kawasan pilihan raya.

**TUAN SPEAKER** : Batu Caves Pembangkang minta laluan:

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI** : Habis sikit lagi. Yang akhirnya membentuk satu sistem yang tidak adil. Yang tidak *represent one man one vote*. Sistem ini diakui diyakini dan difahami Barisan Nasional di peringkat Pusat. Dia tahu berlaku dan menangkan mereka, menyusun mereka dan berlaku apa persempadanan semula.

**TUAN SPEAKER** : Permatang minta laluan. Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI** : Daripada atas sampai ke bawah ada sistem yang *roften* dan kita harus membetulkan sistem ini. Ini yang di sebut oleh Shakespeare dalam drama Hamlet : *Something is roften in the state of Denmark* Siapa yang nak cakap Ketua Pembangkang atau bakal Ketua Pembangkang. Oh Bakal Ketua Pembangkang.

**YB TUAN SULAIMAN B. AHMAD RAZAK** : Terima kasih Batu Caves. Saya pun telah mencelah sewaktu Bukit Antarabangsa memperkenalkan sistem undi popular saya

ingat itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Tetapi negara kita sistem demokrasi kita berdasarkan siapa menang banyak kerusi. Saya ambil contoh tahun 2004 di Kelantan dan kerajaan Kelantan berbeza satu kerusi jadi kerajaan dan dalam satu DUN di Kelantan itu undi majoriti yang PAS menang itu hanya 2 undi tak jadi masalah pun kepada Barisan Nasional boleh terima. Isunya sistem perlembagaan negara kita menunjukkan bahawa ini adalah dalam Perlembagaan siapa parti paling banyak menang kerusi dia akan jadi Kerajaan. Tidak kira dia menang majoriti 1 undi atau ada 1 kawasan menang majoriti 1 undi. Itu bukan satu isu yang hendak ditimbulkan.

Yang Berhormat, yang kedua saya hendak tanya Yang Berhormat isu pengundi luar negara. Saya rasa itu satu tuduhan yang sangat berat sebenarnya sebab SPR tidak boleh menyelaras 40,000 undi luar negara. Isunya SPR dah bagi pengumuman siapa nak menjadi pengundi luar negara dia kena daftar tempoh tertentu. Bukan tanggungjawab SPR nak pergi mencari 40,000 di seluruh negara. Tanggungjawab undi seperti kita. Duduk di Kuala Lumpur mengundi di Sabak Bernam sebagai pengundi luar. Tanggungjawab pengundi nak pergi Sabak Bernam pergi mengundi kalau dia tak balik hilang lah hak dia. Bukan soalnya dimonipolisasi di sana. Yang Berhormat kena betulkan hujah itu. Dua perkara saya minta Yang Berhormat hujahkan.

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI** : Pertamanya saya bukan pertikaikan satu kerusi satu undi atau 2 undi tetapi prinsip demokrasi *one man one vote*. Satu orang satu suara. Itu tidak tersusun. Tidak tercerna. Tidak terpapar. Dalam pilihan raya yang itu sistemnya. Ia harus diperbetulkan dengan persempadanan semula pilihan raya yang adil. Sebab itu saya menyusun kepada pihak Kerajaan Negeri dalam persempadanan pilihan raya yang akan datang. Pihak Kerajaan Negeri harus ada suara. Untuk menunjukkan sempadan lebih adil. Kita tak nak Permatang yang ada hanya ada 10000 – 15000 berbanding dengan Kota Damansara yang dekat 30,000 pengundinya. Batu Caves 30,000. dan ia benar-benar tidak *represent*. Menunjukkan *one man one vote*, Seri Serdang 70,000.

**TUAN SPEAKER** : Seri Serdang 70,000.

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI** : Kawasan pilihan raya paling tinggi. Sebab itu yang keduanya bila disebutkan undi Antarabangsa saya hanya membandingkan tentang logik. Apabila pengundi mencecah 90% dengan ada kita tahu angka mereka yang tidak boleh mengundi dan mereka ini ada dalam daftar pemilih. Ada dalam saluran ada dalam Pusat Mengundi. Kalau 90% turun mengundi kita kena semak dan sistem ini tidak dapat menjamin dengan adil. Adakah mereka ini turun atau tidak turun mengundi ataupun boleh dikeluarkan kad Pengenalan sebagaimana kecurigaan-kecurigaan yang timbul sebelum ini. Saya bukan hendak menyalahkan mana-mana pihak pilihan raya dah selesai. Sebab itu kita buat 505. supaya rakyat nampak perlu ada *reform*. Perubahan dalam sistem ini yang menjamin satu suara satu undi. Itu berkenaan dengan sistem pilihan raya.

Saya akan terus perlu ke isu yang lain kerana masa pun tak banyak dan waktu pun agak tersekat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebab itulah Suruhanjaya dibentuk Kerajaan akhirnya pilihan raya saya minta Kerajaan Negeri melihat dengan tepat tentang pengagihan kawasan ini agar ia benar-benar membentuk kita telah menyediakan satu tawaran yang lebih baik atau tawaran yang lebih tepat harapan yang sebenar Negeri Selangor agar suara dan hati rakyat Negeri Selangor benar-benar dapat disampaikan di dalam Dewan Negeri, Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara yang ada sistem Demokrasi.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Melihat daripada titah Duli Yang Maha Mulia beliau turut menyingkap dan mengungkap tentang kejayaan sistem merakyatkan atau pun program merakyatkan ekonomi negeri Selangor malahan baginda juga mengingatkan agar kerajaan Negeri memperluas agar program merakyatkan ekonomi yang telah dibelanjakan sekitar 825 juta sehingga bulan 12 tahun 2012 dapat memperluas dan memberikan manfaat kepada semua golongan termasuk golongan anak muda. Golongan anak di Malaysia atau pun di negeri Selangor mencatatkan lebih kurang 40% hingga 45% daripada populasi masyarakat dan penduduk yang ada di negeri Selangor. Justeru bagi pihak rakan-rakan, anak-anak muda yang ada di luar sana saya ingin menyeru kepada kerajaan Negeri agar melaksanakan program-program yang khas merakyatkan ekonomi untuk golongan muda. Jika kita lihat hanya ada satu program itu pun program di hujung penggal yang dilaksanakan benar-benar untuk golongan muda iaitu golongan, insentif perkahwinan bernilai RM200 atau pun RM400 bagi setiap pasangan dan Insya-Allah dalam manifesto terbaru yang akan dilaksanakan bernilai RM 500 bagi setiap pasangan setelah mereka mendaftar dengan pihak Kerajaan Negeri. Namun begitu ada beberapa perkara yang harus kita lihat supaya ia memberikan manfaat kepada rakyat. Sebagai contoh dalam manifesto Pakatan Rakyat di peringkat pusat kita menjanjikan pendidikan percuma dan penghapusan PTPTN, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang menjanjikan demokrasi pendidikan kepada rakyat. Justeru untuk mengambil langkah awal itu saya ingin menyeru kerajaan negeri melihat, merangka serta mengkaji kemungkinan untuk memberikan skim yuran-yuran peperiksaan percuma kepada seluruh rakyat negeri Selangor. Sebagai contoh pada tahun 2012 sebanyak 75,000 lebih kurang, 74,494 orang warga negeri Selangor mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Unjuran dari ini...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dua minit lagi Y.B. ya.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Dua minit. Jika yuran ini ditanggung atau pun diberikan oleh kerajaan negeri, kerajaan negeri akan berbelanja sekitar 10 hingga 11 juta dan ini merupakan salah satu daripada jihad yang disebutkan oleh baginda iaitu dalam bidang pendidikan untuk memantapkan serta memakmurkan rakyat dan pendidikan dalam negara kita. Keduanya memberikan program skim peluang kedua khususnya untuk anak-anak muda yang tertinggal, yang gagal, yang terkandas di bidang SPM, STPM dan sebagainya. Saya pernah sebutkan sebagai contoh kita pernah ada Inspens, apa salahnya untuk kita kembangkan Inspens ini di setiap daerah bekerjasama dengan MARA dan sebagainya untuk kita memperluaskan bidang



vokasional dan teknik ini dan sekali gus mampu melahirkan gulungan-gulungan muda yang dibantu dengan SPIES dan sebagainya berdaya saing, mampu dan mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi. Saya juga ingin menyeru agar Mimbar untuk belia dan remaja juga dikhususkan satu program dan diletakkan di bawah Program Pembangunan Usahawan. Saya ambil masa sedikit. Seterusnya berkenaan dengan kebudayaan. Program kebudayaan merupakan salah satu daripada inti kepada sebuah ketamadunan. Justeru saya menyeru kepada pihak Kerajaan Negeri supaya melihat balik, sebab daripada *Standco* atau Jawatankuasa Tetap yang telah ditetapkan tidak ada satu pun Jawatankuasa Tetap tentang kebudayaan. Yang ada adalah berkaitan dengan Adat Istiadat Melayu dan Warisan. Saya kira tidak semua budaya itu merujuk kepada perkara yang lepas sebaliknya budaya itu juga merujuk kepada budaya moden dan sebagainya. Justeru kita harus menggunakan pelbagai kemudahan yang sedia ada seperti Teater Di Raja, seperti kemudahan-kemudahan panggung dan juga kemudahan dewan yang sedia ada untuk mengembangkan aktiviti kebudayaan. Saya pun nak dengar..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ini ayat-ayat akhir ya! Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI :** .. teater yang hebat seperti *Miss Saigon*, *Phantom of the Opera* atau pun Uda dan Dara, Raja Lawak, ini bukan Maharaja Lawak, ini Raja Lawak lakunan Jalil Hamid ditontonkan semula untuk mengembangkan ketamadunan kepada rakyat. Saya ada sedikit masa, dua minit, satu minit, satu minit Tuan Speaker, saya nak tambah sedikit sahaja berkenaan dengan sukan kerana sekarang ini kebetulan kontinjen Negeri Selangor sedang bertarung di SUKMA dan Insya-Allah peluang kita untuk menjadi juara masih ada walau pun kita ada berbaki lima hari dan sekarang Insya-Allah pada hari ini kita boleh menduduki di tangga ke dua selepas Terengganu. Justeru itu saya menyeru kepada kerajaan Negeri untuk melihat kembali infrastruktur-infrastruktur sukan, Antaranya stadium-stadium kita, Kita ada banyak stadium, Stadium Selayang di kawasan saya. Dah lebih daripada sepuluh tahun. Stadium Jugra, treknya masih lagi bitumen. Malu kita negeri Selangor treknya masih lagi bitumen. Di Kuala Selangor, alhamdulillah kita sudah dapat perbaiki tapi banyak kemudahan-kemudahan seperti bola balak, boling padang dan sebagainya yang memerlukan peningkatan infrastruktur dan ianya tidak lain dan tidak bukan mampu untuk memberikan impak dalam pembangunan sukan yang ada di dalam negeri Selangor. Ayat terakhir Tuan Speaker, pandai curi masa. Saya hendak sebutkan agar kita melihat balik peruntukan yang diberikan sebab negeri-negeri yang telah menang sebagai contoh Negeri Terengganu berbelanja lebih daripada RM10 juta. Kita masih lagi statik pada tahap enam hingga lima, lima hingga enam juta dan sebab itulah dalam empat kejohanan SUKMA yang lepas kita terpaksa menduduki tangga ke dua walau pun sebelum itu kita menjadi johan atau pun menjadi juara. Dan yang terakhirnya sekali lagi....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ini tak boleh dan, dan dah lepas ni.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Saya ingin menyebutkan beberapa perkara berkenaan dengan Batu Caves dan saya mohon agar kerajaan Negeri melihat

beberapa isu-isu yang tertanggung berkenaan dengan banjir yang melingkari di kawasan persisir Sungai Batu, Kampung Laksamana, Kampung Nakhoda dan *Indian Settlements* dapat dipercepatkan dan kita tahu projek ini sedang berjalan di samping penempatan semula penduduk di Jalan 10D dan penduduk di tepi sungai *Indian Settlements*, mereka ini terbeban atau pun menjadi mangsa di dalam projek Setinggalan Sifar yang tidak sifar yang akhirnya mereka tidak ada rumah, rumah mereka dirobuhkan, mereka terpaksa menyewa, dan rumah projek yang dijanjikan tak siap. Dah lama dah. Di Jalan 10D. Saya dah jumpa EXCO dan dekat empat kali saya rasa. Penduduk jumpa EXCO pun dah dekat dua kali, kita tak ada lagi penyelesaian dalam penggal ini sesuai dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan, saya harapkan agar kerajaan Negeri lebih efisien, lebih efektif dalam menjalankan perkhidmatan dan tugas dalam merakyatkan ekonomi kepada rakyat. Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, saya mohon untuk menyokong usul ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Paya Jaras, Paya Jaras, Taman Templer, Taman Templer.

**Y.B. TUAN Zaidy Bin Abdul Talib** : Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor di Majlis Perasmian Mesyuarat Kedua Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ke 13 yang telah pun diusulkan oleh wakil atau pun Bukit Antarabangsa. Di akhir ucapan usul Bukit Antarabangsa ada menyebut tentang ayat-ayat Al-Quran Nur Karim (ayat Quran) melahirkan sebuah negeri yang baik dan mendapat pengampunan daripada Allah *Subhanahu Wataala*. Sudah pasti untuk mendapat negeri yang diidam-idamkan. Dan saya kira bertepatan dengan tema negeri Selangor, negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan harus dimulakan dengan kepimpinan yang baik dan juga, rakyatnya juga baik. Bila rakyatnya baik, pemimpin pun juga baik, yang beriman dan bertakwa kepada Allah *Subhanu Wataala*, barulah Allah *Subhanu Wataala* akan menurunkan keberkatan daripada langit dan bumi khususnya yang kita doa dan yang kita minta ke negeri Selangor Darul Ehsan. Sebagai mana dengan firman Allah *Subhanahu Wataala* (ayat Quran) kalau sekiranya penduduk di satu tempat itu beriman dan bertakwa kepada Allah *Subhanahu Wataala*, maka Allah *Subhanu Wataala* akan memberi keberkatan kepada negeri tersebut daripada langit dan bumi. Tuan Timbalan Speaker. Templer ingin mengucapkan terima kasih kepada rakyat negeri Selangor yang telah pun memberikan mandat 3/4 kepada Pakatan Rakyat dan akhirnya mampu membentuk sebuah kerajaan yang kuat. Baik kerajaan atau pun pembangkang, ini adalah merupakan satu amanah rakyat yang menempatkan kita di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengajak sidang yang mulia ini melihat kepada ayat Al-Quran Nur Qarim, surah Al-Haj, 41 yang menerangkan berkenaan dengan Allah *Subhanahu Wataala*. Bagaimana Allah *Subhanahu Wataala* berfirman (al-Quran). Orang-orang beriman yang diberikan kuasa oleh Allah *Subhanahu Wataala* mentadbir urus dunia ini termasuk ahli politik, termasuk negeri Selangor ini. Mereka ini kata Allah *Subhanahu Wataala* antara kriteria orang diberi kuasa yang diredai oleh Allah *Subhanahu Wataala*. Yang pertamanya, *aqalmusalah*. Mendirikan sembahyang. Yang kedua *waatauzatah*, mengeluarkan

zakat dan yang ketiga mengajak orang melakukan makruf dan kebaikan. Dan yang keempat meninggalkan kejahatan dan menegah orang melakukan kemungkaran dan seluruh ajaran atau pun kerja buat kita diserahkan Allah *Subhanahu Wataala*. Ini kriteria tuan-tuan sekalian. Yang pertama, menegakkan solat, dalam konteks yang lebih besar adalah mengajak seluruh rakyat mengabdikan diri kepada Allah *Subhanahu Wataala*. Saya Taman Templer ingin mengucapkan syabas dan tahniah sepanjang tempoh pentadbiran Pakatan Rakyat sejak 2008 kita melihat bagaimana surau-surau dan masjid-masjid di seluruh Selangor subur dan makmur dengan program-program agama dan ini diiktiraf oleh semua peringkat termasuk alim ulama luar dan dalam Negara kita. Ada yang menyebut bagaimana di satu ketika negeri Selangor ini menjadi tempat dan tumpuan ilmuan-ilmuan dan satu ketika khususnya di bulan Ramadhan ianya lebih subur dan lebih makmur program-program agama dalam bulan Ramadhan melebihi kerajaan Kelantan itu sendiri. Ada di kalangan surau-surau dan masjid sekarang ini yang mana program-program agamanya bermula daripada kuliah subuh, kuliah duha, kuliah zuhur, kuliah selepas balik kerja pukul enam petang, kuliah maghrib, dan kuliah selepas isyak. Ini pujian harus diberikan, dan kita inginkan kerajaan negeri Selangor tidak menjadi seperti kerajaan BN Barisan Nasional di Pahang. Semalam, kalau tidak silap saya bagaimana EXCO kerajaan negeri Pahang, EXCO Agama dan Islamiah terus-terusan dalam bulan Ramadhan ini mengharamkan terus tazkirah, sedangkan Ramadhan adalah merupakan bulan yang dinanti-nantikan oleh umat Islam. Bulan untuk menyucikan jiwa, bulan untuk bagaimana kita menyuburkan semangat dan budaya ilmu dalam majlis-majlis keagamaan kita. Jadi, saya Taman Templer mengesyorkan supaya dalam bulan Ramadhan ini diperbanyakkan kuliah Ramadhan, memperbanyakkan pelbagai-pelbagai lagi majlis-majlis ilmu dan seumpamanya.

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR** : Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Taman Templer, Hulu Bernam hendak mencelah.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Ya.

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR** : Kepada Taman Templer, saya hendak nyatakan tentang Pahang tadi. Pengharaman ini, daripada mana penjelasan, sila. Buktinya.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Kita boleh lihat. Keluar di TV3. Keluar di TV3 bagaimana Pengerusi Jawatankuasa Agama dan juga Islamiah mengharamkan tazkirah di bulan Ramadhan khususnya waktu solat tarawih. Tuan-tuan sekalian, saya mencadangkan di Selangorlah kita jangan ikut.....

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Yang Berhormat,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Taman Templer, Maaf, Batu Caves hendak mencelah.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Silakan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Baik, Terima kasih Templer. Terima kasih, saya hendak mencelah sedikit. Saya tengok Hulu Bernam TV3 pun tak percaya nak tengok. Ya, tuan-tuan sekalian. Taman Templer saya nak tanya sedikit. Pertamanya Pahang mengharamkan tazkirah. Tetapi, tiba-tiba kita dengan tadi keluar *statements* daripada negeri Pulau Pinang. Negeri yang diketuai oleh seorang kafir bernama Guan Eng. Dia pula tak haramkan tazkirah. Macam mana Yang Berhormat sekalian.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB**; Terima kasih. Saya ingat kerajaan Barisan Nasional kena belajar daripada kerajaan Pulau Pinang dalam hal ini. Kita syorkan kepada Kerajaan Negeri supaya memakmurkan lagi bulan Ramadhan satu bulan yang sangat mulia yang penuh dengan keberkatan khususnya memperkuatkan sekuat untuk menjejaki umat Islam yang tidak berpuasa. Dan yang keduanya, memastikan restoran-restoran umat Islam hanya dibuka selepas jam 3.00 petang untuk mengelakkan ada di kalangan umat Islam yang tidak berpuasa dan melanggar kewajipan berpuasa dalam bulan Ramadhan. Yang keduanya, ayat tadi juga menyebut berkenaan *wa autazakah* (bahasa Arab), mengeluarkan zakat. Dalam hal ini tuan-tuan, sidang yang mulia satu penghormatan dan tahniah kepada Lembaga Zakat Selangor yang telah berjaya mengutip RM451,000,000 pada tahun 2012 dan melebihi sasaran yang ditetapkan. Pembayarannya sahaja 210,723 orang. Ini menunjukkan satu statistik yang amat membanggakan kita. Dalam konteks *wa autazakah* mengeluarkan zakat ini juga diambil dari konteks yang luas dalam membangunkan ekonomi dan sudah terang lagi bersuluh bagaimana keadaan ekonomi Kerajaan Negeri Selangor cukup baik dan saya kira antara yang terbaik di dalam Malaysia dengan rizabnya, dengan sumbangan KDNK negara hampir 22 peratus dan seumpamanya.

Timbalan Speaker,

Kalau kita melihat supaya kesuburan ekonomi harus dilampiaskan terus kepada golongan-golongan rakyat negeri Selangor khususnya golongan-golongan muda. Templer menyokong penuh apa yang dibawa dan yang disebut oleh Batu Caves tadi dengan merakyatkan ekonomi Selangor untuk anak muda. Antara yang Taman Templer ingin syorkan adalah hadiah masuk universiti. Kalau sebelum ini ianya terhad, hanya kepada keluarga yang berpendapatan rendah atau pun RM1,500.00 sahaja, sedangkan hadiah masuk universiti adalah hadiah kepada pelajar yang masuk universiti sebagaimana asnaf *fi sabilillah* yang kita bagikan kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran. Maka Taman Templer mengesyorkan hadiah masuk universiti ini diberikan terus kepada pelajar-pelajar yang berjaya menyambung pelajaran ke peringkat diploma dan ijazah tanpa mengambil kira latar belakang ataupun isi pendapatan keluarga mereka.

Yang keduanya, berkenaan dengan diwujudkan satu tabung khusus untuk usahawan muda walaupun disebutkan oleh Y.B. Exco, di sana sudah ada kursus-kursus, di sana sudah ada program ataupun karnival jom kerja tetapi belum cukup dan kita melihat bagaimana anak-anak muda cukup bersemangat untuk tidak mengambil gaji, bekerja

sendiri dan seumpamanya tetapi memerlukan tabung khusus yang boleh disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu anak-anak muda ini.

Dan yang ketiganya, menggalakkan kepada program yang makruf. Alhamdulillah sepanjang tempoh 2008 kita melihat bagaimana satu perubahan yang besar dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor khususnya di bawah Exco Pendidikan di mana sambutan-sambutan tahun baru yang sebelum ini menjadi tempat bagaimana membuak-buaknya pesta-pesta maksiat dan menjadi pencetus kepada masalah gejala sosial tapi telah pun ditukar kepada satu program-program yang ilmiah dipanggil artis-artis, dipanggil ahli-ahli sukan, diadakan forum dan seumpamanya dan seingat saya pada diambang tahun baru 2012 dianjurkan di dataran Shah Alam bagaimana kehadirannya kurang lebih 100,000 pengunjung. Dalam masa yang sama kita melihat Barisan Nasional cuba menjuarai juga melakukan program diambang kemerdekaan di ICT. Dikhabarkan datangnya pengunjung 400,000 tetapi bila di *interview* tanya kepada yang datang bagaimana rasa, pengunjung berkata, “seronok sangat sebab yang hadirnya juga bapamu gigin dan seumpamanya. Tuan-tuan, saya tak reti nak ajuk, tapi itu adalah merupakan cakap orang Indonesia yang merupakan 400,000 kebanyakannya bukan rakyat Selangor tetapi adalah warga-warga asing yang hadir. Apa yang saya sebut tuan-tuan sekalian, bagaimana kita mempelopori program-program amal makruf tapi ada lagi di sana rakan-rakan kita di kalangan Barisan Nasional yang cuba menjuarai juga program-program maksiat.

Dan yang keempat ialah mencegah mungkar. Disebutkan tadi bagaimana Y.B. Exco menyatakan ada prosedur-prosedur, ada program-program ataupun gerak kerja penguasaan dan sebagainya. Setakat ini Taman Templer melihat persepsi rakyat, penguatkuasaan masih lagi lemah kerana melihat kepada keberkesanan. Oleh yang demikian Taman Templer mengesyorkan supaya melihat semula bagaimanakah proses penguatkuasaan yang lebih efektif dan efisien supaya ianya mampu memberi kesan. Sebagai contoh, saya dapat maklumat PDRM melapur 168 pusat siber haram yang beroperasi di Majlis Perbandaran Selayang yang ada menjalankan perjudian secara *on-line*. 98 telah pun diambil tindakan, di kompaun RM1,000.00 sahaja di bawah Undang-undang Kecil Pusat Siber tetapi selepas daripada itu 98 ini masih lagi beroperasi seperti biasa. Sebab oleh yang demikian, kita mengharapkan sangat supaya penguatkuasaan ini perlu dilihat semula kaedah dan tatacaranya supaya kesannya mampu dapat dilihat dan dapat dirasai.

**TIMBALAN SPEAKER** : Dua minit lagi.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** ; Untuk yang akhirnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan perumahan. Kita melihat sekarang ini perumahan adalah merupakan antara masalah utama yang membelenggu rakyat masa kini. Memang benar pembangunan berjalan dengan rancak tetapi rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana masih lagi menghadapi banyak masalah jika mahu memiliki rumah sendiri. Harga rumah yang mahal dan harga terus meningkat menyebabkan ramai dari mereka masih menyewa walaupun setelah lebih setahun mereka bekerja. Sekarang ini kalau *fresh graduate* dengan izin hanya bergaji RM1,500 selepas 10 tahun pun mereka

masih lagi dalam ruang lingkup gaji yang sama 10 tahun bekerja lagi belum mampu untuk memiliki rumah. Pemaju lebih memberi tumpuan kepada rumah-rumah kos tinggi khusus mereka yang berpendapatan tinggi dan pelabur-pelabur daripada luar negara. Mereka terpaksa atau dipaksa membina rumah-rumah untuk rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Berbagai alasan yang diberikan dan rumah yang dibina sentiasa berkualiti rendah. Oleh yang demikian saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Selangor yang telah mempelopori program pembinaan rumah mampu milik tapi tahniah kerana telah terlebih dahulu daripada Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional membina rumah-rumah mampu milik ini. Walau bagaimanapun memandangkan permintaan yang tinggi Kerajaan Negeri perlu membina lebih banyak dan lebih cepat lagi rumah mampu milik ini. Alhamdulillah 1,500 unit telah pun siap dibina pada penggal lepas. Lebih kurang 1,000 unit telah dilancarkan dan hampir 5,00 unit telah diluluskan untuk dibina. Walau bagaimanapun ini masih tidak mencukupi dan untuk memenuhi permintaan yang tinggi. Oleh itu janji di dalam manifesto Pakatan Rakyat Selangor pada pilihan raya umum yang ketiga belas, untuk mewujudkan satu badan yang baru atau *vehicle* dengan izin khusus untuk membina rumah mampu milik adalah sesuatu yang dinanti-nantikan oleh mereka.

**TIMBALAN SPEAKER** : Ayat terakhir.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB**: Walaupun demikian walau pun kita melihat, kita minta supaya sebagai contohnya, rumah mampu milik Kg. Seri Gemenggong Selayang yang diumumkan oleh Y.B. Exco Perumahan pada 2010 masih belum dibina khususnya oleh PKNS, perlu dipercepatkan. Saya difahamkan di bawah Exco Perumahan terpaksa menubuhkan *one stop centre* untuk mampu untuk rumah mampu milik untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh PKNS, Penguasa Tempatan, Pejabat Tanah, dan dari agensi-agensi lain, saya berharap badan ini mampu mengatasi masalah-masalah yang dinyatakan. Dan saya mengharap badan ini mampu mencontohi model dengan izin *housing development board (HDP)* di Singapura yang mampu mencari tanah merancang mereka bentuk mendapatkan kelulusan PBT, membina, menjual, mendapatkan pinjaman untuk pembeli dan penyelenggara. Maka dengan itu sekiranya kumpulan...

**TIMBALAN SPEAKER** : Boleh tamatkan ayat terakhir.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terakhirnya, sekiranya Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) berhasrat untuk mengambil alih kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) adalah amat dialu-alukan. Bayangkanlah kalau KDSB mempunyai 4,000 ekar tanah, 10 peratus sahaja iaitu 400 ekar dibina mampu sudah membina 20,000 rumah mampu milik. Jadi untuk yang akhirnya, saya Taman Templer menyokong usul kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di majlis perasmian Mesyuarat Kedua Sesi Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan yang Ketiga belas. Terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER** : Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, terima kasih kepada Timbalan Speaker kerana telah memberi ruang kepada Paya Jaras untuk mengambil bahagian dalam usul menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dengan kesempatan ini juga Paya Jaras mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada kedua Timbalan Speaker termasuk Speakernya yang telah mencipta sejarah dalam negara ini dan tahniah kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang telah membawa Parti Pakatan Rakyat memasuki pilihan raya dengan kejayaan menguasai tiga perempat kerusi dewan ini. Tahniah juga kepada Ketua Pembangkang yang dilantik dan kesempatan ini saya mengambil kesempatan untuk menyatakan penghargaan saya kepada Pegawai-pegawai Kerajaan selama mana saya dilantik sebagai Penyelaras Dewan Undangan Negeri di Paya Jaras yang banyak membantu tugas saya sebagai Penyelaras DUN termasuk Pegawai Daerah Petaling, Dato' Zulkifli Ahmad, Ketua ADO Pembangunan, Tuan Haji Ishar Rashidi, Penghulu Mukim Sg. Buloh Satu, Hassan Idris, Pengurus Cawangan MBSA di Sg. Buloh.

Timbalan Speaker, Kita tahu bahawa hari ini kita mempunyai struktur wakil-wakil Rakyat Dewan Negeri ini yang sangat menarik. Kalau Wakil Rakyat UMNO Barisan Nasional melalui ucapan mereka mengatakan salam satu Malaysia saya kira sekarang ini pihak pembangkang tidak boleh lagi menggunakan ucapan satu Malaysia kerana di pihak pembangkang kesemuanya adalah UMNO parti daripada UMNO. Kita di kalangan kerajaan, kita mempunyai Wakil Rakyat...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Paya Jaras, Y.B. Sg. Burong ingin mencelah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya ingin bertanya kepada Paya Jaras, adakah Paya Jaras akan *denied* hak demokrasi dengan izin untuk kita menyatakan apa orang kata ucapan salam sejahtera satu Malaysia ni. Kalau salam dalam bahasa Melayunya sejahtera. Sejahtera satu Malaysia ertinya kita mahu supaya rakyat yang ada di Malaysia ini dapat bersatu padu dan akan hidup aman dan sejahtera ucapan itu apa salahnya. Jadi ini adalah hak kebebasan, saya ingat bercakap dalam sistem demokrasi yang perbarisan Pakatan Rakyat selaman ini memperjuangkannya.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** : Terima kasih Y.B. Sg. Burong. Kalau Y.B. Sg. Burong bercakap berhubung kait dengan demokrasi dan hak demokrasi, maka kita juga minta Kerajaan Persekutuan mengiktiraf hak demokrasi rakyat untuk berhimpun dan menyatakan suara dalam mana-mana tempat yang kita pilih. Jangan kita menyatakan demokrasi..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sg. Burong minta mencelah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya ingin tanya dengan Paya Jaras sebenarnya tahukah bahawa kita Barisan Nasional tidak menghalang untuk orang berdemonstrasi tetapi yang kita tidak bersetuju ialah berdemonstrasi secara haram. Kita ada akta perhimpunan aman yang perlu dipatuhi dan ini telah tidak di laksanakan. Itu adakah Paya Jaras sedar perkara ini.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Sg. Burong. Ya, kita sangat sedar bahawa bukan sahaja dalam Pakatan Rakyat tetapi UMNO dan Barisan Nasional juga menganjurkan demonstrasi haram dengan membawa kepala-kepala lembu, membawa ibu-ibu tunggal ke dalam demonstrasi yang mereka tahu akhirnya kes mahkamah akan ditolak.

Timbalan Speaker, saya teringat singgungan daripada Sg. Panjang..

**TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Kota Anggerik nak mencelah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Speaker, saya rasa istilah satu Malaysia tidak sesuai lagi digunakan oleh pihak pembangkang, yang ada satu UMNO, yang satu Malaysia ialah Pakatan Rakyat, adakah setuju begitu.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terma kasih. Saya boleh menyokong dan bersetuju dengan pandangan Kota Anggerik. Saya teruskan. Kelmarin Sg, Panjang beberapa kali menyinggung dengan merujuk istilah pungguk rindukan bulan. Kalau bulan yang dimaksudkan itu merujuk kepada PAS, ya, saya setuju. Kalau pungguk rindukan bulan itu merujuk kepada UMNO yang merindukan yang nak sangat menjadi Menteri Besar pun saya boleh setuju. Pungguk rindukan bulan, ya, bulan satu perkara yang universal kita membawa simbol bulan purnama. Di dalam Al Quran disebut dalam surah berhubung kait dengan bulan. Di dalam bahasa Tionghoa juga disebut '*buliendavovishi*' bulan dihatiku. Dalam bahasa India juga disebut '*nila*' bulan tetapi jarang-jarang orang sebut keris yang dah berkarat. Hari ini kita tahu, saya respons kerana Sg. Panjang menyindir kita. Betul mereka masih dalam situasi terkejut kerana kita bukan sahaja menguasai dua pertiga tetapi kita menguasai tiga perempat. Saya mengambil hujah daripada Batu Caves, barangkali kalau SPR ini telus dan beramanah dan cekap bukan sahaja kita menguasai tiga perempat tetapi kita menguasai empat perempat dalam Dewan Undangan ini.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tuan Speaker, boleh mencelah?. Terima kasih Paya Jaras. Saya seronok tengok orang yang begitu bersemangat. Saya nak tanya Paya Jaras isu pilihan raya tidak adil dan tidak telus. Sebenarnya saya telah pun berhujah tentang pilihan raya adil dan telus. Yang tak telus itu ialah pilihan raya memilih CEC DAP. Itu yang tipu. Perwakilan tak bagi datang. Jemputan tak bagi. 700 lebih perwakilan dinafikan hak. Sepatutnya yang gunakan dakwat kekal ialah pemilihan CEC DAP. Itu yang tak adil dan tak telus. Jadi kena nasihatkan rakan DAP Yang Berhormat tu.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Timbalan Speaker, minta mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teratai, ini masa Paya Jaras berucap.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Ketelusan SPR yang disebut berulang kali. Isu CEC kita tanya rakan-rakan kita dari DAP. Tetapi pada hari



ini kita menyatakan bahawa kita masih merasakan bahawa berlaku ketidakseimbangan dalam pilihan raya. UMNO Barisan Nasional juga memfailkan petisyen. UMNO Barisan Nasional menamakan SPR sebagai Defendan dalam petisyen mereka. Kalau mereka yakin terhadap UMNO SPR ini mengapa menamakan SPR ini sebagai Defendan dalam petisyen mereka. Jelas bahawa UMNO Barisan Nasional juga merasakan pilihan raya tidak adil tetapi mereka malu-malu untuk mengakui.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Tuan Speaker, saya rasa mengenai petisyen ini kita dah bangkitkan pada hari pertama Sidang Dewan. Di mana saya nyatakan bahawasanya petisyen yang dibuat oleh pihak Barisan Nasional ini tiada kaitan dengan kelemahan ataupun kepincangan sistem SPR. Kita mengakui dengan penuh percaya bahawasanya SPR telah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik. Yang menjadi sebab kenapa kita nak buat petisyen itu ialah kita dapati terdapat di kalangan pembangkang-pembangkang di peringkat nasional yang kata tadi rindu-rindu bulan tadi nak terbang jauh tapi sayap tak cukup panjang. Jadi yang kita nak buat petisyen ini adalah kerana salah laku mereka ini. Itu yang kita nak buat petisyen. Jadi kena betulkan sikit *statement* tu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa *statement* saya jelas dan mudah difahami. Saya tak menceritakan masalah asbab dalam petisyen yang difailkan itu. Saya cerita kenapa SPR dinamakan sebagai defendan dalam petisyen itu. Asbab itu cerita lain. Terpujang pada mahkamah untuk menentukannya.

Tuan Timbalan Speaker, bertitik tolak dari titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di dalam muka surat 8 teks titah Tuanku ada menyebut usaha dan tindakan untuk mengagihkan hasil pembangunan dan limpah rezeki kurniaan Allah SWT di bumi Selangor ini hendaklah terus dilakukan secara adil dan saksama. Kita menguji dengan program yang dilakukan oleh Tan Sri Khalid Ibrahim melalui program MES yang diperkenalkan pada tahun 2008.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat minta sebut nama kerusi Dato' Menteri Besar.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Yang Berhormat Pelabuan Klang. Melalui skim yang diperkenalkan di dalam Negeri Selangor ini. Kita lihat kita ada air percuma, ada Skim Mesra Usia Emas, ada tabung Anak Kerja Ladang, kita ada hadiah IPTA dan banyak lagi. Cuma yang menjadi kemusykilan pada saya adalah apabila Yang Berhormat Dato' Pelabuan Klang mengisytiharkan yang kita mempunyai rizab RM2.5 bilion pada tahun 2013. Saya tidak meragui figure ini cuma saya ada kemusykilan betul ke kita ada RM2.5 bilion ini. Kenapa saya kata demikian?. Kerana pada waktu ini kita mempunyai skim yang begitu banyak. Sedangkan masa kita mengambil alih Selangor pada tahun 2008, pada waktu zaman pemerintahan UMNO Barisan Nasional air tidak percuma, tidak ada Skim Mesra Usia Emas, tidak ada bantuan tabung Anak Ladang, tidak ada hadiah IPTA, tidak ada perkara bantuan kepada masyarakat tetapi dalam keadaan tidak ada bantuan ini rizab kerajaan di waktu

UMNO Barisan Nasional hanya RM400 juta. Kita membelanjakan lebih RM800 juta dalam 5 tahun kita membelanjakan dan rizab kita telah meningkat daripada RM400 juta menjadi RM2.5 bilion.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Minta mencelah. Nampaknya pembangkang ni suka sangat dengan *figure* rizab ni.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Minta betulkan istilah Kerajaan itu ya.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Sorry. Kerajaan. Minta maaf. Saya tarik balik.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Masih lupa ya. Itulah yang dikatakan Pungguk Rindukan Bulan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Suka sangat nak menceritakan fasal rizab sampaikan pada tahun lepas ada RM2.5 bilion. Pada tahun ini meningkat ke RM2.8 bilion tetapi bila dianalisis masalah-masalah rakyat dan kehendak-kehendak dalam perbekalan tambahan yang telah dibuat dan dipersoalkan oleh Bukit Antarabangsa dan pada hari ini dah dikontotkan sikit permintaan peruntukan itu kepada RM79 juta dan saya lihat pula satu lagi bahawasanya segala....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Apa soalnya?.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Iya ini dah nak sampai soalan. Segala usaha-usaha yang dibuat untuk mencapai ataupun hendak memenuhi manifesto ini berapa peratus daripada rizab yang dibuat. Adakah ini satu kecekapan ataupun satu kelemahan kerajaan dalam mengurus rizab. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Kalau Yang Berhormat memberi ukuran kejayaan skim ekonomi ini melalui sokongan rakyat, ia kita melihat pilihan raya yang ke-13 baru-baru ini rakyat menyokong kita dengan memberi kerusi yang banyak dalam Dewan Negeri ini. Itu aras sokongan rakyat kepada kita.

Tuan Timbalan Speaker, walau pun kita mempunyai kelebihan dana yang besar, kita mempunyai skim yang banyak dalam tempoh 5 tahun tetapi kita juga kena akui yang kita mempunyai kelemahan yang perlu diperbaiki. Di antaranya ialah air percuma yang diberi kepada rakyat. Kita masih melihat bahawa ada lagi penduduk-penduduk di Selangor ini yang duduk di rumah-rumah flat, rumah-rumah pangsa yang masih lagi belum menerima air percuma. Kita minta Kerajaan Negeri Selangor menyelesaikan perkara ini. Yang kedua, skim khairat kematian. Kita lihat masih ada lagi orang yang berusia 60 tahun ke atas yang belum lagi berdaftar dengan skim ini. Di Selangor ini kita mempunyai 303,837 orang yang berumur 60 tahun ke atas. Soal saya pada kerajaan apa tindakan kita untuk mendaftarkan mereka ini yang belum mendaftarkan. Tabung Anak Kerja Ladang kita sangat menghargai...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, 2 minit lagi ya.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Kita sangat menghargai bahawa kita miskin untuk menjaga masyarakat di ladang ini. Cuma saya ingin menyatakan di sana di dalam sistem pentadbiran kita *ada crack in the system* dengan izin. Bagaimana saya kata *crack in the system* kalau masyarakat Islam ini kita bagi rahmat yang besar Islam mengajar untuk membayar zakat dan kita bergantung harap pada wang zakat bagi orang susah. Tetapi bagi masyarakat Cina dan India mereka bergantung harap pada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana Dusun Tua telah menyatakan semalam bahawa ada lagi Jabatan Kebajikan Masyarakat ini yang memilih kasih untuk memberi bantuan kepada rakyat-rakyat dalam Selangor ini. Sebab itu saya memohon dengan Geran Selangorku ini yang besar wujudkan Jabatan Kebajikan Rakyat di Negeri Selangor ini supaya kita tidak perlu dikatakan melukut di tepi gantang dan rakyat kita mempunyai tempat pergantungan untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka selain membaiki Tabung Kerja Anak Ladang ini.

Timbalan Speaker, hadiah IPTA disambut baik tetapi di sana masih ada lagi syarat-syarat yang kita perlu membaiki pulih di antaranya kita mencadangkan kelayakan diberi kepada mereka yang bersekolah di Negeri Selangor ini. Akhir sekali, pembangunan desa. Saya minta kerajaan membaiki kelemahan sistem yang ada dulu. Dulu kerajaan menjalankan sistem memberi geran tanah secara kelulusan terpilih ada kes yang saya sebut berlaku di Paya Jaras dalam Mukim Sungai Buloh.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ayat terakhir ya.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Dalam Mukim Sungai Buloh apabila diterokai 40 tahun yang lalu oleh 32 orang peneroka tetapi pada zaman pemerintahan UMNO Barisan Nasional hanya 3 geran saja diluluskan dalam kumpulan yang besar ini. Soalnya kenapa berlaku kelulusan terpilih pada zaman UMNO Barisan Nasional ini. Tuan Timbalan Speaker akhirnya saya mengambil kesempatan mengulas apa yang disebut oleh dua YB daripada pembangkang semalam yang menyebut bahawa kisah Sayidina Umar dan kisah kambingnya itu. Saya juga ingin menyebut bahawa Allah menyebut '*Wahai orang yang beriman apakah kamu bercakap benda yang kamu tak buat*', sangat benci Allah pada mereka yang bercakap tapi tidak lakukan. Maksud saya kalaulah UMNO mengambil berat kisah seekor kambing saya minta wakil rakyat pada hari ini bagi tahu kepada Perdana Menteri bagi balik geran dan hak Ahli-Ahli Parlimen yang mewakili pembangkang, bagi balik hak rakyat di Kelantan, bagi balik hak yang berada di Pulau Pinang, tengok dan lihat kerana mereka ini juga adalah rakyat dalam negara ini. Timbalan Speaker banyak perkara yang saya nak sentuh lagi antaranya Geran Selangorku.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat dah tak boleh dah. Saya bagi ayat terakhir.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Ayat terakhir saya adalah senafas saya bagi. Iaitu saya mohon kerajaan melihat balik jawatankuasa yang meluluskan Geran Selangorku ini. Walaupun Menteri Besar menjawab mereka terdiri dari Dato' SUK dan Dato' PWN tetapi kita juga tahu yang mereka ini tidak terlibat dalam kelulusan Geran Selangorku kerana MB jelas menyatakan ia diluluskan oleh jawatankuasa khas yang dilantik. Saya minta kerajaan melihat balik dan membuat ketelusan supaya geran ini lebih mudah turun kepada rakyat. Timbalan Speaker saya mohon mencadangkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Terima kasih Timbalan Speaker. *Assalamualaikum WBT*, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana masih diberi kesempatan bernafas dalam keadaan aman dan damai. Berlapang dada menerima ketentuan Allah di bumi yang bertuah ini dan di dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Timbalan Speaker yang bijaksana mohon izin Kota Damansara memulakan bicara. Adat Melayu selalu berbudi bahasa, sentiasa menjaga tutur dan kata. Memelihara kesopanan tertib sentiasa, menghormati sesama insan makhluk mulia.

Tuan Timbalan Speaker, terlebih dahulu Kota Damansara yang mempunyai pengundi seramai untuk pembetulan 44,992. Terima kasih dan mohon izin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena pembukaan dewan yang mulia ini pada 28 Jun 2013.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, rumah merupakan satu keperluan, bukan pilihan dalam kehidupan tetapi rumah diperlukan dalam keluarga kecil mahupun keluarga besar sebagai tempat perlindungan, berehat dan membesarkan anak-anak. Oleh itu setiap individu perlu memiliki rumah sendiri. Namun begitu bukan semua orang mampu untuk memiliki rumah disebabkan kos dan harga rumah yang terus melonjak. Kenaikan harga rumah ini disebabkan faktor pasaran tanah, peningkatan kos harga pembelian tanah dan kos membeli bahan pembinaan rumah seperti simen dan besi. Justeru Kerajaan Negeri dan Persekutuan perlu membantu bagi memastikan rakyat membeli rumah mengikut kemampuan mereka.

Kerajaan Barisan Nasional sangat prihatin dengan isu rumah ini dan sentiasa merancang untuk membolehkan sekurang-kurangnya setiap seorang ketua isi rumah berupaya memiliki rumah sendiri. Sebagai sebuah kerajaan yang sentiasa peka dan mengambil berat denyut nadi rakyat, menerusi bajet pada September 2012, peruntukan sejumlah RM543 juta bagi membina 20,454 unit perumahan rakyat berharga antara RM30,000.00 hingga RM40,000.00 setiap satu. Syarikat Perumahan Negara Berhad pula telah diberi tanggungjawab bagi membina 21,000 unit rumah mesra rakyat, yang dijual dengan harga RM40,000.00 setiap satu unit. Kota Damansara mengharapkan kerajaan negeri Selangor menyediakan perumahan yang mencukupi untuk lapisan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana diseluruh kawasan di

negeri Selangor dan dengan harga yang mampu dimiliki dibeli oleh rakyat. Agenda memberi perumahan mampu milik ini tidak wajar diserahkan kepada pihak pemaju swasta kerana mereka membina berasaskan keuntungan syarikat atau kehendak permintaan pasaran. Bukan berasaskan kebajikan rakyat dan kebimbangan ini, saya hatta anak syarikat negeri pun tidak melaksanakan agenda ini dengan teratur kerana perlu melihat elemen keuntungan korporat berbanding keperluan rakyat kurang berkemampuan.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, Kota Damansara ingin juga menyentuh tentang badan pengurusan bersama iaitu *Joint Management Body* (JMB) dengan izin, iaitu satu jawatankuasa yang dianggotai dan ditadbir oleh pemilik ataupun penduduk untuk mengurus dan menyelenggarakan bangunan khususnya di bangunan bertingkat yang tertakluk di bawah hak milik strata. Peranan JMB ini besar dan berat, kerana ia akan memastikan kualiti rakyat penghuni bangunan bertingkat terpelihara dengan baik khususnya bagi kemudahan dan penyelenggaraan bangunan. Justeru secara ringkas JMB bertanggungjawab menyelenggarakan harta bersama menentukan dan mengenakan caj penyelenggaraan, mentadbir dan mengaudit kumpulan wang penyelenggaraan bangunan dan menginsuranskan bangunan. Banyak isu penyelenggaraan dan utiliti di bangunan bertingkat yang melibatkan kecekapan dan tadbir urus JMB dalam menanganinya. Antaranya, isu vandalisme yang merosakkan harta kemudahan bangunan, isu kerosakan kemudahan lif, seperti yang berlaku pada 7 Mei 2013, di Blok Pangsapuri 10 tingkat, dengan mempunyai 280 unit pada blok 1 dan 840 unit pada keseluruhannya. Lif blok 1, hanya boleh dibaik pulih pada 26 Mei 2013, iaitu selepas 19 hari, dan blok 2 dan blok 3, hanya mula berfungsi pada 19 Jun 2013, iaitu memakan masa 43 hari untuk dibaik pulih. Kalau ibu yang dah bersalin itu, dah lepas pantang dah. Bayangkan betapa malangnya penduduk yang terdiri daripada warga tua, ibu mengandung, ibu dalam pantang dan mempunyai anak kecil, anak-anak yang bersekolah, pekerja, pesakit, anak yang diasuh dan orang kurang upaya. Untuk nak balik ke rumah, turun naik kalau mereka tinggal di tingkat 10. Seterusnya isu-isu keceriaan iaitu cat bangunan yang lusuh dan perlu dicat semula. Isu tiada air percuma kerana mereka mengguna meter pukal. Isu keselamatan bangunan di mana ada tebing runtuh yang boleh mengancam bangunan. Isu bencana alam seperti bumbung 36 buah unit pangsapuri blok pangsapuri Prima Cempaka Kajang, yang tercabut akibat ribut. Persoalannya bagaimana JMB boleh diperkasakan agar boleh menangani isu-isu yang Kota Damansara sebutkan tadi. Saya harap negeri menerusi PBT akan dapat memantau prestasi JMB kerana tidak mahu pengundi yang sentiasa melunaskan caj dan yuran ini

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH :** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bangi minta mencelah.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Mohon maaf.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Damansara tak bagi laluan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Masa tak cukup, mohon duduk. Yang telah melunaskan caj atau yuran pengurusan yang menjadi mangsa. Yang berhormat Timbalan Speaker yang bijaksana, Kota Damansara juga

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Mohon celah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ada satu lagi permintaan untuk mencelah.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Burung punggung rindukan bulan, maaf Timbalan Speaker, KD tak bagi laluan.

**TIMBALAN SPEAKER** : Dia tak bagi laluan, jawab dengan pantun lagi tu.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Kena jawab dalam pantun, sebab kita kena amalkan budi bahasa. Kota Damansara juga ingin menyentuh tentang kenaikan sewa rumah di Projek Perumahan Rakyat PPR Lembah Subang, yang telah bermula bulan September 2009, daripada RM124.00 kepada RM250.00. kenaikan sewa rumah ini yang telah mereka lalui amat membebankan penghuni-penghuninya. Begitu juga kenaikan akan dinaikkan di Projek Perumahan Rakyat PPR Seksyen 8, Kota Damansara, yang akan dimulakan pada bulan Julai 2013. Notis telah pun ditampal di setiap blok-blok di PPR Kota Damansara. Akibat kenaikan sewa rumah ini akan menyebabkan tunggakan sewa, akan meningkatkan, akan menyebabkan tunggakan sewa dan rata-rata mereka ini sebenarnya terdiri daripada kalangan penduduk yang tidak berkemampuan. Dengan sewa rumah RM124.00, mereka tidak mampu membayar, dan mereka mempunyai tunggakan yang banyak bagaimana mereka nak bayar kalau kenaikan itu dinaikkan kepada RM250.00. bagaimana keadaan ini boleh berlaku dalam negeri berkebijakan, seperti yang Pakatan dakwa.....

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH** : Sekali lagi minta laluan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Apa akan terjadi sekiranya mereka yang terbabit .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kota Damansara, Bangi minta laluan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Bagi saya habis sikit. Apa akan terjadi sekiranya mereka yang terbabit masih gagal membayar. Tiadakah mekanisme budi bicara, baik dari pakatan kerajaan negeri, untuk mengurangkan kadar untuk membantu mereka untuk membayar. Tuan Speaker yang dihormati, Timbalan Tuan Speaker, minta maaf, sebab memandangkan .....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Peraturan mesyuarat, Speaker, peraturan mesyuarat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Duduk kejam, peraturan mesyuarat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Peraturan mesyuarat, 35 (6), seseorang ahli tidak boleh membaca ucapan tetapi boleh dibacakan cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menyokong hujahnya dan boleh tengoknya kenyataan-kenyataan bagi mengingatkan apa yang hendak diucapkannya. Saya lihat Yang terhormat asyik baca saja, dia bukan mengambil cabutan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bertenang, bertenang, duduk Kampung Tunku. Ok, kejap, Kota Damansara, duduk dulu. Itu peringatan kepada semua Yang Berhormat, rujuk balik Peraturan Tetap kita sememangnya kita dibenarkan merujuk sebarang cabutan tapi tidak dibenarkan membaca teks. Teruskan Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Mana ada baca, tengok ni. (Ketawa). Saya tengok *point*, nampak ke saya baca. Terima kasih. Timbalan Tuan Speaker, ada yang mulut terlopong, Kota Damansara ingin membangkitkan satu lagi masalah rakyat yang belum diselesaikan oleh kerajaan negeri iaitu masalah kerosakan rumah, mana saya punya, kerosakan rumah. Minta bertenang, jaga kesopanan, masalah kerosakan rumah PKNS di Jalan Plumbum 7/101A dan 7/101B di Seksyen 7 Shah Alam. Banyak perbincangan telah diadakan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kota Damansara, Kota Anggerik minta laluan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Kota Anggerik duduklah dulu,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kota Damansara tak bagi laluan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Tak bagi, duduk dulu, belum habis. Sabar separuh daripada iman. Banyak perbincangan telah diadakan di antara pemilik-pemilik rumah yang terlibat dengan PKNS dengan ADUN, dengan Ahli Parlimen. Tetapi sehingga sekarang isu tersebut belum selesai lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dua minit ya, Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Surat terakhir yang diterima oleh Persatuan Penduduk daripada PKNS ialah pada 18 Jun 2012, PKNS telah memaklumkan kepada pihak yang berkenaan dan sedang menimbang-cadangan-cadangan persatuan dan belum membuat keputusan. Kerana isu ini melibatkan hal teknikal dan perundangan. Walaupun begitu PKNS ada membayangkan

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAFARI** : Tuan Speaker, minta laluan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Cadangan, nanti dulu saya belum habis, sabar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dia minta bersabar.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAFARI :** Dia tak *update*. Dia tak *update*.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Sabar, sabar. Belum habis, macam mana nak *update*. Sabar, belum habis.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Nanti mungkin boleh....

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Sabar, belum habis baca, bukan baca, (ketawa) belum habis bentang benda ni.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ok, terus, Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Terima kasih, terima kasih, Sekinchan, terima kasih, tepuk tangan lagi tu. Walaupun begitu, PKNS ada membayangkan cadangan membeli balik rumah-rumah terlibat dengan bayaran sebanyak RM400,000.00 hingga RM450,000.000

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Masa Kota Damansara dah nak habis.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAFARI :** Dia tak *update* punya maklumat tu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Tak apa, masa Kota Damansara dah nak habis, kita bagi dia habis.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Ya, belum EXCO lagi, dah habis dah jadi EXCO, sabar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Minta habiskan ucapan, ayat terakhir.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Bayaran sebanyak RM400,000.00 hingga RM450,000.00 mengikut keadaan dan kedudukan rumah. Pemilik-pemilik rumah yang terlibat tidak bersetuju dengan harga tersebut. Tidak bersetuju dengan harga yang dicadangkan kerana mereka tidak boleh membeli dan mendapatkan rumah yang sama di Shah Alam, dan kawasan-kawasan persekitaran. Bagi pemilik-pemilik yang terlibat berharap kerajaan negeri khususnya PKNS dapat menyelesaikan perkara ini dengan segera, kerana keadaan dan keselamatan mereka terancam.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Minta habiskan Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Habis, sabar Kota Anggerik boleh

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Anggerik boleh sabar, tapi saya fikir, Timbalan Speaker, kita semua nak bagi kita semua makan lepas ni.



**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Sempat, sempat. Sebenarnya penduduk yang terlibat merasa kecewa kerana mereka masih belum mendapat keputusan yang tepat. Jadi, ada masa lagi ke, tak ada kan. Ok, tak apa lah, yang menang bukan menang semua, ingatlah Allah maha Berkuasa, yang kalah itu bukan kalah semua, muhasabah diri, terus berusaha, Kota Damansara dengan ini memohon untuk menyokong usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara. Sebelum kita bersurai untuk makan tengah hari, saya ingin mengingatkan pertama sekali supaya memastikan deringan *handphone* semua ditutup, untuk tidak berbunyi di dalam Dewan dan juga menjauhkan *handphone* daripada mikrofon. Sebab akan mengganggu ucapan sewaktu berucap. Juga sebab ada satu atau dua lagi Yang Berhormat yang mahu berucap sebentar tadi, kita akan bagi sehingga 3.30 petang, sebelum saya memberi peluang kepada pihak Kerajaan untuk menggulung. Maka, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari, dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dewan di sambung semula. Yang Berhormat Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Timbalan Speaker untuk memberi ruang untuk saya membahaskan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Yang Berhormat sekalian, saya datang dari DUN desa dan saya mengambil kesempatan ini untuk nak membela nasib penduduk di desa Yang Berhormat, sekian. Sebelum saya mula, saya hendak memberi sebuah pantun. Kita pun, tadi Kota Damansara pun minta kita berbudi bahasa. Jadi saya pun hari ini hendak berbudi bahasa. Pantunnya berbunyi begini.

“Dari kota pergi ke desa,  
PRU 13 bertanding di Ijok,  
Melihat kemiskinan yang sangat ketara,  
Di dewan ini, Ijok merujuk.”

Yang Berhormat sekalian di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor baginda telah bertitah iaitu pembangunan di negeri Selangor ini mestilah merangkumi pembangunan di desa, itu dalam kandungan baginda. Asalnya kenapa di desa? Bermakna desa diketepikan ialah kalau saya, kalau kita imbas balik. Dasar perindustrian negara dalam 80-an di bawah Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir, beliau mengutamakan industri, pembangunan industri di kota sahaja. Ini telah mengetepikan atas dasar pembangunan desa yang diasaskan oleh Perdana Menteri ke-2 Tun Abdul Razak telah dikebelakangkan. Jadi, tak. Dengan itu, kita nampak pembangunan desa tidak seimbang dengan pembangunan di kota Yang Berhormat sekalian. Apa gunanya kalau negara atau negeri Selangor membangun secara ketara, tetapi kita nampak pembangunan di desa ini telah dipinggirkan. Dan ini akan memberi satu impak satu kesan yang negatif kepada pembangunan sosial ekonomi di negeri ini. Pedesaan dan antara kekayaan, jurang kemiskinan dan kekayaan dia telah berpanjangan, melebihi yang kita hendak. Ini akan menimbulkan impak yang negatif kepada pembangunan insan di negeri ini. Yang Berhormat sekalian, kita selalu memandang rendah kepada kemampuan di desa, warga desa untuk pembangunan, membangunkan masyarakat desa. Tetapi yang saya dapati dua bulan di kawasan saya, mereka ada potensi untuk membangunkan diri sendiri. Apa yang mereka perlu, Yang Berhormat sekalian ialah bimbangan yang kekurangan di desa-desa. Yang mereka telah di anak tiri kan. Itu sebab, benda ini, benda ini berlaku. Banyak anak-anak muda dari desa mengambil peluang pekerjaan, dahagakan ilmu, berhijrah ke kota-kota. Ini salah satu sebab.

Oleh sebab kita tidak dapat pembangunan yang seimbang di desa. Jadi tuan-tuan dan puan-puan, tidak salahlah saya di sini hendak membela warga-warga duduk di desa.

Tuan-tuan dan puan-puan, Tuanku telah bertitah matlamat pembangunan negeri Selangor hendaklah merangkumi pembangunan di desa juga. Di sini saya hendak mengkategorikan pembangunan di desa kepada tiga aspek iaitu kesejahteraan, selamat dan juga sihat. Ini aspek yang penting dari segi pembangunan insan, di mana-mana, di kota pun ya, di desa pun ya. Jadi di sini Ijok mengusulkan masyarakat yang sejahtera.

- 1) Mutu dan pencapaian pendidikan anak-anak di desa sepatutnya dipertingkatkan iaitu untuk menambahkan tuisyen *centre* kita kena wujudkan di desa-desa. Lagi-lagi tuisyen dalam bahasa Inggeris, sains dan matematik. Ini yang sangat berkurangan. Kala kita tahu sekarang dasar pendidikan negara hendak mengutamakan bahasa Inggeris. Banyak tempat-tempat pusat tuisyen *centre*, ia mula tuisyen untuk murid-murid hendak menduduki peperiksaan. Pada pendapat Ijok, saya fikir lebih arif kalau kita mulakan tuisyen-tuisyen *centre* ini pada peringkat darjah 1 sampai ke tingkat 5. Oleh sebab, kalau kita hendak ajar sesuatu, budak dah sampai tahap tingkatan 3 atau 5, itu telah terlewat Yang Berhormat. Jadi saya harap EXCO pendidikan akan mengambil ialah nota di sini untuk meningkatkan mutu pendidikan di desa. Dan juga saya, yang saya syorkan juga.
- 2) Kita sebagai negeri Selangor ini sepatutnya menggalakkan pelaburan-pelaburan ke desa, pelaburan industri yang berasaskan pertanian. Saya dapati bahawa banyak tanah-tanah terbiar, tidak digunakan, tanah persendirian, tanah swasta, tanah kerajaan dan kampung-kampung. Saya baru balik daripada negeri China, di sana dia punya penduduk lebih kurang 2 Billion dan mereka boleh menampung dari segi pemakanan. Kita di Selangor, 2 Million, dia 2 Billion, kita 2 Million, tanah banyak kita tidak boleh menampung makanan kita sendiri. Pemakanan kita sendiri. Jadi, mereka menggunakan teknologi-teknologi yang moden untuk menguruskan tanah. Yang saya syorkan ialah kita bawa ke Selangor, industri asaskan tani *agrofresh* (dengan izin) ke Selangor. Dan juga ini akan meningkatkan pendapatan pekerjaan warga desa dan juga akan menghalang atau menghentikan hijrah anak-anak muda ke kota.

Yang Kedua, untuk mencapai masyarakat yang sihat, ini bab yang kedua Ijok menyusulkan khidmat kesihatan desa dipertingkatkan. Saya dapati di Ijok itu, banyak pesakit-pesakit kronik, mereka terpaksa duduk di rumah. Khidmat rawatan kesihatan tidak sampai kepada mereka. Jadi apa yang telah dibuat di luar negara, kita tubuhkan unit kesihatan mobil yang bergerak. Mereka tidak dapat pergi ke klinik, jadi apa yang kita buat, tak perlulah kita biarkan mereka, begitu. Sepatutnya kita pergi ke rumah-rumah pesakit-pesakit untuk memberi rawatan kepada mereka sebab saya dapati kadang-kadang ubat yang dibekalkan sebulan, sampai tiga bulan pun ada sebab nak *save*, nak jimat mereka makan 1 biji 3 kali, eh! 3 hari sekali. Sebab tidak dapat hendak pergi ke klinik. Dan juga, program-program kesedaran penyakit-penyakit yang sering berlaku akan dipertingkatkan, dan juga langkah-langkah mencegah penyakit iaitu dari segi ialah dari mencegah penyakit malaria, denggi dan ... saya dapati banyak tempat-tempat, longkang-longkang, air bertakung, rumput tidak dipotong, sampah tidak dibersihkan. Ini salah satu

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, 2 minit lagi.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Dan juga Ijok.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Ijok, Kampung Tunku mohon mencelah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Ijok, bahawa ini sebenarnya mewujudkan kegagalan Barisan Nasional dalam pembangunan menaik taraf kesedaran kesihatan di kawasan desa. Kalau kita lihat di negeri Sarawak negeri yang besar mereka ada *flying squad...flying doctor* dan akhirnya dah tak dapat...lah! Tiada ubat, tiada doktor yang dapat masuk ke kawasan pedalaman. Jadi ini, saya rasa adalah satu bentuk kegagalan di peringkat kerajaan persekutuan. Perubatan dan kesihatan ialah di bawah kerajaan persekutuan. Jadi saya tanya kepada Yang Berhormat Ijok, adakah setuju dengan pendapat saya ini.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Saya setuju tentang pendapat Yang Berhormat tadi. Dan juga hendak untuk meningkatkan taraf kesihatan saya cadangkan hospital-hospital di bina di desa-desa. Macam kawasan Kuala Selangor tu. Pesakit-pesakit terpaksa kena pergi ke Sungai Buluh ataupun di Tanjong Karang. Dan sebelum sampai tempat hospital mereka pun dah sangat dah nazak. Walaupun hospital bawah perancangan persekutuan MOH, tetapi inisiatif sepatutnya mesti dari kerajaan negeri untuk membina hospital. Kita tak perlu membina hospital canggih, hospital yang *basic*, yang boleh memberi rawatan, *for example*, orang bersalin, wad kanak-kanak, pembedahan yang sederhana. Jadi mereka tak perlu pergi jauh-jauh untuk mendapatkan rawatan yang bukan *special* sangat. Yang ketiga dari segi, selamat, Ijok, cadangkan semua jalan-jalan yang gelap di kampung-kampung diterangkan. Oleh sebab ini boleh mengurangkan jenayah-jenayah yang kita tak mahu. Sebab .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Ijok, Seri Serdang minta mencelah, tapi masa pun dah nak habis, jadi nak bagi laluan ke tidak.

**Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD** : Tak.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ijok tak bagi.

**Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih, Timbalan. Sebab saya telah pergi ke kampung-kampung, pergi ke majlis, minta lampu-lampu kampung-kampung yang gelap, dipasang lampu jalan. Tetapi mereka kata, nombor satu, TNB boleh pasang, tetapi nak bayar bil elektrik tu, sebulan RM10.00 setiang. Ini saya ingat tak adil, oleh sebab mereka suruh orang kampung bayar untuk keselamatan mereka. Saya syorkan kerajaan negeri Selangor, cuba berbincang dengan PBT untuk *observe*

kan, kos bayar bil elektrik jalan. Pada hal jalan-jalan ini adalah jalan kampung-kampung, bukan jalan persendirian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat minta habiskan ucapan.

**Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih, Timbalan Speaker, di sini saya akhiri, Ijok menyokong usul titah Sultan Selangor. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Disebabkan Timbalan Speaker mesra wanita, kita bagi kepada Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : *Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh.* Terima kasih Timbalan Speaker dan pertama kali saya ucapkan tahniah dengan tercalunnya Timbalan Speaker. Kepada Ahli-ahli Dewan yang berada pada petang ini, Alhamdulillah, kita rafakkan kesyukuran kepada Allah SWT. dengan izin-Nya, saya mewakili Seri Serdang, N29, tempat ketua pembangkang yang lepas. Ingin berpantun seperti mana DN-DN lain berpantun;

Pakatan Rakyat bersama rakan dan taulan,  
Ber*chatting* bersama komputer riba,  
Bagai pungguk rindukan bulan,  
Rupanya bulan jatuh ke riba.

Tuan-tuan Yang Berhormat sekalian, Seri Serdang ingin membahaskan ucaptama titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Bagi menekankan kepentingan dasar dan prinsip pentadbiran arus yang baik, *good governance*, dalam semua pelaksanaan tugas dan proses membuat keputusan bagi negeri Selangor. Ini termasuk sistem integriti dan akauntabiliti dalam kepimpinan negeri Selangor. Timbalan Speaker yang saya hormati, haruslah di amalkan di sini, Seri Serdang menyokong agar mempertingkatkan kualiti hidup rakyat, memberi perubahan kepada pembangunan modal insan dan pendidikan yang cemerlang. Seperti mana yang disarankan kerajaan negeri Selangor mempertingkatkan kecemerlangan. Oleh yang demikian, Seri Serdang ingin mengambil kesempatan ini, ada beberapa perkara yang perlu dibahaskan terutamanya dari segi pendidikan pembangunan modal insan. Seri Serdang meminta supaya kerajaan negeri membudayakan program SPIES dalam semua, dalam jabatan-jabatan pentadbiran di kerajaan negeri Selangor.

Yang kedua, untuk perhatian EXCO Pendidikan, SPIES ini haruslah di *translate* kan ke dalam bahasa Cina. Sebab memandangkan penyokong-penyokong Pakatan Rakyat, ramai juga di kalangan Cina yang kita tidak sempat SPIES kan mereka. Mereka memang menyokong Pakatan Rakyat, tetapi pada zahirnya mereka tidak memahami SPIES yang sebenarnya lagi. Yang seterusnya, pendidikan akan membangunkan modal insan di mana program-program SPIES telah pun dilaksanakan, dan kita meminta supaya di setiap DN menyelaraskan program-program SPIES dan juga tuisyen rakyat, yang telah berjalan. Apa yang kita dapati tuisyen rakyat tak sepenuhnya semua DN yang melibatkan. Jadi diharap dengan kecemerlangan negeri Selangor penggal

yang kedua ini, mudah-mudahan tuisyen rakyat dapat di perkasakan di setiap DN. Seri Serdang juga ingin menarik perhatian berkenaan dengan pembangunan wanita. Seri Serdang menyokong penuh atas apa yang disarankan oleh EXCO Wanita berkenaan ibu tunggal dan keprihatinan. Begitu juga ibu tunggal yang telah disenaraikan di setiap DN untuk Seri Serdang ingin merakamkan tahniah kepada EXCO Pembangunan Wanita,

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Mohon mencelah.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Sebab dengan kerjasama beliau, kita dapat mempertingkatkan, memartabatkan wanita seperti mana manifesto kita pilihan raya yang lepas

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Seri Serdang, Taman Templer, ingin mencelah.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Ok, silakan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Berkenaan dengan istilah ibu tunggal. Tunggal maksudnya satu, mungkinlah *translate* daripada *English, single parent*, tapi hakikatnya untuk menggambarkan bebannya ibu ini, ia bukan tunggal, ia ada anak-anak dan sebagainya dan dia berdikari, apa kata kalau kita ubah kepada ibu berdikari, *instead of*, dengan izin, ibu tunggal.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Terima kasih, Templer, atas saranan begitu dan kita akan usulkan kepada EXCO diminta untuk mengubah, *re-branding*-kan ibu tunggal kepada ibu berdikari, Insya-Allah. Dan Seri Serdang ingin menyarankan supaya EXCO Pendidikan bercadang mengadakan rumah kebajikan yang begitu banyak juga, sepatutnya didirikan di negeri Selangor ini memandangkan kita menang penggal kedua. Dan rumah-rumah untuk kebajikan ini adalah khas untuk di mana ibu tunggal atau ibu kena tinggal di dera seperti mana yang di dalam Sinar beberapa minggu yang lalu telah tersebar. Dalam deraan-deraan itu kita minta perlindungan EXCO Kebajikan menyediakan rumah kebajikan ini, Insya-Allah. Untuk makluman para Dewan sekalian, pengundi Seri Serdang, begitu ramai, hampir 73,000. seperti mana yang dikatakan Antarabangsa pada tempoh hari, kita adalah DN yang paling besar dalam dunia bilangan daftar pemilih. Jadi diharap kepada pihak kerajaan memikirkan peruntukan mengikut per kapita kepada setiap DN. Ini harapan Seri Serdang agar memberi kebajikan yang setimpal seperti mana DN-DN lain. Memandangkan wanita, 50 peratus di Seri Serdang, dan juga Seri Serdang mewakili wanita di DN ini, jadi saya mewakili wanita-wanita di Seri Serdang bangun untuk memohon pada kerajaan negeri supaya mengadakan beberapa permohonan seperti mana yang kita nyatakan dalam manifesto yang lalu, tetapi ini adalah manifesto pusat supaya manifesto di peringkat negeri Selangor juga di implementasikan;

- 1) Tabung Wanita Selangor telah pun di sebut oleh EXCO Wanita semalam.

- 2) Saya memohon agar kerajaan negeri mengadakan insentif RM1,000.00 setahun untuk ibu tunggal yang mempunyai anak 12 tahun ke bawah.
- 3) Elaun untuk ibu tunggal yang berusia emas dalam berkeadaan miskin.

Para Dewan yang saya kasihi sekalian, pembangunan desa mencorak satu pembangunan yang baik bagi penempatan orang-orang Kampung Tradisi. Untuk maklumat para Dewan, Kampung Tradisi di Seri Serdang, beberapa tahun yang lalu telah dicerobohi. Ini di dapati geran bertindih, telah pun kita mendapat perhatian dari penduduk-penduduk setelah saya memegang tampuk kepimpinan di peringkat DUN Seri Serdang. Oleh itu DN Seri Serdang ingin mengambil inisiatif supaya geran-geran ini kita ambil semula di mana geran bertindih ini adalah dari pentadbiran Barisan Nasional dahulu. Untuk maklumat Dewan geran di dalam lombong pun, bukan pasir saja ada di dalam lombong, wahai kaum-kaum pembangkang. Sebab di Seri Serdang ini terkenal Sapu Tanah Satu Malaysia, menerajui Seri Serdang. Oleh itu saya memohon pihak Dewan dan yang menjaga tanah dan juga peruntukan-peruntukan pembangunan desa agar dapat mengambil perhatian di dalam perkara ini. Dan seterusnya Jabatan Penerangan, Seri Serdang menyarankan peringkat negeri Selangor mengadakan Jabatan Penerangan bagi menerangkan program-program yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri meluas masuk ke kampung-kampung dan desa-desa. Memandangkan pentadbiran kita yang lepas kita gagal menerangkan apa yang kita buat, apa yang dah kita lakukan. Rakyat negeri Selangor tidak keseluruhannya mengetahui apa yang kita lakukan. Oleh itu Seri Serdang mengusulkan supaya satu Jabatan Penerangan ditubuhkan di peringkat kerajaan negeri Selangor. Seterusnya Seri Serdang menyarankan PBT supaya Ahli Majlis tidak disekat hanya 4 tahun sahaja. Oleh sebab Ahli Majlis yang berketerampilan, yang bekerjasama dengan pihak DUN, yang bertungkus-lumus mengatasi masalah setempat, diberi perhatian dan tidak hanya diletakkan mereka hanya 4 tahun. Sekiranya 4 tahun sahaja, kalau kita libatkan diri, bila kita lihat Ketua-ketua Kampung, ADN-ADN, EXCO-EXCO dan juga Menteri Besar juga kita *extend* sampai 5 tahun atau 10 tahun. Oleh itu pihak Dewan, saya mengajak mengambil perhatian perkara ini, sebab baru-baru ini dinyatakan hanya 4 tahun dan kita khuatir bila kita nyatakan Ahli Majlis hanya berfungsi hanya 4 tahun sekali, Pengarah-pengarah Majlis perbandaran sudah mula berat untuk bekerja dengan Ahli majlis yang ada. Oleh itu para dewan sekalian saya menyeru yang susah adalah ADUN-ADUN untuk membuat kerja.

Tuan Timbalan Speaker yang saya kasihi, Seri Serdang ingin menyarankan ini yang paling penting dalam pentadbiran Negeri Selangor iaitu GLC supaya yang mengelolakan pentadbiran dilantik dari kalangan politik. Sebab bila GLC ini ada orang politik di dalamnya maka bersehaluan dalam arus perdana pentadbiran Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, pihak dewan dan Kerajaan Negeri perlu mengkaji semula seluruh GLC yang ada di peringkat negeri Selangor. Ingin saya menyarankan sekali lagi berkenaan dengan MES Merakyatkan Ekonomi Selangor bagi bantuan warga emas. Memandangkan Seri Serdang begitu ramai rakyat jelata 73,000. Oleh yang demikian, bantuan warga emas ini begitu juga Seri Serdang mengusulkan agar mengikut per kapita bukan hanya 1000 satu DUN dan keseluruhan semua yang sama.

Jadi diharap pada pihak yang berkenaan mengambil inisiatif untuk mengkaji semula tentang bantuan-bantuan MES ini.

Timbalan Speaker yang saya kasihi sekalian, memandangkan rumah-rumah urut dan juga lesen-lesen judi yang dibenarkan di peringkat MPSJ yang kita menerima laporan. Jadi diharap pihak yang berkenaan mengambil inisiatif, ADN sedia membantu dan Ahli-ahli Majlis juga kita memohon pihak PBT menghangatkan penguat kuasa mereka untuk menghalang pertumbuhan yang baru yang tiada berlesen.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH :** Mohon mencelah sedikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bangi mohon mencelah.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL :** Silakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Seri Serdang kena duduk dulu untuk bagi Bangi laluan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH :** Terima kasih Timbalan Speaker, Terima kasih Seri Serdang. Saya menarik perhatian mengenai dikatakan lesen-lesen judi yang dikatakan diluluskan. Saya mendapat maklumat mengatakan data yang dikeluarkan oleh negeri pada tahun lepas tidak ada satu pun di Selangor ini dikeluarkan lesen operasi judi dan rumah haram yang digembar-gemburkan. Dan saya percaya sepatutnya Seri Serdang bersetuju dengan saya tentang perkara ini. Yang berlaku hanyalah operasi haram, tidak berlesen, *illegal*, belakang pintu yang dibuat oleh tauke-tauke tertentu. Terima kasih.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL :** Ya Timbalan Speaker yang saya hormati, kebanyakan lesen-lesen adalah haram, memang tidak ada lesen. Jadi inilah yang saya minta majlis-majlis tempatan untuk memainkan peranan yang penting bagi membanteras semua gejala yang tidak diingini berlaku memandangkan Seri Serdang merupakan tempat pertengahan antara Putrajaya dan juga Kuala Lumpur jadi di sana pendatang-pendatang asing begitu ramai. Jika pendatang-pendatang asing ini tidak dibanteras mereka akan berleluasa. Boleh kita lihat di mana penjual-penjual atau peniaga-peniaga ramai di kalangan orang-orang Indonesia dan Bangladesh. Sama ada saya tidak tahu orang Indonesia itu ada IC atau Bangladesh itu ada IC yang kita pasti orang-orang Sabah dihantar untuk tolong mengundi di Seri Serdang ada kita jumpa tapi kita tidak dapat menunaikan hasrat mereka disebabkan sahabat dari DAP memang *ghost buster* mereka kuat kumpulan ini. Insya-Allah. Untuk kemenangan Seri Serdang setelah kita masukkan dalam media tentang *black out* saya suka juga menyentuh tentang *black out*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Seri Serdang, 1 minit lagi ya.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL :** Yang mana kita telah memaklumkan kepada media bukan mengatakan SPR tipu tetapi untuk menjawab



persoalan dari SPR yang mengatakan itu hanya lakonan. Jadi Seri Serdang telah menjawab dari media dan mereka juga SPR telah meminta bukti jadi kita telah memberi bukti bahawa itu bukan lakonan. Untuk makluman para dewan sekalian, ini bukan lakonan saya sebut sekali lagi bukan lakonan yang SPR nyatakan dalam media. Seri Serdang adalah betul-betul berlaku dan kita pun telah menyertakan dalam media kronologi telah berlaku bagi pengiraan undi itu. Oleh yang demikian saya memohon maaf kepada Timbalan Speaker diberi 1 minit lagi dan saya akan tepatkan masa dengan ini saya merakamkan jutaan terima kasih dan memohon untuk menyokong usul-usul Bukit Antarabangsa dan juga junjung titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya memberikan kepada Yang Berhormat Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH** : Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Speaker. Assalamualaikum saya mulakan, salam sejahtera saya ucapkan kepada Speaker baik budiman seterusnya hadirin di dalam dewan. Tuan Speaker, Bangi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan usul menyembah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas. Pertamanya syukur kepada Allah SWT yang telah melimpahkan kurnianya kepada negeri Selangor ini, mempunyai raja yang prihatin, mempunyai rakyat yang bijaksana, mempunyai pemimpin yang amanah dan hasilnya kita merasakan Negeri Selangor negeri yang aman, negeri yang sejahtera dan berkeadilan. Bangi mengucapkan tahniah kepada Tuan Speaker, Timbalan Speaker di atas pelantikan Yang Berhormat berdua ke jawatan tersebut dan ucapan tahniah diberikan juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang dipilih buat penggal kedua berturut-turut. Tahniah juga kepada para EXCO dan saya sertakan ucapan tahniah ini dengan doa mudah-mudahan Allah bersama anda semua menjaga amanah yang diberikan kepada anda semua. Izinkan saya Tuan Speaker membacakan satu ucapan yang diberikan oleh Sayidina Abu Bakar As-siddiq R.A. ketika beliau dilantik menjadi khalifah menggantikan Rasulullah SAW. Kata Abu Bakar (sesungguhnya aku dilantik untuk memimpin kamu akan tetapi aku bukanlah yang terbaik dari kalangan kamu. Justeru jika aku bertindak betul bantulah aku, jika aku bertindak tidak betul betulkan aku. Benar adalah amanah dan bohong adalah khianat.) Ini saya petik bagi menjaga semua kita yang diberikan amanah ini tak kira mereka mungkin terdiri dari Menteri Besar atau EXCO atau YB atau Ketua Jabatan semua bahawa amanah yang diberikan ini perlu dijaga dengan baik kerana amanah adalah satu kebenaran yang dijunjung dan khianat perlu dilarikan dari kita sejauh-jauhnya. Kepada wakil rakyat sama ada dipihak kerajaan atau pembangkang marilah saya baca satu ayat surah Al-Maidah ayat 3. “ *Hendaklah kamu bekerjasama dalam perkara kebaikan dan takwa dan jangan kamu bekerjasama dengan perkara permusuhan dan dosa* ”.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya merujuk kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan mengenai satu perkara yang penting iaitu memartabatkan agama Islam dan umatnya bagi membuktikan kemampuan sebenar Islam sebagai

Addin sebagai Agama yang syumul menyentuh seluruh kehidupan manusia. Islam menyentuh soal kehidupan peribadi, keluarga dan negara. Justeru titah ucapan Tuanku harus diambil berat untuk menjadi satu anggota kerajaan yang kita bawa hari ini untuk memastikan seluruh umat Islam dan syiar dijaga dengan baik untuk menjaga dan menjamin umat Islam terus dihormati. Dalam konteks negeri Selangor berapa isu-isu berikut adalah lambang atau syiar agama Islam dan ramai umat Islam di negeri ini iaitu pertama Majlis Agama Islam Selangor. Kedua, Jabatan Agama Islam Selangor. Ketiga, masjid dan surau. Keempat, mahkamah syariah. Kelima, Lembaga Zakat Selangor. Keenam Perbadanan Wakaf Selangor. Ketujuh, sekolah-sekolah agama dan kelapan Kolej Universiti Islam Selangor. Apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan bertitah untuk memartabatkan agama Islam dan umatnya, Bangi memahami bahawa semua institusi tersebut perlu dipertingkatkan lagi keupayaannya dan keberkesanannya justeru itu izinkan Bangi membahaskan dua daripada banyak institusi agama berkenaan niat Bangi demi memartabatkan institusi-institusi berkenaan kerana ia merupakan maruah dan harga diri umat Islam di negeri ini.

Yang pertama adalah KUIS Kolej Universiti Islam Selangor yang berada di Bangi dalam DUN saya. Tuan Speaker baru-baru ini saya terima satu memorandum yang setebal tesis master. Waktu saya buat Master macam ini teballah tesis saya. Dan memorandum ini ditujukan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang isinya tidak akan saya sebutkan di sini. Yang menyatakan tentang kehilangan keyakinan tentang pengurusan kolej kepada KUIS yang mana sebegini tebal bukti yang diberikan di bawah perhatian saya. Yang saya tak mahu menyatakan perkara ini benar atau tidak kerana saya belum buat kajian tentang isi kandungan ini. Tetapi saya ingin menarik perhatian dewan bagaimana memo ini boleh diserahkan terus ke meja Duli Yang Maha Mulia yang tak sepatutnya Duli Yang Maha Mulia dibabitkan dengan membaca memo sebegini. Sepatutnya cukup di peringkat pentadbiran sahaja untuk mendengar dan menyelesaikan masalah ini. Saya kaji, saya fikir, saya teliti rupanya jumpa dah sebabnya iaitu tiada wakil kerajaan negeri duduk dalam Ahli Lembaga KUIS. Tidak ada seorang Yang Berhormat pun duduk di situ. Tak ada sapa mendengar permasalahan mereka. Saya tanya wakil Bangi dulu. Namanya sama macam saya Shafie. Saya tanya apakah Yang Berhormat dulu menjadi Ahli Lembaga KUIS. Dia kata tidak. Saya tanya siapa Yang Berhormat yang mewakili. Tidak ada. Sedangkan mengikut rekod saya sebelum ini sebelum Barisan Nasional menjaga Selangor mereka meletakkan wakil rakyat mereka dalam majlis KUIS. Bukan seorang tapi dua. Dulu dari Semenyih. Bukan Semenyih sekarang, dan dari Bangi. Bukan Bangi sekarang. Dan bukan Bangi yang lepas, Bangi yang dulu. Zaman Bahari. Iaitu kedua-duanya dari Barisan Nasional yang saya percaya fungsinya adalah menjadi mata telinga kerajaan bagi membantu KUIS menyelesaikan masalah ini atau membantu KUIS memacu ke hadapan. Tetapi pada hari ini selepas Pakatan Rakyat menjaga Negeri Selangor tak ada seorang pun wakil Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat duduk sebagai Ahli Majlis KUIS. Justeru itu saya tidak hairan kenapa memo ini boleh sampai ke sana yang sepatutnya diselesaikan di peringkat pentadbiran. Oleh sebab itu untuk menjaga KUIS dari terus dipandang sebegini rupa oleh pihak bawah atau pihak atas saya mohon supaya kerajaan negeri Selangor pada hari ini memilih mana-mana Ahli Dewan Negeri Pakatan Rakyat duduk sebagai Ahli Majlis KUIS. Bukan saya minta dari Bangi, mungkin dari

Seri Serdang, mungkin dari Ijok, tetapi biarlah ada wakil Kerajaan Negeri Selangor duduk di situ bagi membantu memacu perjalanan KUIS dan juga mendengar permasalahan mereka jika ada.

Tuan Speaker saya merujuk kepada Institusi kedua di bawah pentadbiran agama Islam iaitu institusi Mahkamah Syariah. *Naturenya* dengan izin Mahkamah Syariah ini berfungsi sebagai satu sistem pentadbiran yang menguruskan hal ehwal keluarga umat Islam. Sejak ditubuhkan Mahkamah Syariah berjaya bergerak maju dengan kadar yang sangat baik. Namun oleh sebab Mahkamah Syariah adalah satu-satunya mahkamah atau sistem yang uruskan hal ehwal keluarga umat Islam maka mercu tandanya sentiasa dilihat dan dinilai oleh orang-orang yang hadir dan berlanggan di Mahkamah Syariah. Saya melihat banyak perkara perlu diperbaiki untuk meningkatkan Mahkamah Syariah. Oleh sebab dia adalah sistem kehakiman Islam harus dilihat baik dan sentiasa diperbaiki. Saya ingin melihat dan merujuk beberapa perkara untuk diambil perhatian oleh EXCO atau pun negeri Selangor sendiri mengenai usaha penambahbaikan yang perlu dibuat terhadap Mahkamah Syariah. Yang pertama infrastruktur, bangunan Mahkamah Syariah di daerah-daerah ada yang masih daif. Bahkan ia ada yang dibuat belum siap-siap. Ada dua pihak yang menguruskannya yang pertama di pihak Persekutuan iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan di peringkat negeri iaitu JAKESS. Dan kedua-duanya harus berganding bahu untuk menyegerakan mempersiapkan infrastruktur mahkamah yang sangat perlu di peringkat daerah. Bukan setakat menyiapkan tetapi memperbaiki mana-mana mahkamah yang telah siap. Saya pergi beberapa kali di Mahkamah Tinggi Syariah, Shah Alam bangunan baru, bangunannya cantik, baru siap tetapi di sana sini lompong kecacatan dan kelemahan berlaku. Tengah-tengah bersidang *aircond* mati, tengah-tengah bersidang lampu mati. Lalu dekat bawah *tiles* tercabut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Black out ya.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH** : Black out. Ini amat menyedihkan kerana kita melihat institusi agama ini kadang-kadang dilihat sebagai sambil lewa pembangunannya. Dan dibuatkan ala kadar sahaja, ini adalah menjadi tanggapan salah kepada *public* dengan izin, pelanggan yang banyak berlanggan di Mahkamah Syariah. Yang kedua mengurangkan jumlah pengurusan kes di sesuatu daerah. Saya mengambil contoh daerah Hulu Langat, Hulu Langat ada satu Mahkamah Syariah di situ dan dia *cater* atau mengambil menguruskan pelanggan-pelanggan orang ramai dari dua daerah yang besar iaitu Hulu Langat dan Ampang oleh sebab itu jumlah kes yang berlambak di Mahkamah Syariah Hulu Langat sangat tinggi sedangkan pengurusan seperti memikirkan bagaimana untuk membantu masyarakat di bawah memisahkan kedua-duanya kepada dua tempat yang berbeza. Yang pertama kena kekalkan satu di Hulu Langat yang kedua kena bina satu di Ampang. Ini kerana orang-orang Ampang memerlukan Mahkamah itu memudahkan mereka menjarakkan perjalanan mereka, menjimatkan kos mereka untuk pergi ke Mahkamah Syariah. Yang ketiga Tuan Speaker membentuk Mahkamah Tinggi di daerah-daerah, *nature* dengan izin Mahkamah Tinggi Syariah menguruskan hal ehwal keluarga yang melibatkan harta pusaka, melibatkan harta sepencarian sebagai contoh melibatkan *fixed asset* harta

tetap atau pun tuntutan RM100,000.00 ke atas. Dan hanya satu sahaja Mahkamah Syariah di Selangor ada iaitu di Shah Alam. Bagaimana dengan pelanggan-pelanggan yang berada di Hulu Selangor, di Sabak Bernam, di Kuala Selangor dan lain-lain tempat yang jauh terpaksa pergi ke Shah Alam turun untuk mendengar kesnya. Sampai-sampai di mahkamah jam 11.00 pagi hakim dah tak bersidang mereka balik begitu sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : 2 minit ya Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH** : Oleh kerana itu saya mencadangkan satu mahkamah satu aturan baru Mahkamah Tinggi harus diturunkan di peringkat bawah. Yang keempat iaitu kerjasama pihak-pihak berkuasa kepada Mahkamah Syariah seperti PDRM (Polis Diraja Malaysia), Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Insolvency dan lain-lain hendak dipertingkatkan dengan Mahkamah Syariah bagi membantu Mahkamah Syariah. Yang kelima Bahagian Sokongan Keluarga yang disebut oleh EXCO semalam mengenai usaha dibuat untuk membantu ibu-ibu tunggal, ibu-ibu berdikari. Tetapi ada satu lagi perkara yang harus diberi perhatian iaitu menguruskan BSK apabila suami atau bekas suami gagal membayar nafkah. Penguatkuasaan kepada mereka sangat lemah kerana Pengerusi Jabatan BSK tak ada kuasa untuk menyaman atau mensepina bapa yang gagal membayar nafkah. Harus diberikan satu perhatian supaya ketua jabatan ini ada kuasa atau tauliah kehakiman yang boleh mengeluarkan saman atau pun sepina kepada bapa-bapa yang tidak bertanggungjawab ini untuk tampil ke hadapan dengan seberapa segera bagi menyelesaikan masalah ibu-ibu yang keperluan ini. Yang keenam gred Hakim-hakim Syarie yang jauh berbanding Hakim-hakim Majistret Mahkamah Sivil. Di sivil mereka bergred Turus 2, di Mahkamah Syariah Jusa C sahaja. Jauh sangat-sangat, saya mencadangkan supaya Ketua Hakim Syarie dinaikkan kalau tak kepada A pun biarlah A berterusan.

Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syarie Gred 52 dinaikkan segera ke 54 dan meramaikan jumlah Hakim Syarie bagi membantu menyelesaikan kes-kes yang banyak di Selangor dan yang tertunggak.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat minta ayat terakhir.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH** : Ayat terakhir saya Tuan Speaker ialah keperluan di Bangi. Ayat saya panjang tiga perenggan mohon izin Tuan Speaker ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bagi lagi satu Yang Berhormat berucap sebelum kerajaan menggulung jadi minta Bangi ambil perhatian.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH** : Bangi adalah tempat yang dipanggil Bandar Ilmu berada secara logistiknya di antara Utara Selatan dan bergerak daripada tempatan ke luar negara melalui KLIA mesti lalu Bangi. Saya mencadangkan oleh kerana Bangi begini keadaan dia, di bentuk satu peluang dipanggil peluang pelancongan iaitu menjadikan Bangi sebagai hub pelancongan bersifat Edu-tourism dan

menyediakan infra yang sepatutnya untuk maksud ini. Akhir sekali Tuan Speaker saya ingin menyebut bahawa Selangor mempunyai potensi yang besar untuk maju ke hadapan. Tapi potensi ini harus diisi dengan *performance* atau keupayaan, saya menyebut satu pepatah yang disebutkan oleh *Bob Procter* dengan *izin the reward would not goes to you because of your potential but rather because of your performance*. Tuan Speaker saya dengan ini menyokong usul menyembah ucapan terima kasih atas titah ucapan Tuanku, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : *Bismillahhir Rahmannir Rahim dan Assalamualaikum WBK* dan salam sejahtera, terima kasih kepada Timbalan Speaker, Yang Berhormat Seri Menteri Besar. Terlebih dahulu ADUN Sungai Air Tawar ingin mengucapkan terima kasih dan memohon izin untuk mengambil bahagian dalam usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Pembukaan Dewan yang mulia pada 28hb yang lalu. Saya terus pada *direct point* memandangkan masa kesuntukan masa. Timbalan Speaker kemiskinan memang berada di mana-mana sama ada di luar bandar atau pun di luar bandar. Sehubungan dengan itu ia tidak mengira pesawah, petani, nelayan ya. Oleh itu apa yang saya ingin utarakan dalam dewan yang mulia ini ialah kita kadangkala meminggirkan tentang pelajar-pelajar atau orang miskin ini. Oleh itu apa yang saya harapkan Negeri Selangor yang diukur sebagai negeri maju pada tahun 2005 mesti mengetahui segmen masyarakat yang tinggal dalam menikmati kemakmuran yang wujud sama ada mereka tinggal di bandar atau pun di desa. Waktu berdasarkan garis kemiskinan pendapatan PGK, pendapatan RM529.00 bagi semenanjung Malaysia tidak sampai 1% daripada rakyat Selangor. Ditakrifkan sebagai miskin, kemudian paras itu diubah kepada RM700.00 dan pada 2008 Selangor meletakkan PGK sendiri ke paras RM1,500.00. Sebenarnya saya nyatakan kepada EXCO Pendidikan tadi nampaknya guru-guru SRA ini paras kemiskinan, Yang Berhormat EXCO Pendidikan. Oleh itu saya minta tadi dinaikkanlah kalau tidak RM1,500.00 pun setaralah ya. Kalau kerajaan persekutuan boleh bagi RM800.00, Kerajaan Negeri boleh bagi RM500.00 kalau dicampurkan sama banyak bolehlah RM1,600.00 mana lebihlah daripada kadar kemiskinan guru-guru KAFA ini. Sebab saya sebagai YDP saya maklum perkara ini.

Siapa yang miskin? Di mana mereka, berapa jumlah mereka? Apa masalah mereka? Apa *profile* mereka? Bagaimana kita hendak membantu. Sebagai kerajaan berkebajikan setiap persoalan ini mesti ada jawapannya. Secara jelas dan tepat, kerajaan mesti ada bank data-data *base* yang lengkap dan tepat. Jangan main agak-agak ya sebab kita ini kerajaan yang baik yang telah ditubuhkan oleh itu saya rasa dapat majoriti 3/4 seperti yang dinyatakan oleh YB tadi. Benar banyak faktor yang menyebabkan seseorang atau sesebuah warga jatuh miskin. Antara faktor ialah sara hidup yang tinggi sama ada di bandar atau pun di luar bandar. Faktor jumlah keluarga yang ramai yang perlu ditanggung, faktor ini menyebabkan beberapa perkara berlaku. Mereka ini memerlukan makanan, tempat tinggal seperti juga elektrik dan air, pendidikan dan kesihatan. Apatah lagi sumber pendapatan dijana oleh seorang ibu, ibu berdikari. Saya ambillah dari kata ADN tadi, memanglah memeritkan. Kerana itu

kerajaan Barisan Nasional di peringkat persekutuan memperkenalkan bantuan rakyat 1Malaysia (BRIM) yang dinikmati oleh mereka yang berpendapatan RM3,000.00 ke bawah.

Rakyat Selangor adalah penerima teramai di mana sehingga Mac lalu 8,307,904 orang telah menunaikan baucar BRIM. Bantuan ini meliputi orang berkeluarga, orang tua, orang bujang termasuk ibu bapa tunggal. Tapi kerajaan Selangor gagal beri bantuan kepada mereka ini berdasarkan janji manifesto PRU-12. Pakatan untuk memberi bantuan elaun kepada ibu-ibu tunggal yang layak sehingga mereka merayu tapi nampaknya gagal. Tapi mungkin ada mekanisme yang lainlah untuk membantu ibu berdikari ini tadi. Pada khidmat saya 3 perkara penting untuk mengatasi masalah kemiskinan iaitu pekerjaan, perniagaan dan pendidikan. Saya mahu saya tahu bagaimana Kerajaan Negeri memastikan yang miskin ini dibantu dari segi pekerjaan, perniagaan dan pendidikan. Saya difahamkan ada dua skim Mikro Kredit iaitu SkimSel dan MiMBAR. Ini mungkin satu kaedah untuk membantu sebahagian orang miskin, peniaga kecil-kecilan. Cuma saya nak pandanganlah Y.B. Sekinchan sama ada bantuan tak pekerja-pekerja kecil di jalan itu. Tengok kalau ada bantuan, Insyallah Y.B. Sekinchan baik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat ada 2 minit lagi ya.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Ya terima kasih. Tetapi dengan bagaimana dengan aspek pekerjaan yang lebih utama pendidikan kerana ia dapat mengeluarkan bukan seorang malah sebuah keluarga yang generasi yang seterusnya dalam lingkaran paras kemiskinan. Pendekatan pekerjaan dan perniagaan hanya bersifat jangka pendek untuk waktu tertentu saja. Apakah kerajaan negeri Selangor buat bantuan untuk pendidikan anak miskin Selangor. Kalau kita dulu kerajaan Barisan Nasional ada Yayasan Basmi Kemiskinan untuk anak-anak miskin di luar bandar diberi ilmu, kemahiran bila besar nanti ya akan menjadi orang berguna seperti kita yang berada di dalam dewan ini. Saya menyentuh pekerja ladang, Tuan Timbalan Speaker satu lagi kumpulan masyarakat yang berpendapatan rendah dan miskin ialah pekerja ladang. Terutama di ladang-ladang seperti kelapa sawit milik syarikat besar GLC. Kerajaan persekutuan sentiasa memantau GLC ini terbabit agar membantu golongan-golongan yang kemudahan, infrastrukturnya agak mendukacitakan.

Kuala Selangor adalah antara kawasan ladang yang besar di Selangor. Membabitkan ramai pekerja ladang terutama kaum India, minta maaf. Saya mohon untuk kerajaan negeri ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat minta ayat terakhir ya.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Ayat terakhir ya. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, ayat terakhir yang saya ingin nyatakan pada hari ini ialah agar pihak kerajaan memantau apa juga projek, projek-projek untuk orang miskin contohnya sebuah bangunan atau pun sebuah projek di mana di simpang empat BNO

ini Dato' YB. Sekinchan selalu hadir iaitu pintu air yang menelan belanja projeknya RM1,233,000.00 tetapi gagal dilaksanakan pada satu syarikat Soleh Resources oleh itu bila hujan turun maka perkampungan sekelilingnya dimiliki oleh orang-orang desa yang memerlukan tanaman kontang sebagainya tenggelam dan oleh itu, diharapkanlah ya pihak Kerajaan khususnya kerajaan negeri Selangor memandang berat tentang perkara ini, kerana di situ juga ramai orang-orang desa, orang-orang kampung yang miskin. Terima kasih kepada Timbalan Tuan Speaker, yang memberi masa kepada saya dan doakan kita semua diberi rahmat, umur yang panjang dan dapat bekerjasama dan memajukan Selangor pada tahun-tahun hadapan. *Wabilahi Taufiq Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.*

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Yang Berhormat- Yang Berhormat yang telah turut serta di dalam perbahasan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Ya kita dapat gandingan yang baik dengan Yang Berhormat - Yang Berhormat yang lama dan yang baru di dalam turut serta di dalam perbahasan ini. Saya ingin mempersilakan pihak kerajaan ataupun pembawa usul jika ingin memberikan apa-apa penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat - Yang Berhormat tadi jika ada.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan, Yang Berhormat Ahli Dewan di atas komen pandangan dan juga cadangan yang diberikan di dalam ucapan dasar menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor saya ucapkan khusus kepada beberapa Ahli Dewan Negeri yang memberikan komen-komen tersebut termasuklah Seri Muda, Seri Andalas, Damansara Utama, Batu Caves, Bukit Gasing, Bangi, Jeram, Ijok dan juga, Sungai Air Tawar jadi kebanyakan daripada yang di bawa perbahasan ini melibatkan berkaitan harga tender terendah kualiti, infrastruktur, jalan, parit, longkang tersumbat dan sebagainya saya kira ini perkara yang dimaklumi dan kita akan melihat bagaimana kalau pada hari ini Kerajaan pada dasarnya, mengambil harga tender terendah yang di mana secara umumnya memberikan impak dari segi penjimatan, daripada penjimatan kewangan yang berada di peringkat negeri tetapi kita juga mahu lihat bahawa kualiti yang antara yang diperbahasakan daripada segi kualiti, jalan-jalan, longkang parit, dan pengurusan infrastruktur yang dipersoalkan dan ada bukti-bukti yang kita memang lihat bahawa kualiti daripada permit jalan dan sebagainya yang dilihat seolah-olah memang menjadi masalah bila kita perkenalkan harga tender terendah dan ini akan dikaitkan dikaji semula sama ada dengan harga terendah itu benar-benar, kontraktor-kontraktor itu tidak dapat meyakinkan ataupun melakukan projek itu sebaik mungkin ataupun ada perkara-perkara lain yang menjadi asas kepada kualiti projek yang dijalankan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta mencelah, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Exco, sebenarnya saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada mungkin Kerajaan menetapkan satu kadar harga seunit kerana bagi saya kerja-kerja seperti penyelenggaraan jalan parit, longkang, dan sebagainya sepatutnya kita boleh menetapkan satu *standard* harga seunit, ataupun kita tetapkan satu jurang harga antara

yang paling mahal dengan yang paling murah kita boleh tetapkan satu jurang daripada kita memilih hanya yang menawarkan termurah sekali,

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih, saya kira ini mungkin kita akan lihat semula sama ada benar harga yang terendah itu kalau kita ikutkan pun sebenarnya harga yang kita beri ini sepatutnya dalam dilakukan oleh kontraktor-kontraktor yang telah bersetuju dengan harga tender yang telah diberikan itu, kita akan lihat tentang perkara ini dan saya kira, kalau benar memang hasil daripada harga terendah ini ianya kualiti *return of investment* dengan izin wang rakyat yang kita gunakan itu, itu tidak menepati sasaran kebaikan untuk rakyat kita akan lihat semula, jadi selain daripada itu berkaitan juga dengan banjir kilat yang berlaku dari Kota Damansara tebing runtuh Damansara Utama tebing runtuh dan sebagainya kita akan lihat perkara-perkara yang menjadi *priority* akan kita fokuskan untuk pembangunan tersebut dan Batu Caves ada menyentuh

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak mencelah tolong minta kebenaran daripada Puan Speaker dulu. Ya Sri Muda

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih Puan Speaker, Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri, yang bersedia untuk mengkaji kos ataupun mengkaji harga terendah yang ditawarkan yang menjadi syarat kepada hampir kebanyakan PBT sekarang ini, tetapi itu sahaja tidak mencukupi kerana saya perhatikan seperti yang saya sebut semalam selain daripada kualiti yang perlu dititikberatkan mengkaji kos kita juga mesti mewujudkan satu unit yang benar-benar efektif kerana terdapat penipuan seperti di Jalan Persiaran Anggerik Vanilla saiz untuk pembaikan itu cuma 3 meter tetapi dicatkan dekat dengan jalan itu, 4x7 sebenarnya baru 3 meter, jadi mereka yang dipertanggungjawabkan untuk memantau kerja-kerja ini mestilah juga di had oleh kerajaan negeri bagi memastikan kos yang dikeluarkan itu benar-benar mencapai tahap yang kita inginkan terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih di atas cadangan Sri Muda saya kira itu beberapa perkara yang perlu kerajaan negeri perlu lihat selain daripada pelaksanaan tetapi juga pemantauan itu sangat penting kerana kita tidak mahu akhirnya projek yang kita berikan itu tidak memenuhi syarat-syarat atau sepatutnya dilakukan oleh pihak kontraktor tersebut, jadi saya kira tidak menjadi kesalahan jika kita memperkasakan lagi unit ini untuk kita pantau sehingga projek itu selesai bukan pemantauan kita di peringkat hujung projek yang mana kadang-kadang projek itu sudah selesai dan tidak menepati dan kadang juga berlaku terlepas pembayaran dan sebagainya yang mana sepatutnya pemantauan ini berlaku pada peringkat awal saya kira cadangan untuk mewujudkan unit itu adalah satu perkara yang sangat baik dan insya-Allah kerajaan negeri akan lihat tentang perkara ini. Berkaitan dengan isu-isu yang dikaitkan dengan belia ataupun anak muda termasuklah daripada Batu Caves mencadangkan untuk adakan satu insentif khas kepada anak muda ini juga ada di dalam pemikiran kita termasuk lah cadangan Batu Caves untuk mengadakan yuran peperiksaan kepada pelajar-pelajar dan sebagainya itu juga satu pandangan yang baik dan boleh diambil kira dan kita akan lihat tentang perkara ini, di negeri



Selangor juga kita melihat kerajaan negeri Selangor juga melihat bagaimana kita nak memperkasakan lagi terutamanya kepada anak-anak muda kita di kawasan luar Bandar dari segi peluang kedua lepasan SPM dan STPM setakat ini di negeri Selangor ada Kolej INPENS di mana tumpuan nya kepada Vokasional ataupun kemahiran kepada anak-anak muda kita mungkin daripada akademiknya tidak begitu baik dan ini juga kita lihat bagaimana kita dapat perkasakan akhirnya lebih ramai anak-anak muda yang mungkin ini sebagai peluang kedua kepada mereka kita beri peluang kepada mereka dan akhirnya mereka dapat bangunkan diri mereka dan memenuhi syarat-syarat untuk mereka bekerja atau berkerjaya kemudian sebagai mendapatkan sumber ekonomi kepada mereka, berkaitan dengan infrastruktur sukan saya maklum bahawa kita sebenarnya masih lagi jauh kalau nak dibandingkan dengan negeri-negeri seperti Terengganu dan sebagainya dari segi infrastruktur sukan yang telah sedia ada untuk membangunkan kemajuan sukan itu sendiri dan ini juga seperti mana yang saya katakan dulu sebenarnya kerajaan negeri memberikan tanggungjawab ini kepada pihak berkuasa tempatan untuk membangunkan infrastruktur sukan di Negeri Selangor ini tetapi saya ingin melihat juga bagaimana kalau ada kerjasama dari kerajaan negeri yang mungkin kita boleh lihat dari segi pelaksana projek itu dari segi peruntukan dan sebagainya kita sedia maklum banyak PBT-PBT sendiri yang tidak

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Speaker, mencelah

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sijangkang, Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Berkaitan dengan infrastruktur sukan kita dapati kalau kita nak menang dengan SUKMA Terengganu belanjakan RM10 juta kita belanjakan tak sampai 5juta, Terengganu jauh dari kita dan saya dapati infrastruktur sukan terutamanya yang lepas saya jadi bapa angkat kepada Bola Jaring, Persatuan Bola Jaring nak berlatih pun tempat tak ada minta belas ihsan untuk berlatih, saya menjadi Presiden Persatuan Kanu Negeri Selangor, nak berlatih Kanu tempat pun tak ada, baru-baru ini tulis surat kepada UPEN mohon tempat untuk meletakkan alat-alat kanu di kawasan *ban canal* pun tak lulus kemudahan-kemudahan, alat-alat pun tak mencukupi jadi saya cadangkan supaya kerajaan negeri memberi perhatian pada kemudahan latihan alat-alat dan memang kemudahan untuk Kanu agak mahal tapi kalau kita memberi perhatian pada sukan ini dan kita biasa kalah dengan Terengganu ialah sukan Kanu, di gelanggang kita menang, berenang kita menang, tapi kita akhirnya kalah di hujung orang mengira ialah yang menang jadi Selangor sebagai Negeri Maju, saya mencadangkan supaya memberikan peruntukan yang lebih besar untuk kemudahan sukan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Kota Anggerik perkara ini sudah kita maklumi bahawa antara kepentingan untuk kita memajukan sukan adalah perkara-perkara berkaitan dengan infrastruktur sukan itu sendiri termasuklah padang, gelanggang sukan, selain daripada kekuatan atlet itu juga peralatan-peralatan dan saya kira sudah tentunya lah perlu satu peruntukan yang cukup besar saya tak nafikan di negeri Selangor sebenarnya kita mempunyai banyak gelanggang-gelanggang ataupun tempat-tempat permainan cuma pada hari ini keadaannya amat mengecewakan dan ini

juga sudah tentu dari segi baik pulih prasarana ini akan diambil kira oleh Kerajaan Negeri walaupun mungkin ia akan memerlukan kewangan yang cukup besar dan tidak dinafikan apa yang dilakukan yang dikatakan oleh Kota Anggerik tadi dan kita berharap *Insyah-Allah* kita akan perjuangkan semoga kita akan dapat peruntukan yang lebih baik lagi terutamanya untuk menyelesaikan masalah-masalah isu yang menjadi soal-soal pokok untuk kemajuan ataupun kejayaan kita di dalam pertandingan sukan sama ada peringkat sukan Malaysia, peringkat Kebangsaan ataupun di peringkat lebih tertinggi lagi walaupun saya tak nafikan sebahagian daripada atlet-atlet kita bukan sahaja berjaya di peringkat negeri, bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi kita dapat melahirkan atlet-atlet kita yang baik di peringkat Internasional tetapi kita masih lagi mungkin kita tidak dapat menyediakan beberapa infrastruktur kemudahan kepada sukan-sukan yang tertentu contohnya Kanu tadi yang mana kebetulannya di dalam pertandingan SUKMA dia mempertandingkan jumlah pingat Emas yang begitu banyak sebagai contoh, jadi saya kira itu memang akan menjadi satu perkara untuk mengambil kira oleh kerajaan negeri, selain daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, program usahawan juga di kalangan belia kita sudah fikirkan sebab itu lah antara perancangan kerajaan negeri pada hari ini macam mana kita nak memperkasakan pembangunan desa, akhirnya belia-belia kita terutamanya di kawasan desa atau di luar Bandar juga akan dapat pembangunan yang baik dan akhirnya program keusahawanan program-program yang menaikkan taraf ekonomi anak-anak muda kita atau belia-belia kita di kawasan luar Bandar dapat kita pertingkatkan jadi saya kira itu saja

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta penjelasan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya Yang Berhormat Sijangkang, Sekinchan minta penjelasan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Puan Speaker saya nak minta penjelasan secara lebih khusus ya daripada Yang Berhormat Sijangkang tentang pembangunan desa dan juga usahawan belia ini saya telah dalam perbahasan saya telah mengutarakan satu cadangan supaya untuk memperkasakan pendidik lebih ramai usahawan muda kita di kampung-kampung dalam konteks industri kecil dan sederhana kita perlu suntikan dana, dana tu kurang-kurang satu dana usahawan RM30 juta untuk disuntikkan untuk disalurkan supaya kita dapat membuat secara keseluruhan di Negeri Selangor ini saya nak tahu bagaimana cadangan saya ini dipertimbangkan atau tidak. Terima kasih

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Sebenarnya di dalam Geran SelangorKu kerajaan negeri sudah memperuntukkan jumlah yang agak besar cuma kita nak lihat semula bagaimana dengan peruntukkan yang ada ini akhirnya dia memberi manfaat yang sebenarnya saya nak berikan sebagai contoh sebelum 2008 satu Tabung Usahawan Belia telah ditubuhkan dan ini diletakkan di bawah Jabatan Belia Negeri Selangor yang mana tujuannya adalah untuk membantu kepada usahawan-usahawan terutamanya belia da juga anak muda dalam bentuk pinjaman dan ada sebahagiannya juga dalam bentuk *one off*. Tetapi, akhirnya pinjaman-pinjaman ini tidak menjadi pulangan balik walaupun RM1 juta yang telah kita peruntukkan dan saya melihat

bahawa untuk membantu belia daripada sudut pembangunan ekonominya bukan hanya sekadar kita memberikan satu jumlah peruntukan ataupun kewangan untuk membantu usahawan-usahawan kita untuk memajukan sumber ekonomi yang mereka ada ataupun projek-projek, program-program yang mereka ada, tetapi bagaimana kita nak menyediakan satu bentuk untuk membangunkan usahawan anak muda yang mana saya kira pada hari ini Kumpulan Perangsang juga ada program Skim Rangsangan kerjaya rakyat negeri Selangor yang sebahagiannya juga melibatkan belia, saya kira daripada program-program ini juga mungkin kita boleh *adopt* dalam kerajaan negeri bagaimana program-program untuk membantu usahawan dari sudut latihan kepada usahawan-usahawan kita yang akhirnya kalau kita beri bantuan belia kita sudah bersedia daripada segi latihan kebolehan untuk menjadi usahawan ataupun kerjaya-kerjaya yang mereka boleh lakukan di peringkat-peringkat desa dan sebagainya.

Sebab itu, pada tahun lepas kita sudah bermula dengan satu program yang kita panggil Program Inkubator mentor-mentee di Kuala Selangor di samping kita wujudkan satu inkubator kepada anak muda untuk turut serta di dalam program ini khususnya penumpuan kita ini sebagai satu *pilot project* adalah kepada lepasan-lepasan daripada Kolej Inpens. Supaya kita nak lihat, kita nak didik mereka dalam inkubator ini bagaimana mereka setelah keluar daripada latihan di Kolej Inpens ini, mereka bersedia untuk meneruskan kesinambungan kerjaya-kerjaya mereka dengan harapan apabila selepas satu tahun mereka keluar daripada inkubator ini dan kita terapkan sistem mentor-mentee ini untuk mendidik mereka dalam segi usahawan yang khusus itu mereka boleh membuka perniagaan sendiri. Boleh menjadi usahawan sendiri dan mungkin di situ kita boleh lihat apabila kita yakin bahawa mereka boleh lakukan maka kerajaan negeri boleh membantu daripada segi sudut pinjaman dan sebagainya. Yang ini juga sedang kita fikirkan bagaimana nak kita membangunkan usaha-usaha ke arah membangunkan usahawan belia itu sendiri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB** : Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Sedikit lagi Yang Berhormat Speaker, ini EXCO. Dari segi pembangunan usahawan, bagi pembangunan desa, tumpuan banyak diberikan kepada luar bandar tetapi di pinggir bandar di Gombak, Ampang, Hulu Kelang sendiri, usaha ini agak *marginal*, dengan izin. Jadi, apakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan pembangunan usahawan desa pinggir bandar dalam masa terdekat. Sebenarnya kita mahu melihat bahawa pembangunan yang akan kita lakukan kepada anak-anak muda ataupun belia ini adalah secara kolektif tetapi saya kira pada tahun lalu, kita mahu melihat sama ada *pilot project* yang akan kita buat ini akan menjadi ataupun tidak, dan kita harapkan ada kejayaan di situ dan sekiranya kita berjaya mungkin kita akan sebar luaskan sama ada kepada anak-anak muda di kawasan desa ataupun pinggir desa yang boleh sama-sama membantu ke arah pembangunan sudut ekonomi anak desa, anak-anak muda itu sendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin membuat penggulangan di atas beberapa perkara yang ditimbulkan yang berkaitan dengan portfolio saya dan saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat, daripada Bukit Antarabangsa tentang WIFI percuma, Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat Batu Caves, Yang Berhormat Jeram dan juga tentang kesihatan, Yang Berhormat Sri Andalas, Yang Berhormat Sri Muda serta Yang Berhormat Ijok. Jadi, untuk, tentang WIFI percuma yang mana saya telah pun memberi jawapan pada hari Isnin yang lepas, cumanya, ingin saya tambahkan yang mana kerajaan negeri telah pun membuat penambahan WIFI percuma ini daripada 6 lokasi kepada 112 lokasi yang mana setiap DUN mendapat 2 lokasi jadi 56 DUN kali 2, 112 lokasi tambahan jadi keseluruhan adalah sebanyak 118 lokasi telah di...sedang di..telah pun dan sedang dilaksanakan di seluruh negeri Selangor dengan perbelanjaan tambahan sebanyak 2,747,959.86. Jadi ini yang sedang dilaksanakan masa kini untuk menjadikan Selangor lebih, rakyat Selangor lebih celik IT dan juga dapat sampai ke kawasan bandar dan juga luar bandar. Sehingga kini, pengguna WIFI Selangor daripada 2010 sebanyak 5287 orang pengguna dan sekarang setelah penambahan 112 lagi maka penggunaanya telah pun meningkat kepada 51,336 orang yang mana perkara ini, penambahan *hot sport-hot sport* ini sedang di dalam perancangan berperingkat-peringkat di setiap DUN dan tempat-tempat ataupun lokasi-lokasi yang dilaksanakan ini adalah di lokasi-lokasi yang strategik yang mana tempat-tempat lokasi ini adalah di kawasan tumpuan awam seperti di lobi ataupun kaunter premis kerajaan, medan-medan selera PBT, kawasan riadah, kawasan institusi pendidikan ataupun pengajian tinggi dan kolej. Premis-premis perniagaan industri kecil dan sederhana, masjid atau surau, pusat khidmat balai JKK, perpustakaan, pusat komuniti, dewan orang ramai, pusat siber rakyat, taman perumahan dan juga premis-premis perniagaan restoran dan kedai-kedai.

Seterusnya, Bukit Antarabangsa juga menyentuh tentang teknologi dan inovasi. Saya suka untuk menyentuh sedikit tentang halal-hub yang mana visi penubuhan halal-hub ini adalah untuk menjadikan Selangor sebuah hub yang unggul bagi menawarkan perkhidmatan yang berhubung kait dengan perkara halal yang dihadapi di Selangor, khususnya, di seluruh dunia, amnya. Jadi, matlamat penubuhan halal-hub ini adalah untuk mewujudkan pengurusan halal yang profesional, pemiawaian kaedah dan proses pengeluaran sijil halal, latihan kepada para pegawai yang terlibat dengan pensijilan, penyelidikan berhubung dengan kaedah dan proses, mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan makanan dan barangan halal, mewujudkan pangkalan data *e-learning* berkenaan barangan halal ini. Jadi, oleh kerana halal-hub ini dan juga makanan halal yang diperlukan di Malaysia adalah dianggarkan 57.2 bilion setahun yang mana barangan bukan makanan seperti sabun, *shampoo*, ubat gigi dan yang lain-lain dianggarkan bernilai 11.4 bilion daripada penyelidikan Unisel, maka, sekiranya kita negeri Selangor dapat menubuhkan dan menguruskan tentang halal-hub dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan halal ini dan Selangor menjadi juara dalam hal ini maka, kita dapat menjana ekonomi yang tinggi untuk negeri Selangor. Tentang persoalan daripada Sri Andalas, iaitu tentang isu *sisha* yang mana, isu *sisha* dan juga

pengharaman arak. Berkaitan isu *sissha*, Jabatan Kesihatan negeri Selangor menunggu keputusan daripada Kementerian Kesihatan mengenai isu *sissha* ini. Walau bagaimanapun, satu operasi besar-besaran akan dijalankan di seluruh negara pada bulan Julai oleh Kementerian Kesihatan terhadap tempat-tempat di mana *sissha* ini disediakan untuk pelanggan mendapatkannya. Operasi ini akan dijalankan di bawah peraturan hasil tembakau setakat ini tidak ada data yang disertakan lagi. Minuman keras yang berbahaya, yang mana ini..dan juga minuman keras yang berbahaya. Belum lagi dilaksanakan. Seterusnya, tentang *sissha* ini, yang mana *sissha* ini adalah dihisap selama 45 ke 1 jam dan asap yang dihidu oleh penghisap ini menyamai 40 ke 60 batang rokok, jadi paras karbon monoksida dan *benzine* ini adalah lebih 2 kali ganda lebih tinggi daripada rokok dan *sissha* ini juga mengandungi 100 bahan kimia termasuk nikotin, tar dan gliserin yang mana ia akan meningkatkan barah, iaitu kanser paru-paru dan juga menyebabkan berlakunya kejadian penyakit jantung yang lebih drastik. Jadi, langkah-langkah tentang *sissha* ini kita, sebab perkara ini masih baru jadi kita masih belum lagi ada langkah-langkah yang terkini.

Tentang Sekinchan yang menyebut tentang mencungkil belia-belua, anak muda memberi asuhan, kemahiran dan juga sebagai usahawan berjaya, serta syor untuk menubuhkan tabung usahawan muda sebanyak RM30 juta, ini adalah satu cadangan yang amat baik dan kita juga, wang sebanyak, dana sebanyak RM30 juta ini mungkin bukan sahaja untuk usahawan muda tetapi untuk keseluruhan usahawan yang ada di Selangor, jadi, kita begitu akan, kita akan menjadikan program pembangunan usahawan ini akan lebih berdaya maju lagi agar lebih ramai lagi usahawan muda dapat menceburkan diri dan mendapat impak dan juga bersama-sama dalam memacu arus dan pembangunan dan kekayaan negeri Selangor ini. Batu Caves juga menyarankan agar diadakan, diberi peluang kepada belia muda yang terkandas untuk mengikuti bidang-bidang vokasional dan teknikal di Kolej Inpens di Selangor. Sebenarnya Kerajaan Negeri telah pun dan sedang melaksanakan untuk para belia muda ini yang terkandas. Peluang kedua di Kolej Inpens dan Unisel semenjak 2011 hingga 2012 telah ada seramai 280 orang yang mengikuti kursus asas keusahawanan di Inpens ini. Dan seminar usahawan yang dibuat untuk siswazah di Inpens dan juga di Unisel adalah seramai 600 orang untuk setakat ini dan Insya-Allah kursus-kursus seperti ini, kita akan....

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR ARULANANDAM :** Speaker, boleh mencelah?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Teruskan.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Sementa, Yang Berhormat Sri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR ARULANANDAM :** Yang saya tahu, dari *Standco* Usahawan untuk bayar untuk Inpens tidak ada peruntukan. Untuk bayar kepada Inpens adalah prihatin dengan anak-anak pekerja ladang. Kalau ada, terima kasih. Saya nak tau berapa peruntukan itu dari usahawan kepada Kolej Inpens?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Sri Andalas. Buat setakat ini, belum ada, kita tidak ada lagi pembayaran kepada Inpens. Dengkil juga telah menyebut tentang jerebu yang mana kita, baru-baru ini negeri Selangor, kita semua menerima kegawatan jerebu jadi, oleh kerana kita semua telah pun menerima kegawatan jerebu ini maka seluruh rakyat Selangor terjejas dan antara jangka pendek untuk mengatasi masalah ini adalah, apa yang kita buat adalah memberikan topeng muka percuma, baru-baru ini yang mana kerajaan negeri telah pun memberikan, mengedarkan sebanyak 250,000 topeng muka percuma kepada seluruh rakyat Selangor melalui ADN-ADN dan kita juga menasihatkan mana-mana pesakit yang bermasalah pernafasan untuk mendapatkan rawatan segera dan juga untuk tidak keluar rumah jadi jangka panjang pula kita, pihak EXCO Alam Sekitar mungkin akan ada penambahbaikan di situ.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sementa, Dengkil minta mencelah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya nak tanya topeng muka di DUN Dengkil, diberikan kepada siapa?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Kita telah pun meminta, kita telah pun menghantar kepada semua pejabat-pejabat Adun agar datang ke pejabat SUK di tingkat 4 untuk mengambil topeng-topeng muka tersebut dan setiap ADUN kita bekalkan sebanyak 4000 topeng.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB :** Minta penjelasan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sementa, Yang Berhormat Hulu Kelang nak penjelasan.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB :** Pemberian topeng muka adakah melalui *Standco* Kesihatan ataupun Alam Sekitar? Dan sekiranya Kesihatan, berapakah peruntukan yang dikeluarkan? Dan apakah proses perolehannya?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Kelang. Topeng muka yang dikeluarkan adalah daripada pihak *Standco* bersama iaitu Kesihatan dan juga Alam Sekitar. Dan daripada pihak *Standco* Kesihatan, kita memperuntukkan sebanyak RM5,000 dan selebihnya oleh pihak *Standco* Alam Sekitar dan juga daripada Pejabat Menteri Besar.

**TUAN SPEAKER :** Ada lagi Yang Berhormat Sementa? Ada lagi? Penggulangan? Terus, itu saja?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Itu saja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat Bukit Gasing dan juga Yang Berhormat Taman Medan telah mengungkit perkara, khususnya kemiskinan bandar. Dan cara-cara kalau ada, juga Yang Berhormat Taman Medan telah syorkan sekiranya kita boleh bagi kupon ataupun subsidi kepada makanan asas. Walaupun kerajaan negeri telah usaha membela nasib rakyat miskin di negeri Selangor dengan mewujudkan program-program yang lain, ramai juga untuk membasmi kemiskinan. Setakat ini tidak ada rancangan ataupun sasaran untuk menetapkan subsidi makanan asas. Itu adalah merujuk kepada soalan khusus.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Alam Shah, Taman Medan minta penjelasan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Banyak juga diperkatakan tentang kemiskinan desa jadi saya harap kemiskinan bandar ini jangan dilupakan. Sebab ramai penyokong Pakatan Rakyat tinggal di bandar. Jadi kita mesti sanjungi mereka.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan. Kerajaan memang sedar bahawa kemiskinan bandar ini memang menjadi rumit sangat dalam keadaan semasa kini. Walaupun rancangan-rancangan kita katakan kita tak bantu golongan kemiskinan di bandar, sebenarnya rancangan khusus seperti bantuan pendidikan di *Inpens College*, ya bila kita *target* kan anak-anak belia muda yang tak dapat melanjutkan pelajaran lepas SPM dengan keadaan keluarga, kewangan keluarga yang tak izinkan dan juga bila keputusan SPM yang tak begitu bagus. Kita ada sediakan juga melalui, *under standco* Kemiskinan ada anak-anak ini dihantar kepada Kolej Inpens, itu salah satu. Dan kita juga ada sediakan *blueprint* untuk membasmi kemiskinan di mana kita banyak bergantung kepada membuat, membantu golongan-golongan yang khususnya memerlukan bantuan modal kewangan dalam perniagaan kecil-kecilan. Ada juga disediakan. Ini juga, ini membantu juga, *target group* ini, juga dia termasuk kemiskinan bandar.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Saya ingin penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Saya setuju bantuan-bantuan seperti *blueprint*, dan banyak lagi lah. Tetapi, proses untuk mendapat bantuan itu sangat birokrasi. Sebab pemohon perlu menghantar permohonan dan menunggu lebih daripada 3 bulan. Dan dalam tempoh masa itu kalau gagal tidak dimaklumkan jadi mereka ternanti-nanti sedangkan keperluan hidup tu tak perlu tunggu sampai 6 bulan. Jadi saya mohon penjelasan daripada EXCO.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Memang tidak dinafikan, terima kasih Yang Berhormat Medan, *again*. Tidak dinafikan bantuan yang disalurkan ataupun

birokrasi telah menelan masa yang agak lama. Dalam pada ini, dalam, saya telah nasihatkan *Standco* Kemiskinan agar merombak balik sistem pemberian bantuan ini dan juga membawa idea-idea yang baru seperti Taman Medan telah memberi idea macam subsidi makanan asas, walaupun kini tiada sasaran. Mungkin bukan dengan subsidi itu tapi kita mungkin akan mendapatkan idea-idea yang lebih baik dengan merombak balik *blueprint* yang telah disediakan untuk membasmi kemiskinan iaitu pada 2004, kita masih lagi guna *the same blueprint*, dengan izin Puan Speaker. So, mungkin kita akan membuatkan rombakan yang baik dengan perbincangan yang berlanjutan dengan *standco-standco* yang terlibat dan juga akan membawa kepada mengurangkan birokrasi yang ditetapkan nanti. Itu salah satu yang telah dibawa kepada kemiskinan bandar, khususnya..

**Y.B. TUAN HJ. SAARI B. SUNGIB** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kota Alam Shah. Yang Berhormat Hulu Kelang minta penjelasan.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI B. SUNGIB** : Ya, terima kasih saudara EXCO. Kita tadi menyentuh tentang untuk merombak dan menyemak Program *Blueprint* dan mendapatkan idea baru. Adakah kerajaan bercadang untuk mendapat pandangan dan penyertaan daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan macam NGO seperti 'food.com', *Islamic Relief* Malaysia yang memberi kupon-kupon makanan asas kepada rakyat terpinggir. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih, Hulu Kelang *is it* ?

**Y.B. TUAN HJ. SAARI B. SUNGIB** : Ya, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Merombak untuk *Blueprint* adalah baru telah dibincangkan bersama dengan pegawai-pegawai *Standco* baru 2 hari lalu dan mereka pun setuju dengan saya, perlu ada rombakan tapi saya perlu membawa perkara ini kepada MMKN dulu supaya dapat keputusan yang lebih lanjut dan secara terperinci nanti. Siapa yang patut terlibat akan dibawa kepada pengetahuan Yang Berhormat nanti. Ya. Saya berbalik kepada isu yang dibawa oleh saudara Yang Berhormat daripada Bukit Gasing berkenaan tentang bancian Rumah Ibadat Selain Islam telah..adakah bancian Rumah Ibadat dilakukan Selain Islam, ya. Bancian Rumah Ibadat Selain Islam yang terakhir telah dibuat pada tahun 2008 melibatkan semua Pejabat Tanah Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan negeri Selangor. Dan beliau juga telah mengemukakan soalan berkenaan apakah polisi kerajaan negeri ke atas Rumah Ibadat yang sedang dibina tanpa kebenaran. Rumah-rumah Ibadat yang dibina tanpa kebenaran telah melanggar Seksyen 70 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang mana telah menetapkan setiap pembinaan sesuatu bangunan perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, PBT akan mengeluarkan notis agar pemilik premis merobohkan bangunan sendiri atau pemilik premis perlu mengemukakan permohonan kepada PBT. Jika pemilik premis tidak mengambil tindakan dalam tempoh yang telah ditetapkan PBT berhak untuk



mengambil tindakan selanjutnya. Walau bagaimanapun kerajaan negeri sedar bahawa isu perobohan Rumah Ibadat adalah perkara yang sensitif. Oleh yang demikian, semua Pejabat Tanah dan PBT diarahkan untuk mengemukakan laporan atau kertas makluman kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum sesuatu tindakan perobohan diambil. Terdapat Rumah-rumah Ibadat dibina tanpa kebenaran di negeri Selangor. Kerajaan negeri belum menubuhkan sebarang jawatankuasa untuk pemutihan Rumah Ibadat Selain Islam. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diambil tindakan segera memandangkan terdapat banyak isu yang melibatkan Rumah-rumah Ibadat Selain Islam.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKAVAN :** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Ya.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKAVAN:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya ialah sejak bancian dibuat pada tahun 2008, saya jangka ada banyak kos yang telah dibelanjakan untuk membuat bancian tersebut. Apakah tindakan susulan yang dibuat sejak 5 tahun yang lepas terhadap pemutihan ataupun penempatan semula ataupun mungkin boleh diulaskan apa lagi tindakan yang dibuat.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Bukit Gasing. Ulasan setakat ini, apa yang telah difahamkan adalah bahawa walaupun banyak kuil dan juga tokong, tanah telah diberi secara apabila ada buat siasatan dan juga permohonan. Banyak yang telah dilakukan. Tidak dinafikan banyak yang perlu dilakukan nanti, walau bagaimanapun kami menunggu perbincangan lanjutan dalam masa yang terdekat dengan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam sebelum membuat keputusan yang terbaru. Terima kasih. Itu sahaja Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Puan Speaker dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menyentuh tentang portfolio pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan. Seri Serdang mengesyorkan agar semua jabatan dan agensi kerajaan membudayakan SPIES untuk memastikan kualiti sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan. Untuk makluman Seri Serdang, sebenarnya Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah pun melancarkan program pembudayaan SPIES dalam organisasi kerajaan awal tahun ini dan akan dimulakan dalam masa yang terdekat kepada semua jabatan dan agensi kerajaan serta anak syarikat, insya-Allah. Saya ambil maklum dan bersetuju usul daripada Seri Serdang untuk menyediakan bahan dalam bahasa Cina dan mungkin dalam bahasa Tamil juga, insya-Allah untuk menyebarkan lagi pembudayaan SPIES ini. Seri Serdang juga mahu Program Tuisyen Rakyat Selangor dijalankan di semua DUN dan diperkasakan. Untuk makluman Seri Serdang, semua DUN di Selangor telah pun terlibat dalam Program Tuisyen Rakyat Selangor ini yang terbukti memberi impak yang

baik untuk membantu pelajar daripada keluarga yang miskin. Ini tadi mungkin Sg. Panjang yang sebut bagaimana kerajaan Selangor nak bantu keluarga miskin ini. Di antara program yang membantu secara khusus pelajar daripada keluarga berpendapatan kurang daripada RM1,500.00. Inilah yang kita jalankan sejak 2009 dan kita peruntukan RM3.4 juta setahun.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Puan Speaker saya mohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Ya Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Taman Medan mendapat manfaat daripada program PTRS namun ada beberapa kali kelas tidak dapat dijalankan kerana guru-guru tidak hadir sebab bayaran elaun tidak dijelaskan berbulan-bulan. Masalah ini sebenarnya kami hadapi bukan sahaja tahun 2013, 2011, 2012 sehingga ke 2013. Jadi saya mohon supaya pemasalah ini dapat diatasi kerana dia menjejaskan kehadiran murid kerana guru tidak datang sebab mereka tidak diberi elaun, kebanyakan guru ini adalah pelajar-pelajar universiti jadi kita faham situasi ini.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih kepada Taman Medan. Saya rasa masalah itu telah pun di atasi dan di antara sebabnya biasanya di awal tahun itu ialah kerana pelantikan *consultant* atau pengurus bagi koordinator pembangunan modal insan ini tidak boleh di laksanakan oleh kerajaan negeri kerana dia ada menggunakan bon dan sebagainya. Ada prosedur-prosedur yang tertentu dan saya yakin insya-Allah pihak kerajaan, pihak kewangan, Insya-Allah ambil maklum tentang masalah-masalah birokrasi yang disebutkan oleh Taman Medan tadi. Saya teruskan lagi Seri Serdang mahu impak memperkasakan Program Tuisyen Rakyat Selangor ini tadi. Saya nak sebutkan sedikit Insya-Allah PTRS telah di laksana semua 56 DUN tapi mungkin ada masalah yang saya minta juga nasihat sedikit kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di mana koordinator pembangunan Modal Insan yang dipilih oleh ADUN sebelum ini perlu dipantau sendiri oleh ADUN dan jangan dibebankan dengan tugas-tugas yang lain yang menyebabkan mereka tidak mampu fokus kepada *core business* dengan izin iaitu kejayaan pelajar dalam SPM dan terbentuknya sahsiah dan perjalanan tuisyen itu sendiri. Terima kasih juga kepada Bangi yang menzahirkan kekusaran Bangi di mana tiada wakil daripada Pakatan Rakyat, Kerajaan Pakatan Rakyat sejak mengambil alih 2008 di dalam KUIS untuk makluman Bangi EXCO Pendidikan pun tidak ada di dalam Lembaga KUIS tetapi Insya-Allah kita harap perkara ini boleh diperbaiki. Untuk Sungai Air Tawar seperti saya sebutkan tadi di antara bagaimana kita membantukan keluarga miskin khususnya di Luar Bandar dan Miskin Bandar di Selangor ini ialah Program Tuisyen Rakyat Selangor khusus untuk calon-calon SPM dan Alhamdulillah kita telah melihat buktinya bahawa program ini memang membantu mereka yang sederhana pencapaiannya. Kedua, kerajaan Selangor juga telah berjaya melipat gandakan jumlah pelajar miskin yang cemerlang yang dibantu oleh kerajaan Selangor melalui anak syarikat ataupun Yayasan Selangor yang sebelum Pakatan Rakyat ambil alih iaitu sebelum 2008 jumlah pelajar yang dibantu oleh Yayasan Selangor hanya 1,600 tetapi sekarang ini telah meningkat setiap tahun semenjak 2008 sekarang ini sudah

menghampiri 5,000. Tahniyah juga kepada Taman Templer, Taman Templer ini adalah contoh seorang produk program SPIES dan Taman Templer bersama dengan Paya Jaras, Taman Medan mahu hadiah masuk universiti serta program MES diberi kepada semua tanpa mengira pendapatan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan telah meluluskan peningkatan had pendapatan keluarga yang layak iaitu kalau sebelum ini hanya 1,500 ke bawah sahaja yang layak tetapi sekarang ini kita telah meningkat sampai 3,000 tapi yang dikatakan bagi untuk semua walaupun 40,000 ke apa ke Insya-Allah itu perlu dibincangkan semula dasar baru ini kalau mahu di implementasi oleh kerajaan negeri Selangor. Batu Caves bercerita tentang had pendidikan, yuran SPM percuma. Ini Insya-Allah boleh kita bawa dalam kerajaan negeri Selangor juga sebab semuanya mahu percuma ini di antara yang kita sebut-sebut selalu. Di antara yang disebutkan oleh Batu Caves juga ialah mahu Inpens diwujudkan. Ini saya perbetulkan, saya lihat ramai Ahli Yang Berhormat silap sebut Inspens, Kolej Inspens, S kat hujung itu adalah Selangor. Inspens, Inspens ya. Insya-Allah EXCO Kerja Pendidikan sedang menyiapkan kertas cadangan untuk dibawa diangkat kepada Majlis Mesyuarat EXCO Insya-Allah untuk mewujudkan mini Inpens bukan Inspens di mana kita mahu memberikan latihan kemahiran itu di setiap DUN dengan menggunakan aset-aset yang sudah ada sumber-sumber yang ada dan mungkin belajar memotong rambut di kawasan itu dengan itu mereka boleh mendapat pendapatan, Insya-Allah. Itu di antara mini Inpens yang saya katakan tadi. Tidak agak sukar untuk membawa Inpens sebenarnya kolej Inspens di setiap DUN seperti yang disyorkan oleh Batu Caves. Sekinchan mengatakan ada pekerja-pekerja di SUK yang hanya dapat slip..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Selat Klang, Seri Andalas minta mencelah.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** *Okey.*

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Yang Berhormat EXCO, sekarang dengan keadaan yang kita fahamkan melalui pendidikan lepas yang habis SPM, ramai yang minta untuk buat kajian dan belajar kemahiran tangan yang kita adakan di Inpens. Saya faham bahawa bajet kita terhad yang kita bagi kepada pelajar-pelajar di dalam Negeri Selangor tapi permintaannya sangat besar sekali. Bolehkah kita dalam bajet yang akan datang mendapatkan bajet yang lebih untuk ini sebab sekarang saya tahu kita ada RM3,000,000.00 yang kita belanja, *about 3 millions* yang kita belanja keseluruhannya dalam Inpens. Untuk Inpens kalau boleh saya minta Kerajaan untuk meningkatkan perbelanjaan *especially* untuk anak-anak muda ini yang tidak mahir di dalam pelajaran tetapi kita bagi dia *second chance* untuk buat kemahiran tangan melalui Kolej Inspens ataupun ada kolej-kolej lain yang boleh mereka buat ataupun belajar.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih kepada Seri Andalas. Syor daripada Seri Andalas saya sokong 110%, Insya-Allah kerajaan negeri Selangor tengah mendengar dan kita boleh membicarakannya dan memang itulah tumpuannya kerana kita lihat daripada statistik hanya 20% daripada lepasan SPM yang berjaya masuk universiti atau kolej yang selain daripada mereka hampir 80% peratus tidak akan masuk

universiti dan kolej dan mereka inilah yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan Selangor. Tadi saya kata pasal Sekinchan, Sekinchan masuk dah. Sekinchan mengatakan ada pekerja kontrak di SUK yang slip gajinya tidak laku yang nak minta apa ini pun tidak dilayan oleh pihak bank. Untuk makluman Sekinchan ada tabung khas sebenarnya untuk anak-anak penjawat awam telah kita wujudkan. Tapi memang masih ada lagi pekerja kontrak ini dan saya pun pagi tadi kita melihat slip gaji minima dalam soalan DUN yang saya sebutkan tadi Insya-Allah kita akan melihat secara menyeluruh bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini tapi Sekinchan pun tahu apa yang kita warisi ini adalah skim pengajian yang lama dan mereka yang mempunyai pendidikan atau kelayakan UPSR ataupun bukan UPSR tapi setakat darjah 6 mungkin tidak ada UPSR pun mungkin perkara-perkara yang kita doa-doakanlah kita banyak duit dan kita boleh menambah baik lagi kebajikan penjawat-penjawat awam.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Selat Klang, Sekinchan minta penjelasan.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Puan Speaker. Menyentuh tentang perkara yang saya sebutkan pada perbahasan berkenaan dengan kakitangan kontrak dan kakitangan di SUK di dewan yang 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun gred N17 hingga 41 yang 20 tahun masih kontrak. Kita boleh semak saya minta Yang Berhormat telitikan kalau boleh diserap secara tetap minta itu diserap secara tetap kerana kebajikan itu berlainan kontrak dengan tetap. Itu satu. Yang keduanya kalau tidak boleh seandainya memang tidak boleh tidak mematuhi kriteria dan sebagainya kalau dia 20 tahun pun tetap tak boleh tetap sebagai kontrak saya syorkan satu tabung perumahan, bantuan perumahan Selangorku untuk kakitangan kontrak ini sama ada dia *driver* ke, sama ada dia kerani biasa ke sama ada dari pelbagai peringkatlah yang pentingnya dia punya slip gaji sekurang-kurangnya kerajaan boleh beri pinjam wang untuk beli rumah. Rumah ini penting, keperluan asas untuk warga, kita Merakyatkan ekonomi warga kakitangan SUK dan dewan ini harus kita pertahankan. Ini cukup penting. Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih kepada Sekinchan yang sangat-sangat baik hati dan sangat-sangat prihatin kepada penjawat awam. Saya rasa kerajaan negeri Selangor Insya-Allah akan berbincang khusus di dalam perkara ini dan melihatkan dasar-dasar baru yang boleh menambah baik lagi kebajikan di kalangan penjawat-penjawat awam dan modal insan yang menjadi sendi untuk melaksanakan dasar baik yang di bawa oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ini. Kepada Taman Medan juga menyebutkan di mana Taman Medan mahu anak-anak Selangor ini ditanggung atau diberi biasiswa SPM dan STPM. Memang besar jumlahnya untuk pengetahuan Taman Medan, kalau boleh kerajaan negeri Selangor yang dikatakan kerajaan berkebajikan semua dia hendak beri. Daripada lahir sampai ke Skim Mesra Usia Emas tetapi kita akan meneliti prioriti golongan manakah yang harus di dahulukan, yang mana boleh dikemudiankan yang mana kita juga melihat sumber-sumber yang ada supaya kita boleh membuatkan sesuatu polisi itu secara adil dan saksama, insya-Allah.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Apa yang Taman Medan sarankan ialah supaya Kerajaan Negeri ada perancangan untuk masa depan berapa bilangan peguam? Berapa bilangan doktor? Berapa bilangan jurutera atau sebagainya. Jadi dengan pemberian biasiswa ini maka bilangan tersebut mungkin boleh dijangka dalam tempoh masa untuk mereka sama-sama membangunkan negeri Selangor ini.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih kepada Taman Medan. Insya-Allah itu kita akan ambil kira dan sebenarnya satu pasukan kerja juga di bawah EXCO Pendidikan kita tengah merancang bagaimana kita nak wujudkan satu *brain bank* atau bank pemikir di mana kita akan memberikan biasiswa yang disebutkan Biasiswa Menteri Besar di dalam manifesto Pakatan Rakyat dan itu juga kita boleh kita lihat bersama nanti, Insya-Allah. Sungai Panjang menyebutkan tentang Unisel yang dikatakan semenjak 2008 menunjukkan kemerosotan jumlah pelajar dan juga itu menyebabkan kemerosotan pendapatan. Alhamdulillah sekarang ini sebenarnya Sungai Panjang bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lama mungkin perasan di mana isu ini diulang-ulangkan dan Sidang DUN yang lepas 2011 saya telah menyatakan statistik di mana pelajar-pelajar di Unisel.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Selat Klang, boleh sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah pun 4.30 petang maka dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok, 4hb Julai, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang )**